

**RETORIK PEMBUJUKAN DAKWAH DALAM LAGU
NASYID: KAJIAN TERHADAP LAGU
OPICK DAN HAFIZ HAMIDUN**

NUR SAKINAH BINTI SABARI

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2018

RETORIK PEMBUJUKAN DAKWAH DALAM LAGU NASYID: KAJIAN TERHADAP LAGU OPICK DAN HAFIZ HAMIDUN

ABSTRAK

Perlaksanaan dakwah hari ini memerlukan satu pendekatan yang kreatif. Salah satu pendekatan yang boleh digunakan ialah dakwah melalui lagu. Hiburan merupakan satu fitrah yang disukai oleh semua manusia. Islam datang bukan untuk mengharamkan tetapi memberi garis panduan. Bahkan, Islam tidak mengharamkan hiburan selagi mana bersesuaian dengan fitrah dan menepati syarak. Sehubungan dengan itu, bentuk hiburan yang paling mendapat perhatian khalayak ialah melalui lagu dan nyanyian. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji retorik pembujukan dakwah dalam lagu-lagu nasyid terpilih. Selain itu, kajian ini juga mengenalpasti mesej dakwah dalam lagu-lagu nasyid terpilih. Kajian ini menggunakan metode analisis kandungan terhadap album lagu *The Best Of Opick 2011* dan *I Love Rasulullah* Hafiz Hamidun bagi mengenal pasti penggunaan retorik pembujukan dakwah melalui lagu nasyid. Hasil kajian mendapati terdapat mesej dakwah iaitu akidah, syariah dan akhlak yang diaplikasikan dalam kedua-dua album tersebut. Di samping itu, pengaplikasian retorik pembujukan dakwah dapat dilihat daripada lagu-lagu nasyid di dalam kedua-dua buah album ini. Antara retorik pembujukan dakwah yang digunakan ialah secara maw'izah al-hasannah iaitu dilakukan secara terus-terang dan halus.

RHETORICAL DA'WAH PERSUASION IN NASYEED: A STUDY ON OPICK AND HAFIZ HAMIDUN SONGS

ABSTRACT

Implementation of daawah today needs a creative approach. One of the approach that can be used is metode through songs. Entertainment is a fitrah that loved by people. Islam does not ban entertainment but allow it with guidelines. As long as it suit with fitrah and comply with islamic law. Therefore, one of the entertainment form that get the most attention from audiences is songs. This study is about the concept of persuasion rhetoric in Islamic song selected. Other than that, the study focus at the analysis persuasion rhetoric through Islamic song selected. The study used method of content analysis from the album *The Best Of Opick songs* (2011) and *I Love Rasulullah* by Hafiz Hamidun. There are daawah message about faith, sharia and morality that applied in both album that found in the study. Example of daawah persuasion rhetoric that used in these album is through the good examples delivered directly and indirectly.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izinNya disertasi ini berjaya disiapkan. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia Dr Norrodzah @ Raudah binti Hj Siren dan Dr Muhammad Bin Yusuf yang dedikasi dan tidak jemu dalam menyelia kajian ini. Terima kasih di atas tunjuk ajar, bantuan dan pandangan sepanjang proses pengajian ini. Tidak lupa juga juga diucapkan terima kasih kepada barisan pensyarah yang lain Dr Yusmini Binti Yusoff, Ustaz Roslan Bin Mohamad, Dr Fakrul Adabi Bin Abdul Kadir serta para asatizah yang banyak memberi sumbangsan, tunjuk ajar di sepanjang perjalanan menuntut ilmu ini.

Selaut cinta dan jutaan terima kasih juga saya tujuhan buat ayahanda Sabari bin Osman, bonda Siti Saidah binti Abdullah, adik-beradik ,sahabat-sahabat khususnya Cik Halimaton Saadiah Ismail, Cik Liyana Nadzirah Md Saril, Cik Nor Hizwani Ahmad Thohir yang telah memberikan dorongan dan kekuatan dalam menyiapkan disertasi. Segala jasa dan kasih sayang yang diberikan hanya Allah S.W.T yang layak membalaunya.

Tidak dilupakan juga terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung di dalam proses pengajian ini. Akhirnya terima kasih juga buat keluarga Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan dan juga pihak Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya diatas kemudahan dan bantuan diberikan sepanjang pengajian.

Sekian, terima kasih,

NUR SAKINAH BINTI SABARI
Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur
sakinahsabari@yahoo.com

PANDUAN TRANSLITERASI

a. Konsonan

Arab	Roman	Arab	Roman
ج	a/'	خ	d
ب	b	ط	t
ت	t	ظ	z
ث	th	ع	'
ج	j	غ	gh
ه	h	ف	f
خ	kh	ق	q
د	d	ك	k
ذ	dh	ل	l
ر	r	م	m
ز	z	ن	n
س	s	و	w
ش	sy	ة	h,t
ص	s		

b. Vokal Panjang

No	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan arab	Tulisan rumi
1.	ا	ā	قال	qāla
2.	او	ū	موسى	mūsā
3.	اي	ī	إيمان	īmān

c. Vokal Pendek

No	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan arab	Tulisan rumi
1.	ó	a	نصر	nasara
2.	ُ	u	ناصر	nāsiru
3.	ِ	i	ينصر	yansuru

d. Diftong

No	Huruf Arab	Huruf Rumi	Contoh	
			Tulisan arab	Tulisan rumi
1.	او	aw	أواب	awwāba
2.	أي	ay	أيام	ayyāma
3.	إي	iy	إيڭ	iyyāka

SENARAI JADUAL

Jadual 1.10.2 a: Jadual Analisis Kandungan Secara Kualitatif : Album Opick

Jadual 1.10.2 b: Jadual Analisis Kandungan Secara Kualitatif : Album Hafiz Hamidun

Jadual 2.5.3 : Pembujukan Secara *Maw'izah Hasanah*

Jadual 3.4.1.a : Analisis Kandungan Mesej Akidah

Jadual 3.4.1 a.i : Mesej Keimanan Kepada Allah

Jadual 3.4.1 a ii : Mesej Keimanan Kepada Malaikat

Jadual 4.3.1 a iii: Mesej Keimanan Kepada Kitab

Jadual 4.3.1 a iv: Mesej Keimanan Kepada Nabi Dan Rasul

Jadual 3.4.1 a v : Mesej Keimanan Kepada Hari Kiamat

Jadual 3.4.1 a vi : Mesej Keimanan Kepada Qada Dan Qadar

Jadual 3.4.1 b : Analisis Kandungan Mesej Syariah

Jadual: 3.4.1 b i: Mesej Syariah Menunaikan Solat

Jadual: 3.4.1 b ii: Mesej Syariah Membaca Al-Quran

Jadual: 3.4.1 b iii: Mesej Syariah : Mesej Zikir

Jadual: 3.4.1 b iv: Mesej Syariah Menunaikan Haji

Jadual: 3.4.1 b v: Mesej Syariah Berpuasa

Jadual: 3.4.1 b vi: Mesej Syariah Sedekah

Jadual: 3.4.1 b vii: Mesej Syariah Qiamullail

Jadual: 3.4.1 b viii: Mesej Syariah Istighfar

Jadual: 3.4.1 b x: Mesej Syariah Berselawat

Jadual 4.3.2 c: Analisis Kandungan Mesej Akhlak

Jadual 4.3.2 c i: Analisis Mesej Akhlak Sabar

Jadual 4.3.2 c ii: Analisis Mesej Akhlak Bersyukur

Jadual 4.3.2 c iii: Analisis Mesej Akhlak Taubat

Jadual 4.3.2 c iv: Analisis Mesej Akhlak Memberi Salam

Jadual 4.3.2 c v: Analisis Mesej Akhlak Mengingati Mati

Jadual 4 .2 Analisis Retorik Pembujukan Dakwah Dalam Lagu

Jadual 4.2.1 a : Analisis Secara Halus

Jadual 4.2.1 a i: Analisis Secara Halus (Kiasan: Sinkopé)

Jadual 4.2.1 a ii: Analisis Secara Halus (Kiasan: Simpulan Bahasa)

Jadual 4.2.1 a iii: Analisis Secara Halus (Kiasan: Perlambangan)

Jadual 4.2.1 a iv: Analisis Secara Halus (Kiasan: Personifikasi)

Jadual 4.2.1 a v: Analisis Secara halus (Kiasan: Imej Alam)

Jadual 4.2.1 a vi: Analisis Secara halus (Kiasan: Bahasa Asing)

Jadual 4.2.2 a : Analisis Secara Terus Terang

Jadual 4.2.2 a.i: Analisis Terus Terang (Keterangan)

Jadual 4.2.2 b.i: Analisis Terus Terang (Soalan retorik)

Jadual 4.2.2 b ii: Analisis Terus Terang (Kata Tunjuk)

Jadual 4.2.2 b iii: Analisis Terus Terang (Kata Tugas)

Jadual 4.2.2 b iv a: Analisis Terus Terang (Pengulangan Anafora)

Jadual 4.2.2 b iv b: Analisis Terus Terang (Répetisi)

Jadual 4.2.2 b iv c: Analisis Terus Terang (Epifora)

Jadual 4.2.2 b iv d: Analisis Terus Terang (Asonansi)

SENARAI RAJAH

Gambar Rajah 2.5 : Model Retorik Pembujukan Dakwah melalui Lagu

Rajah 2.5.2:Mesej Dakwah Dalam Lagu Nasyid

Rajah 2.5.3 : Pembujukan Secara *Mauizah al-Hasanah*

SENARAI KEPENDEKAN

IKIM : Institut Kefahaman Islam Malaysia

JAKIM : Jabatan Agama Kemajuan Islam Malaysia

SWT : Subhanallah Wa Taala

SAW : Sallallah ‘alaihi wa Sallam

t.t : Tanpa Tahun

ibid : Ibidem

ISI KANDUNGAN

DAFTAR KANDUNGAN.....	i
BORANG PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN.....	ii
HALAMAN TAJUK	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
PENGHARGAAN	vi
TRANSLITERASI	vii
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI GAMBAR RAJAH.....	xi
SENARAI KEPENDEKAN	xii
BAB SATU PENDAHULUAN: LATAR BELAKANG KAJIAN	1
1.1 PENDAHULUAN	1
1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN.....	1
1.3 PERSOALAN KAJIAN	6
1.4 OBJEKTIF KAJIAN	7
1.5 KEPENTINGAN KAJIAN	7
1.6 SKOP KAJIAN	7
1.7 DEFINISI TAJUK	8
1.8 KAJIAN LEPAS	12
a) Lagu dan nyanyian	12
b) Retorik dakwah	15
1.9 JUSTIFIKASI KAJIAN	16
1.10 METODOLOGI KAJIAN	17
1.11 KESIMPULAN	21

BAB DUA: RETORIK PEMBUJUKAN DAKWAH MELALUI LAGU NASYID

2.1 PENDAHULUAN	22
2.2 KONSEP DAKWAH	22
2.2.1 Definisi Dakwah	22
2.2.2 Matlamat Dakwah	23
2.3 KONSEP RETORIK PEMBUJUKAN DAKWAH MELALUI LAGU	24
2.3.1 Retorik	25
2.3.2 Pembujukan	27
2.4 KONSEP LAGU MELALUI NASYID	28
2.4.1 Definisi Nasyid	28
2.4.2 Perkembangan Lagu Nasyid Di Malaysia	29
2.5 MODEL RETORIK PEMBUJUKAN DAKWAH SECARA <i>MAW'IZAH</i> ..	34
<i>AL-HASANAH</i> MELALUI LAGU	

2.5.1 Penyampai	35
2.5.2 Mesej Dakwah	38
2.5.3.Uslub Dakwah Secara <i>Maw'izah Hasanah</i>	43
2.6 KESIMPULAN.....	49

BAB TIGA: RETORIK PEMBUJUKAN DAKWAH MELALUI MESEJ 50 DAKWAH DALAM ALBUM OPICK DAN HAFIZ HAMIDUN

3.1 PENDAHULUAN	50
3.2 LATAR BELAKANG OPICK	50
3.2.1 Latar Belakang Album <i>The Best Of Opick</i>	51
3.3 LATAR BELAKANG HAFIZ HAMIDUN	52
3.3.1 Latar Belakang Album <i>I Love Rasulullah</i>	53
3.4 ANALISIS MESEJ DAKWAH MELALUI LAGU	53
3.4.1 Analisis Mesej Akidah	53

3.4.2 Analisis Mesej Syariah.....	64
3.4.3 Analisis Mesej Akhlak	76
3.5 KESIMPULAN	83
BAB EMPAT: ANALISIS RETORIK PEMBUJUKAN DAKWAH SECARA.....	84
<i>MAW'IZAH AL-HASANAH DALAM LAGU NASYID</i>	
4.1 PENDAHULUAN	84
4.2 ANALISIS RETORIK PEMBUJUKAN DAKWAH SECARA <i>MAW'IZAH AL-</i> <i>HASANAH</i> DALAM LAGU NASYID	84
4.2.1 Analisis Secara Halus	84
4.2.2 Analisis Secara Terus-Terang	98
4.3 KESIMPULAN	110
BAB LIMA : RUMUSAN DAN SARANAN	111
5.1 PENDAHULUAN	111
5.2 RUMUSAN	111
5.3 SARANAN	113
5.4 KESIMPULAN	114
BIBLIOGRAFI	115
LAMPIRAN	

BAB 1

LATAR BELAKANG KAJIAN

1.1 PENDAHULUAN

Secara umumnya, bab pendahuluan akan memberikan gambaran berkenaan tatacara dan halatuju kajian ini. Antara lain bab pendahuluan ini akan membahaskan tentang permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian, metodologi kajian dan penulisan bab yang diguna pakai sepanjang kajian ini dilakukan.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Islam merupakan agama yang syumul dan universal, sesuai dipraktikkan sepanjang masa dan zaman. Islam memenuhi segala aspek kehidupan manusia. Malah, memenuhi tuntutan jiwa yang berkaitan dengan hiburan yang berasaskan seni. Hiburan merupakan satu fitrah yang disukai oleh semua manusia. Islam datang bukan untuk mengharamkan tetapi sekaligus memberi garis panduan dalam memacu kehidupan berlandaskan syariah. Bahkan, Islam tidak mengharamkan hiburan selagi mana ia bersesuaian dengan fitrah dan menepati kehendak syarak.¹ Sehubungan dengan itu, bentuk hiburan yang paling mendapat perhatian khalayak khususnya di kalangan remaja adalah melalui lagu dan nyanyian.

Menerusi lagu², di dalamnya merangkumi elemen melodi dan seni kata lagu yang dapat membangkitkan emosi manusia menjadi sedih, gembira, terharu dan sebagainya. Disamping itu, lagu juga menyalurkan nilai yang pelbagai maksud yang boleh memberi kesan positif dan berguna kepada pembangunan masyarakat³.

¹ Syed Mahazir Syed Ibrahim, *Seni dalam Islam* (Selangor: Green Dome, 2015), 1

² Kamus Dewan Edisi Keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 867 entri “lagu”

³ Abu Bakar Bin Yang, “Islam dan Hiburan”, laman sesawang IKIM, dicapai pada Jun 2014 <http://www.ikim.gov.my/>

Manakala nyanyian pula ialah suara manusia yang keluar dari mulut dengan mempunyai pengertian dan kata-kata seperti bait sajak, syair atau lagu yang membawa mesej tertentu di samping ia juga dipersembahkan dengan mengawal nada tinggi, rendah suara kerana mengutamakan kemerduan penyampaian sesuatu lagu itu untuk menarik perhatian pendengar.

Dalam perkembangan terkini, alat capaian untuk mengakses lagu sangat mudah. Antaranya, menggunakan peralatan teknologi komunikasi seperti internet, radio, televisyen, *youtube*, aplikasi muat turun secara mp3, mp4 dan alat yang berkaitan dengannya kecuali akhbar dan majalah.⁴ Walaubagaimanapun, fungsi sesebuah lagu sebagai medium yang berkesan dalam penyebaran maklumat akan terjejas jika tidak diaplikasikan dengan baik. Hal ini juga akan menjadi anasir yang boleh merosakkan masyarakat.⁵

Kini, pelbagai wasilah dan kaedah dalam menyampaikan Islam, asalkan kaedah tersebut tidak menjatuhkan dan menghina Islam. Disamping, wasilah yang digunakan bersesuaian untuk menarik perhatian sasaran untuk lebih mendalami Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana Islam tidak menghadkan mekanisma penyebaran dakwah hanyasanya menggunakan ceramah semata-mata. Malah, mempelbagaikan medium bagi tujuan mempromosikan Islam dan dakwah bagi mengajak manusia untuk kembali kepada Allah dan mencegah kebatilan. Oleh hal yang demikian, pemilihan lagu sebagai medium dakwah merupakan wasilah yang berpotensi untuk menyalurkan mesej yang bermanfaat kepada masyarakat.

Menurut Mohammad Shahir Abdullah (mantan Ketua Pengarah JAKIM) pihak JAKIM mengambil inisiatif supaya mengangkat nasyid sebagai medium penyampaian

⁴ Norshafawati Saari, Asiah Sarji & Fuziah Kartini Hassan Basri, "Muzik Dan Pembangunan Sosial: Paparan Dasar Industri Muzik Dalam Akhbar-Akhbar Di Malaysia" *Jurnal Komunikasi, Malaysian Journal of Communication* Jilid 26(2): 47-65

⁵ Norshafawati Saari, Asiah Sarji & Fuziah Kartini Hassan Basri ,47

dakwah melalui lirik-lirik lagu dapat menyampaikan mesej-mesej positif. Katanya lagi, nasyid dapat bertahan kerana mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Tambahnya lagi, tidak keterlaluan untuk mengatakan nasyid boleh mengambil alih tempat ceramah agama kerana lirik lagu sudah mencakupi apa yang hendak disampaikan kepada masyarakat.⁶ Oleh itu, kajian ingin menjelaskan peranan lagu sebagai medium penyampaian dakwah.

Sejak zaman berzaman, muzik nasyid juga turut mengalami evolusi. Perkembangan nasyid bermula sebagai satu aktiviti pelajar sekolah agama. Pelajar yang berbakat dalam nyanyian akat diasah bakatnya untuk bernasyid. Liriknya ialah syair-syair Islam yang berkait rapat dengan akhlak dan sebagainya. Kemudian pada tahun 70-an, muncul Kumpulan El-Suraya dari Indonesia dan al-Mizan dari Singapura. Mereka menyanyikan lagu ketuhanan dan peringatan tentang iman dan taqwa. Lagu tersebut kemudiannya dikenali sebagai lagu dakwah. Walaupun diminati pada peringkat awal, namun akhirnya lagu-lagu tersebut terdiam sepi. Seterusnya, pada tahun 80-an, nasyid mula dikembangkan oleh kumpulan al-Arqam. Nasyid semasa era ini, dipentaskan pada Malam Puisi Islam. Lagu-lagu itu dirakamkan dan jualannya mendapat sambutan. Begitu juga dengan video Malam Puisi Islam juga boleh dibeli dengan mudah pada ketika itu. Hal yang demikian, menjadi titik tanda bahawa nasyid sudah berada di dalam hati umat Islam walaupun tidak disiarkan di radio dan televisyen.⁷

Fenomena kemunculan lagu dakwah atau lebih dikenali nasyid⁸ di Malaysia bermula pada tahun 1996, apabila kumpulan nasyid Raihan berjaya melonjakkan anjakan paradigma identiti nasyid sebagai salah satu cabang seni persembahan. Sehubungan dengan itu, mereka berjaya mengubah persepsi dan selera masyarakat kepada muzik yang bermesej. Selepas 13 tahun berkecimpung dalam industri muzik, jualan album Raihan

⁶ Arkib, “Nasyid Sebagai Medium Dakwah” laman sesawang Utusan Malaysia, dicapai pada Jun 2014 <http://ww1.utusan.com.my/utusan/info>.

⁷ Muhammed Bin Yusof “Nasyid di Radio Dakwah: Kajian terhadap Nasyid di Radio IKIM.FM”, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Tesis Ijazah Kedoktoran , 2012.35

⁸Noorzila Jamaludin(2002), “ Nasyid, Genre Muzik Terlaris”, Al-Islam, Januari, 30

mencecah 3.5 juta unit termasuk jualan antarabangsa.⁹ Pencapaian kumpulan Raihan, mendorong lahirnya kumpulan hijjaz dan Rabbani. Kemudian, pelbagai kumpulan nasyid muncul mewarnai industri nasyid aktif di pentas hiburan dan berdakwah.

Sehubungan itu, Opick juga tergolong penyanyi menyampaikan lagu ketuhanan. Opick merupakan penyanyi lagu ketuhanan yang terkenal dari Indonesia. Kemerduan dan kelunakan suaranya menyampaikan lagu-lagu ketuhanan tidak dapat dinafikan. Di samping kelunakan suara diiringi dengan muzik yang segar dan moden. Malah kehadiran penyanyi Indonesia ini diakui mula mendapat tempat dihati masyarakat Malaysia. “*saya berterima kasih kepada semua peminat di Malaysia kerana telah menerima diri dan muzik saya dengan begitu baik. Saya berjanji akan memberi persembahan terbaik pada konsert Akustik pada sabtu ini.*¹⁰” Tambahan pula, lagu-lagunya sering dijadikan muzik latar drama televisyen dan corong-corong radio di Malaysia.¹¹ Persoalan yang timbul, apakah keistimewaan yang dimiliki oleh Opick sehingga mampu menarik peminat di Malaysia. Mengapakah lagu Opick diterima oleh masyarakat Malaysia berbanding lagu nasyid Malaysia itu sendiri?

Umum mengetahui bahawa, penampilan Opick bersesuaian dengan lagu-lagu yang didendangkan. Opick menjadikan bidang nyanyian sebagai medium penyampaian dakwah. Tambahnya lagi, beliau menjadikan nyanyian sebagai tempat nasihat untuk dirinya dan dalam masa yang sama mengharapkan pendengar yang mendengar lagu-lagunya mendapat kebaikan. Beliau yang lebih dikenali dengan lagu Bila Waktu telah berakhir, Rapuh tidak mengukur dirinya berdasarkan bilangan penonton yang hadir. Hal ini dikatakan demikian kerana tujuan utama beliau menyanyi adalah untuk berdakwah

⁹ Muhammed Bin Yusuf (2012) *Nasyid di Radio Dakwah: Kajian terhadap nasyid di radio IKIM*. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya h.213

¹⁰ Nik Hasnah Ismail, “opick kembali ke Malaysia dengan konsert Akustik” laman sesawang IKIM dicapai Mei 2015 <http://www.Ikimfm.my/> opick kembali ke Malaysia dengan konsert Akustik

¹¹Akmal, “Bekas Rocker Opick, Kini Pejuang Lagu Ketuhanan” laman sesawang Sinar harian, dicapai pada Jun 2014 <http://www.sinarharian.com.my/>

untuk dirinya dan menyampaikan mesej Islam.¹² Secara umumnya, lagu-lagu Opick mengandungi mesej dakwah iaitu mesej akidah, syariah dan akhlak. Oleh itu, kajian ini ingin mengenalpasti mesej dakwah yang diterapkan dalam lagu-lagu Opick.

Menurut petikan akhbar, Opick meluahkan kesyukuran apabila melihat peminatnya berubah ke arah kebaikan setelah mendengar lagu-lagu beliau. “*Opick meluahkan rasa syukur apabila peminatnya memberitahu mereka berhijrah menjadi Muslim yang lebih baik kerana lagu-lagu ketuhanan yang dibawakannya*”¹³. Justeru kajian ini ingin mengupas lebih lanjut bagaimana lagu-lagu dakwah perlu membujuk khalayak Islam? Proses pembujukan dakwah yang dilakukan melalui lagu boleh dilihat melalui mesej dakwah yang terkandung di dalam lirik dan *uslub maw'izah al-hasannah* yang digunakan dalam lirik

Manakala, seorang lagi figura yang mula menjadi fenomena dan namanya mendapat tempat di hati peminat setelah kejayaan album Zikir Terapi Diri iaitu Hafiz Hamidun. Penjualan album tersebut berjaya terjual sebanyak 80,000 unit dalam masa sebulan dan jumlah keseluruhan terjual sebanyak 300,000 unit. Selain itu juga, album ini menjadi tangga teratas *iTunes* Malaysia dan Asia sebaris dengan nama-nama besar lain dalam industri muzik dunia. Album tersebut mula melonjakkan nama Hafiz Hamidun dan diharap Hafiz boleh membawa anjakan baru terhadap *trend* penerimaan lagu-lagu berunsur keislaman dan ketuhanan di kalangan karyawan serta peminat muzik tanah air.¹⁴

Hafiz Hamidun mula dikenali di Malaysia, Indonesia, Brunei. Selain itu, beliau juga pernah dijemput membuat persembahan di China, Australia, India, Mesir, Jordan, Arab Saudi, Turki dan UK.¹⁵ Di samping itu juga, beliau telah dinobatkan sebagai 500 individu

¹²Akmalah Razak, “Dakwah Cara Opick”, laman sesawang Sinar Harian dicapai Jun 2014
<http://www.sinarharian.com.my/hiburan/dakwah-cara-opick-1.227780>

¹³ Ridzuan Abdul Rahman, “Bahagia menyanyi sambil berdakwah”, laman sesawang hmetro dicapai Jun 2016
<http://www.hmetro.com.my/node/100963>

¹⁴ Abd Aziz Itar, “Siapa Hafiz Hamidun” laman sesawang Utusan, dicapai pada Jun 2014
http://www.utusan.com.my/utusan/Hiburan/20121120/hi_04/Siapa-Hafiz-Hamidun

¹⁵ Nor Hidayyu Zainal, “Pengorbanan Hafiz Hamidun laman sesawang Sinar Harian, dicapai pada November 2013
<http://www.sinarharian.com.my/global/pengorbanan-hafiz hamidun-1.211573>

muslim paling berpengaruh di dunia dalam bidang nyanyian.¹⁶ Berikutkan kejayaan penyanyi muda Hafiz Hamidun di dalam dan luar negara. Pengkaji akan meneliti dan menganalisis mesej dakwah yang terdapat di dalam lagu iaitu album *I Love Rasulullah*. Hal ini kerana, tanpa mesej dakwah tidak terlaksanalah penyampaian dakwah melalui lagu.

Lantaran itu, kejayaan demi kejayaan yang diperoleh oleh Opick dan Hafiz Hamidun dalam penyampaian lagu-lagu nasyid merupakan satu perkembangan yang baik untuk diteliti dan diberi perhatian. Bahkan, lagu-lagu mereka memberi kesan yang sangat baik berupaya mempengaruhi jiwa dan minat pendengar. Kajian mengenai corak penyampaian nasihat iaitu secara *maw'izah al-hasannah* dan mesej dakwah bertujuan untuk mempertingkatkan penghasilan lagu dan lirik nasyid.

Kesimpulannya, kajian ini akan mengkaji mesej dakwah yang terdapat di dalam album *The Best Of Opick* (2011) dan *I Love Rasulullah* Hafiz Hamidun mengkaji lirik yang mengandungi penggunaan retorik pembujukan dakwah secara *maw'izah al-hasannah* dalam kedua-dua album tersebut.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

- a) Bagaimanakah peranan lagu sebagai medium penyampaian mesej dakwah?
- b) Mengapakah lagu-lagu dakwah perlu dalam membujuk khalayak kepada Islam?
- c) Sejauhmanakah Opick dan Hafiz Hamidun memiliki retorik pembujukan dakwah secara *maw'izah al-hasannah* dalam lagu-lagunya?

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

- a) Mengkaji konsep retorik pembujukan dakwah dalam lagu-lagu nasyid
- b) Mengenal pasti mesej dakwah dalam lagu-lagu nasyid Opick dan Hafiz Hamidun

¹⁶ Usamah Zaid, “Hafiz Hamidun, Raihan dinobat muslim berpengaruh di dunia” laman sesawang Munsyeed, dicapai pada Julai 2016 <http://munsyeed.com/malay/2015/10/hafiz-hamidun>

- c) Menganalisis retorik pembujukan dakwah secara *maw'izah hasanah* dalam lagu-lagu Opick dan Hafiz Hamidun

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian mengenai retorik pembujukan dakwah dalam lagu-lagu Opick dan Hafiz Hamidun ini penting kerana:

- a) Kajian ini mempunyai beberapa kepentingan dari sudut disiplin ilmu, literatur dan polisi dan aktiviti dakwah. Dalam konteks pengajian Islam khususnya dakwah dan retorik. Oleh itu, kajian ini boleh menambah dan memantapkan lagi disiplin ilmu dalam bidang tersebut.
- b) Bidang kajian ini merupakan bidang kajian yang kurang dikaji terutama retorik dakwah, maka tidak banyak literatur yang berkaitan secara langsung dengan kajian ini boleh dijadikan bahan rujukan ahli akademik, pelajar dan masyarakat. Oleh itu, kajian ini mempunyai kepentingan dari sudut literatur kerana ia dapat memperbanyak lagi literatur dalam bidang retorik dakwah. Justeru itu, kajian ini penting bagi membantu penyelidik untuk meneruskan penyelidikan lanjut dalam bidang ini dan bidang-bidang yang berkaitan.

1.6 SKOP KAJIAN

Kajian ini mengkhususkan kepada perbincangan berkaitan dengan retorik pembujukan dakwah dalam lagu-lagu nasyid terpilih yang dinyanyikan oleh Opick dan Hafiz Hamidun. Kajian ini mengkhususkan sebuah album *The Best Of Opick* tahun 2011 yang mengandungi 14 buah lagu dan album *I Love Rasulullah* album Hafiz Hamidun yang mengandungi 9 buah lagu.

Skop utama pengkajian lebih menumpukan kepada mengenalpasti mesej dakwah dan menganalisis retorik pembujukan dakwah secara *maw'izah al- hasanah* dalam lagu-lagu Opick dan Hafiz Hamidun.

1.7 DEFINISI TAJUK

Untuk memudahkan kajian ini, maka sebelum kajian ini dihuraikan lebih lanjut, terlebih dahulu akan diterangkan pengertian tajuk kajian ini secara terperinci:

“Retorik Pembujukan Dakwah melalui Lagu Nasyid”

1.7.1 Retorik

Istilah retorik berasal daripada perkataan Greek iaitu *tenche rhetorike* yang bermaksud “*art of speech*”, ertiannya seni berpidato. Pada mulanya retorik merupakan disiplin tentang kemahiran berucap (*public speaking*). Walaupun begitu, perkembangan retorik membolehkan disiplin itu dikaji juga dalam konteks penulisan, yang bermaksud “*art of writing*”. Retorik dianalisis dan dicerakini mengikut perkataan, ayat dan perenggan untuk mencapai kesan yang maksimum.¹⁷

Retorik merupakan kajian tentang penggunaan bahasa berkesan dalam penulisan atau pertuturan. Berdasarkan konteks yang sesuai, retorik juga diertikan sebagai keupayaan menggunakan bahasa yang berkesan atau ciri-ciri berkesan dalam bahasa¹⁸. Menurut kamus Dewan Edisi Keempat retorik didefinisikan sebagai seni menggunakan atau bahasa yang indah dan menarik untuk memujuk atau mempengaruhi pemikiran pendengar¹⁹.

Menurut Gorys Keraf mendefinisikan retorik sebagai suatu istilah traditional bagi teknik perhiasan bahasa sebagai seni percakapan atau penulisan dalam sesuatu bidang

¹⁷ Jordon, John E. *Using rhetoric*, (New York : Harper & Row Publisher, 1965),2

¹⁸ Asmah Haji Omar , *Bahasa Iklan Perniagaan: satu kajian Bahasa Retorik* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 1992) ,10

¹⁹Kamus Dewan Edisi Keempat (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka,2007),1326,entri “retorik”

ilmu atau sebagai suatu metod yang tersusun yang menjadi panduan dalam pembinaan ayat untuk mempengaruhi sikap dan perasaan orang²⁰.

Manakala menurut Ibn Khaldun dalam kitab mukaddimah mendefinisikan balaghah atau retorik sebagai kefasihan menyatakan idea-idea atau pemikiran dan dapat difahami dengan tepat oleh khalayak sebagaimana yang dikehendaki oleh penutur²¹.

Oleh itu, hasil daripada definisi-definisi diatas, tujuan utama penggunaan retorik adalah untuk membujuk dan mempengaruhi sasaran untuk menerima dan memberi impak yang berkesan melalui pandangan atau idea penyampai sama ada menggunakan saluran penulisan, komunikasi mahupun pengucapan awam.

1.7.2 Pembujukan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, pembujukan berasal daripada perkataan bujuk yang bermaksud pujuk.²² Pembujukan merupakan perihal memujuk seseorang. Pemujukan atau pembujukan seringkali digunakan untuk mempegaruhi orang lain.

Dalam konteks dakwah, aktiviti-aktiviti dakwah amat memerlukan seni pembujukan untuk menambahkan keberkesanan penyampaian dakwah. Dalam Islam, pembujukan telah dipraktikkan sejak zaman Rasulullah SAW. Misalannya, Rasulullah membujuk orang-orang Islam agar bersabar di atas segala dugaan yang dihadapi.

Firman Allah:

وَلَا تَهِنُواٰ فِي أَبْيَاعِ الْقَوْمِ إِن تَكُونُواٰ تَائِلُّمُونَ كَمَا تَأْلَمُونَ يَأْلَمُهُمْ إِنَّهُمْ يَأْلَمُونَ وَتَرْجُونَ مِنَ اللَّهِ مَا لَا يَرْجُونَ وَكَانَ اللَّهُ عَلَيْهِ حَكِيمًا ٤٠

Surah an-Nisa 4:104

Terjemahan: Dan janganlah kamu lemah hilang semangat dalam memburu musuh yang menceroboh itu; kerana kalau kamu menderita sakit luka atau mati maka sesungguhnya mereka pun menderita sakitnya seperti penderitaan kamu; sedang kamu mengharapkan dari Allah apa yang mereka tidak harapkan iaitu balasan yang baik pada hari akhirat kelak dan ingatlah Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

²⁰ Gorys Keraf, *Diksi dan Gaya Bahasa*. Cetakan pertama (Jakarta:Pustaka Utama,1991),1-2

²¹ Ibn Khaldun, *Mukaddimah* (Bayrut :al-Matba'at al-Adabiyah, 1879 1995), 805

²² Kamus Dewan Edisi Keempat(Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka,2007),213,entri “bujuk”

Menurut Tafsir Ibn Kathir²³, ayat diatas meminta orang Islam tidak berasa lemah untuk memerangi golongan musyrikin kerana kesakitan dan kepayahan turut sama dirasai oleh kedua belah pihak. Kelebihan memihak kepada pihak orang Islam kerana Allah telah memberi harapan iaitu dengan memberi pertolongan dan kemenanganNya. Harapan tersebut bersetujuan dengan sifat Allah Yang Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana.

1.7.3 Dakwah

Perkataan dakwah berasal daripada istilah Arab (*daa- yaad'u- dakwah*). Perkataan *dakwatan* adalah kata terbitan dari kata *daa* yang membawa maksud meminta tolong, beribadat, memandu, menjemput, mengajak, memanggil, meyeru dan melaung²⁴.

Menurut Imam al-Ghazali, dakwah ialah satu program (*barnamij*) yang lengkap, yang semua peringkatnya mengandungi semua ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia bagi menjelaskan tujuan dan matlamat hidup serta bagi menyingkap petunjuk jalan yang menjadi petunjuk mereka²⁵. Dalil surah an-Nahl ayat 125 merupakan ayat menjelaskan tentang pengetian dakwah.

Firman Allah:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمُوعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلُهُمْ بِأَنَّتِي هُوَ أَحْسَنٌ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَا بَعَنِي صَلَّى عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهَتَّدِينَ ۖ ۱۲۵

Surah An-Nahl 16:125

Terjemahan: Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayat petunjuk.

²³ Ibnu Kathir, Abi Fida' Ismail Ibni Kathir, Juz 1. Al-Azhar: Maktabah Zahran

²⁴ A.Aziz Md Zin *Pengantar dakwah* (Penerbit Universiti Malaya: Universiti Malaya, 1997), 4

²⁵ Muhammad al-Ghazali, *Ma 'a Allah* (Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-A'rabi, 1987), 17

Menurut H.M Ariffin dakwah ialah satu kegiatan ajakan, baik dalam bentuk lisan, tulisan, tingkah laku dan sebagainya yang dilakukan secara sedar dan berencana dalam usaha mempengaruhi orang lain secara individu atau berkelompok supaya timbul dalam dirinya satu pengertian, kesedaran, sikap penghayatan serta pengamalan terhadap ajaran agama sebagaimana mesej yang disampaikan tanpa ada sebarang paksaan²⁶.

Justeru itu, dakwah secara ringkasnya adalah kegiatan yang mengajak dan dapat mempengaruhi orang lain mengikut rencana yang tersusun serta bermotifkan untuk kembali kepada kebenaran Islam tanpa ada unsur paksaan.

1.7.4 Lagu

Menurut kamus dewan lagu adalah gubahan muzik biasanya dengan seni kata, nyanyian²⁷. Apabila menyebut lagu perkataan yang sinonim dengannya ialah irama, rentak, langgam dan rani.

Menurut Imam al-Ghazali, terdapat tujuh buah lagu yang dikelaskan oleh al-Ghazali²⁸ iaitu:

1. Lagu yang membangkitkan kerinduan untuk menziarahi tempat-tempat suci seperti Mekah dan Madinah.
2. Lagu yang mengobarkan semangat untuk berjuang mempertahankan akidah dan Negara.
3. Lagu yang memerihalkan pertarungan dan sikap jantan yang pantang mengalah di saat-saat genting.
4. Mengenang peristiwa lampau yang menimbulkan kesedihan yang positif.

Mengingatkan diri terhadap hakikat hidup.

²⁶Ab.Aziz Md Zin, *Pengantar dakwah* (Penerbit Universiti Malaya: Universiti Malaya, 1997),4

²⁷Kamus Dewan Edisi Keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007),567entri “lagu”

²⁸Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali,*Ihya 'Ulumuddin* (Kaherah: Dar al-Sha'b,t.t),3

5. Lagu yang menyifatkan keadaan ketika rela dan sukacita untuk menghargai suasana tersebut dan menikmati kenangannya selama yang mungkin.
6. Lagu bercorak ghazal yang sopan memerihalkan kisah cinta dan membayangkan harapan untuk bertemu dan pertautan yang lebih erat di masa akan datang.
7. Lagu yang memerihalkan keagungan sifat-sifat Tuhan, memuji serta mentauhidkan kebesaranNya.

1.7.5 Nasyid

Nasyid berasal daripada perkataan Arab *nashada* yang bermaksud meninggikan suara. Ia juga membawa maksud puisi yang dinyanyikan antara kaum. Al-Nashid bermaksud suara yang diungkapkan secara bermelodi. Menurut kamus dewan, nasyid adalah lagu (biasanya dinyanyikan secara berkumpulan) yang mengandungi seni kata berunsur Islam.²⁹

1.8 KAJIAN-KAJIAN LEPAS

Penulis telah membuat kajian terhadap beberapa penulisan dan kajian terdahulu yang dianggap berkaitan dengan kajian penulis iaitu “retorik pembujukan dakwah dalam lagu nasyid”.

Antara penulisan yang dianggap berkaitan dengan kajian ini:

1.8.1 Berkaitan dengan lagu dan nyanyian

Terdapat dua artikel kajian yang berkaitan dengan analisis lirik lagu dari aspek keindahan bahasa dan laras bahasa iaitu:

Artikel pertama, menganalisis menggunakan teori semantik bagi menghuraikan makna lagu bukan hanya pada kata tetapi melihat hubungkait antara bait kata sehingga

²⁹ Kamus Dewan Edisi Keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007),1167 entri “nasyid”

menimbulkan makna yang indah.³⁰ Manakala artikel kedua, mengenalpasti laras bahasa dan menganalisis kesesuaian penggunaan kata dalam lirik lagu “hakim yang bijaksana” dengan menggunakan kaedah analisis teks.³¹ Kedua-dua artikel tersebut hanya membincangkan berkaitan dengan penggunaan laras bahasa dan keindahan bahasa yang dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan teks lirik.

Apabila melihat lagu dari perspektif dakwah, Muhammed bin Yusuf dalam tesis Phd yang bertajuk “Nasyid di Radio Dakwah: Ikimfm”³² mengatakan nasyid merupakan media yang berkesan untuk berdakwah selain mendapatkan hiburan dan mencadangkan kajian yang lebih terperinci dapat dilakukan ke atas bentuk lirik dan irama nasyid yang mampu mempengaruhi pendengar. Beliau juga membicarakan nasyid *edutainment* mempunyai agenda untuk menyampaikan maklumat dan pendidikan dalam seni muzik. Di samping itu, muzik *edutainment* tidak terhad kepada nasyid semata-mata³³. Selain itu, terdapat juga artikel yang menyokong peranan nasyid dalam dakwah. Artikel tersebut mendapati terdapat hubungan antara nasyid dan dakwah dari segi mencapai matlamatnya iaitu menyampaikan pesan Islam.³⁴

Di samping itu juga, terdapat artikel yang membincangkan dakwah menggunakan muzik, pandangan ulama’ dan muzik dan nyanyian sebagai dakwah.³⁵ Selain itu juga, *Muzik, Nyanyian, Lagu dan Nasyid Dari Perspektif Fiqh* oleh Lukmanul Hakim, Zulkifli Muhammad Al-Bakri dalam buku *Representasi Islam Dalam Media* terbitan USIM.³⁶ Artikel ini membincangkan mengenai hukum berhibur dengan muzik dan nyanyian,

³⁰ Nur Amirah Che Soh dan Che Ibrahim, “Keindahan Bahasa Dalam Lirik Lagu P.Ramlee”, International Journal Of the Malay World and Civilization (Iman) 2(1), 2014, 103-111

³¹ Siti Noor Riha Sulong dan Nor Maliza Abd Rahim ”Laras Bahasa Dalam Lirik Lagu ”Hakim Yang Bijaksana” Journal of Business and Sosial Department volume 3(2) september 2015, 103-113

³² Muhammed Bin Yusof, “Nasyid di Radio Dakwah: Kajian terhadap Nasyid di Radio IKIM.FM”, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Tesis Ijazah Kedoktoran ,2012, 55

³³ Muhammed Bin Yusuf (2013) *Dakwah Melalui Muzik Edutainment: Tumpuan Terhadap Nasyid Di Malaysia*. In: Isu-Isu Semasa Dakwah. Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan Apium , Pp. 473-486.

³⁴ Eri Satria SanusiSoh dan Rosan Mohamed, “Analisis terhadap peranan nasyid dalam dakwah”, Jurnal Ilmiah Islam Futura 2(16), 2017, 227-242

³⁵ Ahmad Sharifuddin, *Dakwah Melalui Muzik Dan Nyanyian*, (Fakulti Dakwah dan: UKM,2009), 56

³⁶ Zulkifli al-Bakri dan Lukmanul Hakim *Muzik, Nyanyian, Lagu Dan Nasyid Dari Perspektif Fiqh*, Representasi Islam Dalam Media: Universiti Sains Islam Malaysia),34

bentuk nyanyian serta berkaitan hukum muzik dan lagu melalui kaedah fiqh. Di samping itu, terdapat juga artikel yang membincangkan mengembalikan tujuan seni muzik iaitu hiburan alternatif untuk mendapatkan ketenangan dan kembali kepada pencipta bukan sekadar muzik nasyid bahkan menerusi lagu-lagu yang bermesej.³⁷

Terdapat juga beberapa latihan ilmiah yang berkaitan seperti Sakinah Bujang (2003) bertajuk “Berdakwah melalui Nasyid: Kajian terhadap kumpulan Hijaz, Noor Ariza Zakaria (2003) bertajuk, “ Penekanan Unsur Akidah Dalam Nasyid: Satu Kajian Tentang Lirik-lirik Lagu Raihan”, Rohaliza Parham (1999) bertajuk, “ Peranan Hiburan Islam Dalam Bidang Dakwah: Satu Kajian Di Wilayah Persekutuan” dan Zakir @ Ismail Muhammad (1998) bertajuk, “Muzik dan Nyanyian: Peranannya sebagai Media Dakwah”. Begitu juga dengan latihan ilmiah di universiti-universiti di Indonesia : Ali Furqan (2009), Nilai-nilai Pendidikan Islam dalam lagu- lagu Pop Religi (Studi atas lirik: lirik lagu Opick dalam album Ya Rahman dan Cahaya Hati),³⁸, Luthfi Kuffana (2010) yang bertajuk, Nilai-nilai Pendidikan Islam dalam syair-syair lagu religi karya Opick (Album Istighfar dan Semesta Bertasbih), Tri Jayadi Setyawan (2008) yang bertajuk Pesan Tauhid Dalam Lirik Lagu Opick Album Cahaya Hati dan kajian oleh Yedi Irawan Saputra (2012) Nilai-nilai pendidikan Islam dalam album Di Bawah LangitMu (2009) dan Shollu Ala Muhammad (2010) karya Opick.

Topik berkaitan dengan figura Opick sebagai penyanyi lagu ketuhanan telah banyak dikaji. Kebanyakan lagu-lagunya mempunyai asas Islam, mesej dakwah. Justeru itu, terdapat beberapa kajian di peringkat sarjana muda, sarjana serta dalam bentuk jurnal, artikel dan buku mengenai Opick. Hampir keseluruhan kajian yang dibuat oleh pengkaji-pengkaji tersebut adalah mengenai kewujudan nilai pendidikan Islam dalam lagu-lagu

³⁷ Mohamed Kamil Abdul Majid dan Muhammed Yusof. *Ke Arah Memperkasaan Islamisasi Seni Muzik sebagai satu alternatif: Satu Pengamatan Awal*, Kertas Kerja Persidangan Pendidikan Muzik Kebangsaan Mus Ed' 05 di UPSI 28,29,30 November 2005, 70-78
³⁸Ali Furqan yang bertajuk, *Nilai-nilai Pendidikan Islam dalam lagu- lagu Pop Religi (Studi atas lirik: lirik lagu Opick dalam album Ya Rahman dan Cahaya Hati)*, Universitas UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta Fakultas Tarbiyah (2009)

dendangan Opick seperti akidah, syariah dan akhlak. Namun, kajian penulis juga memfokuskan kepada mesej dakwah yang terdapat dalam album *The Best Of Opick* dan retorik pembujukan dakwah di dalam lagu tersebut.

1.8.2 Berkaitan dengan retorik

Kajian menggunakan teori retorik pembujukan dakwah dalam mengkaji teks ucapan dasar ABIM dan PAS; Ustaz Fadzil Noor dan Siddiq Fadzil. Matlamat utama dakwah adalah menyampaikan mesej dakwah iaitu akidah, syariah dan akhlak kepada khalayak dakwah. Berdasarkan kajian tersebut, penulis telah mengemukakan mengenai teori retorik pembujukan dakwah menerusi Surah an-Nahl ayat 125 dalam kajianya. Teori ini merangkumi *al-hikmah*, *maui'zah hasanah* dan *al-Mujadalah*. Oleh itu, kajian ini akan menggunakan teori retorik pembujukan dakwah; Surah *an-Nahl* sebagai teori kajian dan menganalisis mengikut teori tersebut.³⁹

Seterusnya kajian oleh Fadilah Senin latihan ilmiah (2002), “Retorik dalam lagu dakwah : Analisis Retorik Paling luas” Jabatan Pengajian Media: Universiti Malaya. Kajian ini menghuraikan mengenai sejarah lagu dakwah di Malaysia. Selain itu, kajian ini menggunakan retorik paling luas untuk menganalisis lagu dakwah kumpulan Raihan.

Kesimpulannya, berdasarkan kajian lepas yang telah dibuat, penulis mendapati tidak dibincangkan ciri-ciri lirik lagu yang mampu mempengaruhi sasaran. Selain itu, tidak juga dibincangkan mengenai elemen retorik pembujukan dakwah yang diaplikasi di dalam lagu yang mampu mempengaruhi khalayak pendengar dalam lagu. Justeru itu, kajian ini akan mengkaji berdasarkan teori retorik pembujukan dakwah melalui lagu untuk mengupas ciri-ciri lirik lagu nasyid yang mampu membujuk khalayak untuk kembali kepada Islam.

³⁹Norrodzah Haji Siren, *Penulisan Dakwah:Kajian retorik terhadap teks ucapan dasar ABIM dan PAS*”. Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Tesis Ijazah Kedoktoran ,2010],20

1.9 JUSTIFIKASI KAJIAN

Penulis memilih Opick sebagai sampel kajian kerana melihat kekuatan tersendiri Opick menyampaikan dakwah melalui lagu. Opick atau nama sebenarnya Aunur Rofick Lil Firdaus merupakan penyanyi dan penulis lirik lagu ketuhanan dari Indonesia. Hasil pemerhatian awal, mendapati bahawa lagu-lagu opick diminati oleh pendengar bukan sahaja di Indonesia malah Malaysia, Brunei dan Singapura. Hal yang demikian, penjualan album pertama Opick berjudul Istighfar menjangkau 300000 unit sehingga mendapat augerah platinum.

Selain itu, penulis juga memilih Hafiz Hamidun kerana pada tahun 2011 beliau telah mencetuskan fenomena melalui album zikir terapi diri yang terjual sebanyak 300,000 unit. Manakala, album I Love Rasulullah Hafiz Hamidun terjual sebanyak 10,000unit dalam tempoh sebulan sehingga mendapat anugerah platinum.

Di samping kejayaan albumnya, pada tahun 2016 Hafiz Hamidun dinobatkan sebagai muslim paling berpengaruh di dunia oleh *The Royal Islamic Strategic Studies* yang berpangkalan di Amman Jordon. Hafiz Hamidun telah diberi pengiktirafan menerusi kategori Kesenian dan Kebudayaan di dalam keluaran terbaru *The Muslim 500*⁴⁰: *The World 500 Most Influential Muslim* edisi 2016. Keunikan kedua-dua figura yang dipilih adalah mereka adalah komposer, penulis lirik dan merangkap penyanyi kepada lagu-lagu ciptaan mereka sendiri.

Kedua-dua figura ini merupakan bakat besar dalam bidang seni muzik. Mereka bukan sahaja penyanyi malahan komposer dan mempunyai syarikat sendiri untuk menghasilkan karya mereka.

⁴⁰ The World 500: *The World' Most Influential Muslim* (Amman: Jordan National University 2017),168

1.10 METODOLOGI KAJIAN

Menurut kamus dewan, istilah metode ialah cara melakukan sesuatu. Manakala perkataan “metodologi” pula ialah sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan dan disiplin.⁴¹

Metodologi yang digunakan dalam kajian ini menggunakan dua kaedah utama iaitu:

1.10.1 Kaedah pengumpulan data

Kaedah pengumpulan data ialah kaedah untuk memperolehi maklumat yang memberi gambaran tentang sesuatu kejadian dan persoalan secara menyeluruh. Data yang diperolehi membantu penyelidikan menjawab persoalan yang dibangkitkan dan membuat keputusan untuk menyelesaikan masalah kajian⁴². Secara umumnya, bagi menjalankan kajian ini penulis telah menggunakan dua kaedah dalam mengumpulkan data kajian iaitu kaedah perpustakaan dan kaedah persampelan:

Kaedah perpustakaan: Segala bahan bercetak dikumpul untuk membantu penulis memahami masalah kajian, mengesan kajian yang lepas dan membina landasan teori bagi kajian ini. Kaedah ini menggunakan sepenuhnya data sekunder bagi melihat kajian-kajian lepas dan bahan-bahan cetak yang berkaitan dengan kajian. Metode ini menjelaskan teori kajian dan permasalahan kajian serta menghurai kajian lalu.

Kajian perpustakaan berdasarkan dokumentasi yang dirujuk dalam kajian ini ialah buku, jurnal, laman web, kamus, akhbar, tesis penyelidikan, disertasi, latihan ilmiah dan kertas kerja seminar. Kaedah perpustakaan ini digunakan bagi memahami kajian buku dan permasalahan yang berlaku berkaitan dengan kajian serta memahami bagaimana para sarjana memperkatakan perkara yang berkait dengan kajian. Oleh itu, kaedah

⁴¹ Kamus Dewan Edisi Keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007),1030 entri “metode”

⁴²Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*,(Selangor: Intel Multimedia and Publication, 2001),49

perpustakaan hanya mengemukakan data secara logikal dan rasional berdasarkan sumber yang dianalisis.

Kaedah persampelan: Satu aspek dalam aktiviti pungutan data ialah persampelan. Persampelan ialah satu kaedah memilih kumpulan individu dalam bentuk sampel bagi suatu penyelidikan yang individu-individu terpilih itu dianggap mewakili kumpulan yang besar dari mana mereka dipilih, iaitu populasi⁴³.

Sampel album The Best Of Opick: Data diambil dengan memilih sebuah album Opick dan meneliti keseluruhan 14 buah teks lirik dalam album tersebut. Lirik-lirik yang dipilih diteliti berdasarkan mesej dakwah iaitu akidah, syariah dan akhlak. Seterusnya, meneliti retorik pembujukan dakwah yang terdapat dalam lirik lagu tersebut.

Sampel album I Love Rasulullah Hafiz Hamidun: Data diambil dengan memilih sebuah album I love Rasulullah dan meneliti keseluruhan 9 buah teks lirik dalam album tersebut. Lirik-lirik yang dipilih diteliti berdasarkan mesej dakwah iaitu akidah, syariah dan akhlak. Seterusnya, meneliti retorik pembujukan dakwah yang terdapat dalam lirik lagu tersebut.

1.10.2 Kaedah analisis data

Analisis data adalah sebuah kegiatan untuk mengatur, menguruskan, mengelompokkan, memberi kod atau tanda dan mengkategorikannya sehingga memperoleh sesuatu hasil penemuan berdasarkan fokus atau masalah yang ingin dijawab⁴⁴. Kajian ini akan dilakukan dengan menggunakan dua kaedah menganalisis data kualitatif secara induktif dan deduktif. Analisis secara induktif dan deduktif ini dilaksanakan dalam bentuk tematik iaitu tema-tema yang dikira berdasarkan teori kajian iaitu retorik pembujukan dakwah *maw'izah hasanah*. Menurut Brown and Clark, menjelaskan analisis tematik merupakan

⁴³Mokhtar Ismail, *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif dalam pendidikan* (Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur ,2011),97

⁴⁴Luttrell Wendy, *Qualitative Educational Research: Readings In Reflexive Methodology and Transformative Practice*, (New York: NY Routledge, 2010),78

kaedah untuk mengidentifikasi, menganalisis dan melaporkan pola-pola tema dalam data. Analisis tematik ini memerlukan pengkaji untuk terlibat dengan teori untuk mendapatkan analisis data yang lebih mendalam.⁴⁵

Metode induktif merupakan kaedah yang digunakan bagi menganalisis data menggunakan kaedah pola berfikir berdasarkan fakta yang bersifat khusus untuk mencari kesimpulan yang bersifat umum. Kaedah ini digunakan bagi mendapatkan data-data yang berkaitan bagi menghasilkan model retorik pembujukan dakwah melalui lagu yang akan dihuraikan di dalam bab dua.

Manakala kaedah deduktif pula digunakan bagi menjelaskan persoalan yang timbul sepanjang kajian secara terperinci. Menerusi metode ini, maklumat dan data akan dikumpulkan secara berterusan bagi menjelas atau menghurai fenomena yang dikaji. Fokus kajian ini adalah memerhati dan mendengar lagu berteraskan lirik di dalam Album The Best Of Opick dan I Love Rasulullah Hafiz Hamidun. Disamping itu, mengenal pasti mesej dakwah dan retorik pembujukan dakwah secara *maw'izah al-hasannah* dalam kedua-dua album tersebut. Kaedah ini juga akan digunakan di dalam bab tiga dan empat agar dapat menghasilkan huraian yang lebih rinci dan jelas.

Kajian ini juga menggunakan panduan yang telah dikemukakan oleh Burn untuk menganalisis data kualitatif. Menurut Burn analisis kandungan⁴⁶ merupakan kaedah analisis yang sering digunakan dalam kajian kualitatif. Analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti tema, konsep dan makna.

Analisis kandungan juga merupakan teknik penyelidikan untuk melakukan penyalinan semula dan membuat taakulan secara sah daripada teks yang dikaji⁴⁷. Proses taakulan pula amat penting dilakukan semasa menganalisis teks lirik bagi mengesan dan

⁴⁵ Brown & Clark, V, *Using Thematic Analysis in Psychology*, (Auckland: University of Auckland 2006),34

⁴⁶Burn R.B, *Introduction on Research Methods* (Longman: Australia ,1995), 34

⁴⁷ Krippendorff,Klaus, *Content Analysis: An Introduction to its Methodology* (Beverly Hill: CA Sage,1980),25

membezakan bentuk-bentuk mesej dakwah yang dikemukakan. Setelah taakulan dilakukan terhadap teks, maka petikan daripada teks lirik diambil dan dicatat semula sebagai pembuktian. Kaedah ini digunakan bersesuaian dengan fokus kajian iaitu menganalisis mesej dakwah dan retorik pembujukan dakwah yang terdapat dalam album The Best Of Opick (2011) dan album I Love Rasulullah Hafiz Hamidun.

Kaedah ini diaplikasi secara pengamatan dan dibuat pernyataan terhadap aspek yang diperkatakan dengan pendengaran dan pembacaan melalui lirik lagu. Jadual pembacaan dan analisis kandungan adalah seperti di bawah:

Jadual 1.10.2 a: Jadual analisis Kandungan secara kualitatif : Album Opick

BIL	PERKARA	CATATAN
1.	Pembacaan, pendengaran 1	Memahami 14 lirik lagu dalam album The Best Of Opick
2.	Analisis 1	Menginterpretasi lirik-lirik yang mengandungi mesej dakwah.
3.	Pembacaan 2	Menganalisis mesej akidah dalam lirik Opick
4.	Pembacaan 3	Menganalisis mesej syariah dalam lirik Opick
5.	Pembacaan 4	Menganalisis mesej akhlak dalam lirik Opick
6.	Pembacaan 5	Menganalisis penggunaan retorik pembujukan dakwah dalam lirik Opick
7.	Laporan analisis	Laporan akan dihasilkan dalam bab 3 dan bab 4

Jadual 1.10.2b:Jadual Analisis Kandungan Secara Kualitatif:Album Hafiz Hamidun

BIL	PERKARA	CATATAN
1.	Pembacaan, pendengaran 1	Memahami 9 lirik lagu dalam <i>album I Love Rasulullah Hafiz Hamidun</i>
2.	Analisis 1	Menginterpretasi lirik-lirik yang mengandungi mesej dakwah.
3.	Pembacaan 2	Menganalisis mesej akidah dalam lirik Hafiz
4.	Pembacaan 3	Menganalisis mesej syariah dalam lirik Hafiz
5.	Pembacaan 4	Menganalisis mesej akhlak dalam lirik Hafiz
6.	Pembacaan 5	Menganalisis penggunaan retorik pembujukan dakwah dalam lirik Hafiz
7.	Laporan analisis	Laporan akan dihasilkan dalam bab 3 dan bab 4

Jadual di atas menunjukkan kaedah analisis kandungan yang akan diaplikasikan di dalam kajian ini. Lagu-lagu yang dipilih, didengar dan dibaca liriknya berkali-kali bagi mengesan mesej dakwah yang terkandung di dalamnya. Setelah itu, data akan dianalisis dan diinterpretasikan di dalam bab tiga dan bab empat berdasarkan skop analisis yang telah digariskan.

1.10 KESIMPULAN

Kajian ini dihasilkan bagi meneliti konsep lagu dakwah dan memahami kaedah yang betul dalam menghasilkan sebuah lagu dakwah. Ia juga dihasilkan untuk memahami konsep lagu dakwah dakwah, menganalisa mesej dakwah dan retorik pembujukan dakwah secara *maw'izah al-hasannah* dalam album The Best Of Opick 2011 dan *I Love Rasulullah Hafiz Hamidun*.

BAB 2

RETORIK PEMBUJUKAN DAKWAH MELALUI LAGU NASYID

2.1 PENDAHULUAN

Bab ini merupakan landasan teori bagi kajian ini. Bab ini akan menjelaskan mengenai retorik pembujukan dakwah, retorik diri pendakwah dan penyampaian mesej dakwah. Selain itu, bab ini juga akan mengupas berkaitan sejarah lagu dakwah, genre lagu dakwah dan hukum berkaitan lagu dakwah.

2.2 KONSEP DAKWAH

2.2.1 Definisi Dakwah

Perkataan dakwah berasal daripada perkataan دعـا – بـدـعـوـ . Dakwah dari segi bahasa ertinya menyeru, mengajak, memanggil, menyampai dan mendorong. Perkataan lain yang seiring dengan dakwah adalah seperti *al-wa'zu*, *al-Irsyad*, *at-Tabligh*.⁴⁸ Manakala dari segi istilah, ia boleh dimaksudkan sebagai mengajak atau menyeru manusia ke jalan Allah dengan menyuruh mereka melakukan kebaikan dan mencegah kemungkaran agar beroleh kejayaan serta kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Menurut Muhammad al-Ghazali menjelaskan maksud dakwah sebagai satu program (*barnamij*) yang lengkap, yang kesemua peringkatnya mengandungi ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia bagi menjelaskan tujuan dan matlamat hidup dan bagi menyingkap petunjuk jalan yang menjadi petunjuk kepada mereka.⁴⁹

⁴⁸ Ab Aziz Md Zin, *Pengantar Dakwah* (Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya , 2005) 1

⁴⁹ Muhammad al-Ghazali, *Ma'a Allah Dirasat Fi al-Da'wah Wa Al-Du'at*, (Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Islami, 1981) 17

Manakala menurut Ab Aziz Md Zin, dakwah ialah usaha-usaha yang dirancang dengan baik bertujuan untuk membawa manusia supaya mengetahui tujuan hidup bagi mencapai kesejahteraan di dunia dan akhirat.⁵⁰

Justeru itu, dapat disimpulkan dakwah merupakan sebuah program yang terencana dan menyeluruh dalam mendorong dan merangsang untuk menbangunkan semua potensi diri sehingga mencapai kejayaan, kebahagiaan yang sebenar dan mencapai keredhaan Allah. Oleh itu, dakwah adalah kerja-kerja atau aktiviti yang mengajak manusia ke arah kebaikan dan kebenaran.

2.2.2 MATLAMAT DAKWAH⁵¹

Keberkesanan dakwah dapat dilihat melalui penetapan yang jelas dalam matlamat sesuatu aktiviti dakwah. Setiap orang Islam, khususnya penggerak yang berkecimpung dalam dunia dakwah harus mengetahui matlamat utama dakwah adalah berkaitan dengan tujuan utama penciptaan manusia. Setiap manusia yang dicipta hendaklah mempunyai misi dan visi kehidupan. Hal yang demikian, Allah tidak menciptakan manusia dengan sia-sia.

Firman Allah:

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قَيْمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بِطِلْأٍ سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ۖ ۱۹۱

Surah Ali-Imran 3:191

Terjemahan: Iaitu orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi sambil berkata: Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab Neraka.

⁵⁰ Ab Aziz Md Zin ,*Pengantar Dakwah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya 2005),4

⁵¹ Ab Aziz Md Zin ,*Pengantar Dakwah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya 2005),5

Menurut tafsir Ibnu Kathir, ayat diatas menjelaskan penciptaan manusia bukanlah satu yang sia-sia melainkan bertujuan untuk mengingati dan menyembah Allah dalam apa jua keadaan.

Pada dasarnya matlamat dakwah ialah beribadat kepada Allah. Dalam matlamat tersebut terdapat beberapa peringkat yang mesti dilalui dan dicapai tingkat demi tingkat, untuk sampai ke peringkat yang tertinggi. Peringkat-peringkat tersebut ialah:

1. untuk mendapat cahaya iman
2. untuk membina kekuatan
3. untuk mendirikan negara yang diredhai
4. untuk mendapat keselamatan dan kesejahteraan
5. untuk mendapat keredhaan Allah dan syurgaNya

2.3 KONSEP RETORIK PEMBUJUKAN DAKWAH MELALUI LAGU

Menurut Nor Raudah Siren⁵², retorik pembujukan dakwah adalah berdasarkan Surah an-Nahl ayat 125. “*berdakwahlah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat yang baik dan berbahaslah dengan mereka menurut cara sebaik-baiknya*”. Melalui ayat ini menggariskan tiga usul utama dalam penyampaian dakwah dengan berkesan iaitu secara hikmah, nasihat yang baik dan berbahas dengan cara yang paling baik. Selain itu, isi penyampaian dakwah perlu didasari tiga perkara iaitu isu akidah, syariah dan akhlak serta isu semasa.

Pembujukan dakwah terbahagi kepada mutlak dan terbatas. Pembujukan secara mutlak diaplikasi menggunakan tiga kaedah pembujukan iaitu membujuk secara lembut, halus dan mementingkan kebenaran rasional. Walau bagaimanapun, apabila berhadapan dengan khalayak yang keras hati dan degil, boleh menggunakan pembujukan terbatas yang menggunakan kaedah keras, terus-terang dan mementingkan emotif. Untuk

⁵² Nor Raudah Siren, *Retorik penulisan dakwah* (Kuala Lumpur : Penerbit UM, 2015), 61

keberkesanan kaedah pembujukan ini bergantung kepada kebijaksanaan penyampaianya.⁵³

2.3.1 Retorik

Retorik berasal daripada perkataan *Greek* iaitu *techne rhetorica* yang bermaksud *art of speech* iaitu seni berpidato.⁵⁴ Retorik bermula pada zaman retorik klasik iaitu diasaskan oleh Plato. Di samping itu, tujuan penggunaan retorik hanya untuk berucap dan berpidato. Khasnya, retorik pada zaman Plato digunakan untuk penyebaran agama Kristian. Fokus utama retorik klasik adalah penerimaan sasaran terhadap isu yang disampaikan tanpa mementingkan kebenaran input yang disampaikan. Tambahan pula, retorik dapat mempengaruhi khalayak, iaitu mengubah pendirian dan kepercayaan, sikap atau perlakuan mereka.⁵⁵

Di dalam dunia Islam, retorik bukanlah sesuatu yang asing dan ia juga dikenali sebagai ilmu balaghah.⁵⁶ Perkataan *Balaghah* berasal daripada perkataan arab yang bermaksud sampai. Dari segi istilah balaghah merujuk kepada penyampaian makna yang indah dengan menggunakan ungkapan yang betul, fasihah serta memberi kesan terhadap jiwa pendengar sesuai dengan situasi semasa⁵⁷. Manakala Abdul Kadir Husin, membicarakan bahawa balaghah sebagai ilmu yang membicarakan cara memilih rangkaian kata yang jelas maknanya dan menyusunnya dengan cara yang indah serta menggunakan perkataan-perkataan yang sesuai dengan tujuan yang dikehendakinya.⁵⁸

Kemudian, beralih kepada retorik moden yang diasaskan oleh Aristotle. Selain daripada menggunakan retorik dalam lisan, retorik moden diperluaskan dalam bidang

⁵³ Nor Raudah Siren, *Retorik penulisan dakwah* (Kuala Lumpur : Penerbit UM, 2015), 61

⁵⁴ Jordon, John E. *Using rhetoric*, (New York : Harper & Row Publisher, 1965) 1

⁵⁵ Jordon, John E. *Using rhetoric*, (New York : Harper & Row Publisher, 1965) 3

⁵⁶ Abu Hassan Abdul, Ilmu Balaghah Melayu: Isu, Prospek dan Cabaran Jil.9 (Disember) 2012:pp 1-16 Ulum Islamiyyah jurnal, USIM

⁵⁷ Abdul Wahid, *Ilmu Al-Maani, siri al- Balaghah al-Arabiyyah*, (Kuala Terengganu: Bayt Hikmah, 2006) 17

⁵⁸ Abu Hassan Abdul, Ilmu Balaghah Melayu: Isu, Prospek dan Cabaran Jil.9 (Disember) 2012:pp 1-16 Ulum Islamiyyah jurnal, USIM

tulisan. Menurut Gorys Keraf⁵⁹ mendefinisikan retorik sebagai suatu istilah traditional bagi teknik perhiasan bahasa sebagai seni percakapan atau penulisan dalam suatu bidang ilmu atau sebagai metod yang tersusun yang menjadi panduan.

Di samping itu, terdapat usaha memurnikan retorik oleh Sanad Nathir memperkenalkan retorik paling luas iaitu dengan menggunakan retorik untuk menghubungkan diri kepada Allah⁶⁰. Selain itu juga, retorik dalam bukunya dikaitkan dengan pembujukan dakwah yang diperkenalkan oleh Nor Raudah Siren.⁶¹

Retorik pembujukan dakwah diambil dari surah an-Nahl ayat 125 iaitu *al-hikmah*, *al-mau'izah hasanah* dan *al-Mujadalah* mengaitkan bagaimana retorik digunakan untuk membujuk khalayak pendengar dan pembaca.

Selain itu juga, retorik merupakan seni pemakaian bahasa untuk menyampaikan idea dengan menarik dan berkesan dalam bentuk lisan atau tulisan. Menurut Kamus Dewan edisi keempat, retorik ditakrifkan sebagai teknik pemakaian bahasa secara berkesan dalam penulisan atau pertuturan, seni bahasa yang indah dan mampu menarik untuk memujuk atau mempengaruhi khalayak pemikiran pendengar⁶². Manakala menurut Awang Sariyan, retorik didefinisikan sebagai satu bentuk strategi komunikasi berbahasa yang menekankan aspek keberkesanannya dalam perhubungan. Tambahnya lagi, retorik melibatkan soal ketrampilan atau kemahiran seseorang mengajukan buah fikiran, idea atau gagasan⁶³.

Oleh itu, secara ringkasnya retorik adalah perkataan, atau kalimah yang samaada dalam perkataan, tulisan atau ucapan yang indah di samping mampu mempengaruhi pendengaran dan pembacaan sasaran secara berkesan.

⁵⁹ Gorys Keraf, *Diksi dan Gaya Bahasa*, (Jakarta: Pustaka Utama, 1991) 1-2

⁶⁰ Sanad Md Nasir Mencari melayu dalam analisis wacana, kritis, retorik, semiotic dan kesantunan Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu 3 bertemakan “Memeluk akar menyuluh ke langit: Budaya”, Singapura, 14-16 Julai 2006

⁶¹ Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah* ,(Kuala Lumpur : Penerbit UM, 2015),

⁶² Kamus Dewan Edisi Keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007),1326 entri “retorik”

⁶³ Awang Sariyan *Pelita Bahasa* Januari 2006, 13

2.3.2 Pembujukan

Pembujukan berasal daripada kata dasar bujuk yang sinonim dengan pujuk. Menurut Kamus Dewan pembujukan bermaksud teknik-teknik diplomasi.⁶⁴ Manakala diplomasi bermaksud seni atau amalan mengurus hubungan antarabangsa. Selain itu, dapat diertikan mengendalikan seseorang dengan berhati-hati.⁶⁵

Pembujukan menurut Seiter ialah *persuasion*.⁶⁶ Persuasif bermaksud berupaya mempengaruhi atau menyakinkan orang lain untuk melakukan sesuatu.⁶⁷ Usaha membujuk digunakan untuk mempengaruhi orang lain dengan menarik dan memikat hati orang lain melalui unsur tertentu.

Di samping itu, pembujukan merupakan satu usul dakwah yang berkesan dalam menarik sasaran. Pembujukan boleh berbentuk langsung tetapi mengikut tabiat serta naluri sasaran. Maka, daripada sifat pujukan langsung tersebut akan membentuk pemujukan tidak langsung.⁶⁸

Melalui ilmu pembujukan, pendakwah berusaha menyakinkan khalayak pendengar mahupun pembaca agar menyokong kebenaran yang disampaikan oleh pendakwah. Pendakwah yang hebat berupaya merangsang emosi khalayaknya sebagaimana yang dikehendaki. Oleh itu, pendakwah hendaklah memahami jiwa khalayak untuk menjangkakan reaksi khalayaknya. Dengan kebolehan ini, seorang pendakwah dapat mengaplikasi bentuk ucapan yang sesuai dengan sasaran khalayaknya. Di samping mempunyai ilmu yang mantap dalam bidang yang disampaikan.

Justeru itu, pendakwah perlu mahir menggunakan usul pembujukan dalam menyebarkan dakwah. Pembujukan bertujuan untuk mempengaruhi atau menguasai

⁶⁴KamusDewan Edisi Keempat(Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka,2007),788 entri “pembujukan”

⁶⁵Kamus Dewan Edisi Keempat(Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007),354 entri “diplomasi”

⁶⁶ Peter Dixon,*Retorik.*(terj.Ismail Hamzah Nasution),(Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka,1991) 2

⁶⁷Kamus Dewan Edisi Keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasadan Pustaka,2007),1194 entri “persuasif”

⁶⁸ Ab Aziz Md Zin, *Psikologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya 1999 ,129

orang lain. Penguasaan yang dimaksudkan adalah kemampuan para pendakwah untuk menarik orang ramai yang terdiri daripada pelbagai status, kecenderungan, ilmu pengetahuan mengikuti dan menghayati agama Islam sebagai cara hidup.

2.4 KONSEP LAGU MELALUI NASYID

2.4.1 Definisi nasyid

Menurut kamus dewan, nasyid adalah lagu biasanya dinyanyikan secara kumpulan yang mengandungi seni kata yang berunsur Islam. Ia merupakan kesenian berunsurkan Islam berasal dari timur tengah dan tersebar ke Nusantara bersama-sama kedatangan Islam. Seni katanya merupakan puji-pujian terhadap Rasulullah SAW dan para sahabat seperti juga marhaban dan qasidah. Nasyid juga adalah sejenis lagu yang berasal daripada arab yang dinyanyikan dengan muzik atau tanpa muzik.⁶⁹

Menurut Muhammad Che Razin⁷⁰, nasyid adalah satu seni hiburan Islam berasaskan nyanyian, muzik dan seni persembahan yang mempunyai tiga elemen utama. Elemen tersebut ialah: lirik yang disampaikan mestilah mengajak kepada benda baik dan menepati syariah. Misalnya, lirik yang mengandungi mesej dakwah seperti mengajak manusia menuaikan solat. Kedua, ia dipersembahkan dalam suasana yang terkawal dan bebas daripada unsur maksiat seperti tidak berlaku pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan dan arak dalam sesuatu majlis hiburan tersebut. Ketiga, penyanyi itu sendiri mesti mempunyai keperibadian dan akhlak yang menepati ajaran Islam.

Nasyid merupakan salah satu bentuk kesenian yang berunsur Islam yang menggabungkan elemen seni kata muzik dan gaya penampilan kumpulan penyanyi. Tujuan utama lagu nasyid adalah untuk berdakwah. Ia termasuk menyampaikan mesej-

⁶⁹ Muhammed Bin Yusuf (2012) *Nasyid di Radio Dakwah: Kajian terhadap nasyid di radio IKIM*. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya h.205

⁷⁰ Usamah Zaid “nasyid sebagai medium dakwah” laman sesawang Munsyeed dicapai Jun 2015 <http://www.munsyeed.com.my>

mesej positif, unsur-unsur nilai yang baik seperti mengingati Allah SWT danNabi Muhammad SAW, meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap ajaran Islam, menghormati golongan ibu bapa dan orang yang lebih dewasa, kegigihan dalam menuntut ilmu, mensyukuri nikmat Allah SWT dan lain-lain tema yang kebanyakan bersifat positif dan bermanfaat kepada para pendengar. Nasyid juga bukan sekadar memberi mesej yang bersifat pengajaran namun ia tetap mempunyai sifat berbentuk hiburan.

2.4.2 Perkembangan nasyid di Malaysia

Nasyid merupakan salah satu bentuk seni suara dan wahana seni yang kian popular di Malaysia khususnya di kalangan masyarakat melayu. Ia bukan sahaja digemari oleh masyarakat yang berumur malah turut digemari oleh golongan remaja dan kanak-kanak.

i. Irama padang pasir⁷¹

Kemunculan nasyid di Malaysia bermula dengan irama padang pasir. Dikenali dengan nama demikian kerana lagu dan muziknya berkait rapat dengan pengaruh dari Timur Tengah khususnya Mesir dan Syiria. Timur Tengah dijadikan sebagai model dalam perkembangan Islam dan menerima segala apa yang dibawa oleh mereka sama ada dalam amalan Islam mahupun hiburan.⁷²

Sebelum muncul irama padang pasir, masyarakat melayu mempunyai seni nyanyian tersendiri yang dilaksanakan dalam masyarakat khususnya untuk mengisi upacara-upacara agama. Bersesuaian dengan ajaran agama yang tidak membenarkan muzik, maka perkembangan nyanyian bercorak agama pada peringkat awal tidak disertai dengan muzik. Andoi atau Dendang Fatimah dan Ulik Anak. Endoi atau Dendang Fatimah terkenal di negeri Perak, Selangor dan Negeri Sembilan. Sementara Ulik Anak menjadi

⁷¹ Muhammed Bin Yusuf (2012) *Nasyid di Radio Dakwah: Kajian terhadap nasyid di radio IKIM*. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya h.208-210

⁷² Farid Mat Zin, *Dari Padang Pasir Kepada Pop Kontemporari: Akar Umbi Nasyid di Malaysia*, Prosiding Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian, Selangor: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, UKM, 2006) 76-78

popular di Terengganu. Nyanyian ini dilakukan dalam adat istiadat yang bercorak Islam seperti menyambut kelahiran anak, upacara bercukur dan majlis kesyukuran.

Di beberapa buah negeri, nyanyian bercorak agama ini disebut dengan pelbagai istilah tetapi mempunyai bentuk dan amalan yang hampir sama antara satu sama lain. Nazam atau naban, sebuah puisi yang dilakukan dikenali di Terengganu, Pahang dan Melaka. Marhaban dan qasidah merupakan lagu-lagu pujian ke atas Nabi Muhammad SAW terkenal di sebahagian besar negeri-negeri di semenanjung Malaysia. Selain itu, Ghazal dan Hadrah antara permaian awal yang bercorak keagamaan. Ghazal muncul di Pantai Barat dan Utara berkembang dengan pesat ke negeri-negeri lain khususnya di Negeri Johor. Disebutkan bahawa setiap daerah di Negeri Johor mempunyai ghazal tersendiri.

Perkembangan nasyid pada peringkat awal juga boleh dikenal pasti menular masuk dalam masyarakat melayu melalui graduan daripada Timur Tengah. Pada awal abad ke - 20, sudah ada beberapa kumpulan pelajar Melayu yang menamatkan pengajian telah kembali ke tanah air. Mereka menerapkan nasyid kepada murid-murid sekolah yang diajar. Pada masa ini nasyid dinyanyikan di sekolah-sekolah agama sama ada semasa perhimpunan pagi dan juga di majlis-majlis keraian.

Pada era 60-an, masyarakat hanyut dalam muzik pop yeh-yeh. Muda-mudi meniru cara berpakaian dan gaya rambut serta penampilan yang dibawa. Dalam kerancakan muzik tanah air akhirnya muncul beberapa buah kumpulan nasyid iaitu al-Mizan, Hidayah dan al-Jawahir. Al-Mizan antara yang terkenal ditubuh pada tahun 1977 diketuai oleh penyanyi utama iaitu Faridah M.Amin. Antara lagu popularnya ialah Tangan Ku Hulur Maaf Ku Pohon, Bersyukur, Alhamdulillah, Demi Masa, Junjungan Mulia, Empat Dara dan Solatullah.

Berasakan kepada situasi kemunculan kumpulan nasyid tersebut maka perkembangan nasyid di Malaysia dikatakan bermula semenjak 1960. Tiga nama besar kumpulan nasyid al- Mizan, Hidayah dan Jawahir dikaitkan dengan pejuang irama nasyid pada ketika itu. Kesemuanya dianggotai oleh kaum hawa. Suara mereka sering berkumandang di radio dan menjadi pilihan utama penyeri sebelum satu-satu majlis dimulakan. Dapatlah disimpulkan bahawa pada peringkat awal perkembangan irama nasyid di Malaysia ia dipelopori oleh kumpulan nasyid yang terdiri daripada kaum wanita yang terlebih dahulu bertindak mengangkat martabat irama padang pasir di tanah air.

ii. **Irama nasyid kontemporari⁷³**

Nasyid irama padang pasir tidak bertahan lama. Tidak sampai satu dekad, kumpulan - kumpulan nasyid rentak padang pasir itu menyepi diri. Dikatakan kumpulan al-Jawahir sempat merakamkan tiga album dan kumpulan lain tidak lebih daripada itu. Kebanyakan ahli mendirikan rumah tangga dan menumpukan perhatian kepada pembangunan keluarga dan soal-soal rumah tangga.

Masyarakat mencari-cari hiburan atau nyanyian bercorak Islami sebagai sebahagian daripada memenuhi naluri hidup seorang insan. Mereka inginkan sebuah kehidupan yang murni dan diberkati Allah SWT di dunia dan akhirat. Untuk mencapai tujuan tersebut mereka perlu mengatur kehidupan harian selaras dengan nilai-nilai agama termasuk aspek hiburan. Kemunculan kumpulan nasyid irama Padang pasir memenuhi citarasa sebahagian masyarakat akan tetapi masih ada yang tidak menerima penampilan mereka. Alasannya suara wanita adalah aurat dan ada sebahagian ahli nasyid yang tidak menutup rambut sepenuhnya.

⁷³ Muhammed Bin Yusof Nasyid di Radio Dakwah: Kajian terhadap Nasyid di Radio IKIM.FM, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Tesis Ijazah Kedoktoran ,2012

Sekitar tahun 1980-an, perkembangan nasyid diwarnai dengan pelbagai pengajuran pertandingan nasyid. Tidak ketinggalan juga, RTM turut mengendalikan pertandingan Nasyid Peringkat Kebangsaan. Seterusnya pada tahun 1991 Festival nasyid kebangsaan telah diurussetiakan oleh Bahagian Hal Ehwal Islam (BHEAIS) Jabatan Perdana Menteri yang kini dikenali sebagai JAKIM. JAKIM telah menjadi urusetia Festival ini sebanyak 17 kali semenjak tahun 1991 sehingga 2006. Disamping itu, pada tahun 1996 JAKIM juga menguruskan Festival nasyid peringkat MABIMS (ASEAN). Kategori nasyid yang dipertandingkan dibahagikan kepada dua kategori iaitu tradisi dan moden.

Semenjak 1980-an telah wujud lagu-lagu nasyid kontemporari yang dipelopori pencinta-pencinta Islam oleh Kumpulan al-Arqam sebelum pengharamannya. Sebagai contoh, kumpulan Nadamurni, The Zikr dan kanak-kanak Sofwan merupakan kumpulan yang sangat dikenali ketika itu. Kumpulan Nadamurni muncul dengan rentak dan konsep baru dalam dunia nasyid iaitu dengan menggunakan alat muzik irungan dan ahli kumpulan kesemuanya terdiri daripada lelaki.

Format yang diperkenalkan oleh Nada Murni turut mempengaruhi anak muda khusunya penuntut institusi Pengajian tinggi untuk menubuhkan kumpulan nasyid masing-masing. Dengan itu lahirlah Badarudin yang lebih dikenali sebagai Badar (usm), Shaotul Shabab di UKM dan Nahwan Nur (kini Mestica) di UPM.

Pada tahun 1997, kumpulan al-Arqam telah diharamkan oleh pihak kerajaan yang diketuai oleh Ustaz Ashaari Muhammad. Beliau dan pemimpin kanan telah ditahan dibawah ISA. Hal ini amat memberi kesan kepada Nada Murni yang bernaung di bawah pertubuhan tersebut. Hal ini mengakibatkan Nada Murni dibubarkan pada tahun tersebut. Sepanjang di bawah naungan pertubuhan tersebut, Nada Murni berjaya menghasilkan tiga album serta album terakhirnya berjudul Untukmu Rasulullah II. Selain Nada Murni,

kumpulan nasyid kontempori oleh pelajar IPTA turut terjejas seperti al-Wadi (Universiti al-Azhar), Nahwan Nur (UPM) dan Suara firdaus (UTM).

Fenomena kemunculan lagu dakwah atau lebih dikenali nasyid⁷⁴ di Malaysia bermula pada tahun 1996, apabila kumpulan nasyid Raihan berjaya melonjakkan anjakan paradigma identiti nasyid sebagai salah satu cabang seni persembahan. Sehubungan dengan itu, mereka berjaya mengubah persepsi dan selera masyarakat kepada muzik yang bermesej. Ahlinya terdiri daripada bekas kumpulan The Zikr lebih terkenal daripada Nada Murni. Kumpulan Raihan ditubuhkan pada Oktober 1996 oleh Farihin Abdul Fattah yang bertindak sebagai pengurus kumpulan dan penerbit.

Kemunculan Raihan memberi nafas baru dan menghangatkan nasyid tanah air. Ini terbukti apabila album puji-pujian terjual sebanyak 650000 unit. Dengan jualan yang luar biasa itu, Raihan dianugerahkan Artis Baru Terbaik, Album Nasyid Terbaik, Vokal Terbaik dan album Puji-Pujian juga dianugerahkan Album of The Year pada Anugerah Industri Muzik 1998. Raihan turut memecah rekod jualan album nasyid melalui album-album lain. Album syukur terjual sebanyak 200,00 unit, Senyum 300,00 unit, koleksi nasyid terbaik 400,00 unit. Album ini bukan sahaja laris di pasaran tempatan malahan mencatat jualan tertinggi di Indonesia, Singapura dan Brunei.

Semenjak kemunculan Raihan, pelbagai kumpulan nasyid muncul mewarnai industri nasyid. Bermula tahun itu, nasyid mula dikenali dan mempunyai sejumlah peminat yang ramai.


Pada 10 Januari 1997 bersamaan 1 Ramadhan 1417 H muncul pula kumpulan Hijaz. Idea untuk menubuhkan kumpulan Hijaz tercetus dengan kemunculan kumpulan Raihan yang mendapat sambutan yang menggalakkan daripada masyarakat Malaysia. Nama kumpulan Hijaz sebenarnya telah diilhamkan oleh Mahyuddin Azhari. Pada awalnya nama Hijaz adalah He-Just, tetapi memandangkan mesej yang ingin disampaikan

⁷⁴ Noorzila Jamaludin(2002), “ Nasyid, Genre Muzik Terlaris”, Al-Islam, Januari, h.30

adalah bermotokan lagu-lagu dakwah maka mereka telah menetapkan agar meletakkan nama yang sesuai dengan imej dan penyampaian lagu dakwah yang dibawa. Pemilihan ini juga berdasarkan antara jenis lagu yang terdapat dalam al-Quran iaitu hijaz.

Selain itu, kumpulan Rabbani muncul pada 1 Mac 1997. Rabbani bermaksud yang arif dan yang soleh atau tafsiran secara umumnya ialah ingin mengajak diri, keluarga dan masyarakat kepada kebaikan. Bertolak daripada landasan tersebut tujuh anggotanya ingin merealisasikan maksud tersebut terhadap diri mereka. Kumpulan Rabbani adalah berasal daripada kumpulan Nada Murni yang ditubuhkan pada tahun 1986 dengan keahlian seramai 20 orang. Perpecahan Nada Murni kemudiannya membentuk dua kumpulan iaitu Hijaz dan Rabbani. Rabbani kekal dengan 11 orang ahli iaitu suatu penampilan yang melibatkan ahli yang ramai dengan tujuan untuk mencipta suatu kelainan dari segi penampilan, imej dan persembahan.

2.5 MODEL RETORIK PEMBUJUKAN DAKWAH MELALUI LAGU



Gambar Rajah 2.5 : Model Retorik Pembujukan Dakwah melalui Lagu

2.5.1 Penyampai

Seseorang pendakwah perlu memiliki imej fizikal sebagai seseorang yang berilmu, berpendidikan tinggi, berpengetahuan luas, berhemah tinggi, memiliki nilai-nilai murni dan tulus. Manakala penampilan fizikal pendakwah perlulah menarik, bertubuh cergas, cara bercakap yang sopan dan beradab, pandai menyesuaikan nada suara dan memiliki gaya pengaruh yang tinggi.⁷⁵

Penyampai lagu khususnya irama nasyid mestilah seorang Muslim yang mengamalkan perintah Allah dalam kehidupannya. Komponen penyampai yang bertanggungjawab dalam penghasilan lagu adalah penyanyi, penulis lirik dan penggubah lagu. Komponen penyampai ini juga disebut sebagai karyawan muzik. Oleh itu, tugas sebagai penyampai yang berdakwah melalui medium seni lagu seharusnya ikhlas dalam setiap penyampaian lagu. Hal ini kerana nasyid bukan sekadar hiburan semata-mata malah merupakan medium untuk menyampaikan nasihat diri dan kepada khalayak.

i. Penyanyi

Penampilan diri pendakwah merupakan sebahagian daripada imej yang perlu ditonjolkan bagi membina keyakinan khalayak. Imej bermaksud gambaran keperibadian atau watak seseorang sebagaimana yang dilihat dan dinilai oleh orang lain manakala penampilan pula ialah satu usaha menampilkan atau memperlihatkan seseorang.⁷⁶

Dalam konteks penyanyi nasyid khususnya, pertamanya penyanyi mestilah Muslim yang mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupannya. Apabila disebut nasyid digabungkan elemen seni kata lagu dan imej penampilan penyanyi itu sendiri.

Menurut Muhammed Yusuf, hasil dapatan kajiannya mendapati 86.7 % bersetuju nasyid dinyanyikan dengan penasyid yang berimej baik. Jelasnya, khalayak pendengar

⁷⁵ Nor Raudah Siren, *Retorik penulisan dakwah* (Kuala Lumpur : Penerbit UM, 2015), 86

⁷⁶ Kamus Dewan Edisi Keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 570 entri “imej”

yang meminati nasyid bukan sahaja mendengar lirik dan iramanya sahaja bahkan menilai dari sudut akhlak dan penampilan artis nasyid. Selain itu, perbezaan antara penyanyi nasyid dan penyanyi lain adalah personaliti artis itu sendiri. Personaliti ini merujuk kepada pemakaian yang sopan serta baik budi pekerti. Selain itu juga, aspek imej dan keperibadian artis menjadi faktor utama yang mempengaruhi pendengar untuk mendengar nasyid selain lirik dan kemerduan iramanya.⁷⁷

ii. Penulis lirik

Lirik merupakan asas penghasilan sesebuah lagu. Perbezaan antara lagu popular dan lagu nasyid terletak pada mesej yang terkandung di dalam lirik lagu. Menurut Abdul Ghani Samsudin⁷⁸ menyatakan bahawa penulis Islam perlu mempunyai jati diri yang kuat dan komited terhadap nilai-nilai asas seperti keimanan yang kuat pada Allah, takwa, adil dan persaudaraan, bantu membantu dan nilai-nilai mulia dipupuk.

Ringkasnya, penulis lirik perlulah mengetahui ideologi Islam berkenaan asas- asas Islam dan keimanan dalam menyesuaikan mesej di dalam penghasilan lirik lagu. Oleh itu, penulis lirik nasyid haruslah selari dengan ideologi Islam agar lirik yang dihasilkan tidak jauh dari garis panduan Islam yang sedia ada. Disamping itu, sebagai penulis lirik juga bertanggungjawab menghasilkan lirik-lirik yang bermanfaat yang mampu menerangkan keindahan Islam kepada khalayak. Seterusnya, membawa khalayak pendengar kembali kepada kepatuhan kepada Allah.

Lirik bermaksud puisi yang menggambarkan perasaan atau seni kata lagu.⁷⁹ Manakala menurut Zurinah Hasan lirik berfungsi sebagai cara untuk menerangkan kisah

⁷⁷ Muhammed Bin Yusuf (2012) “Nasyid di Radio Dakwah: Kajian terhadap nasyid di radio IKIM” Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya ,208-210

⁷⁸Engku Ibrahim Ismail dan Abdul Ghani Shamsudin, *Konsep Seni Dalam Islam*. (Kuala Lumpur:Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya 1992), 32

⁷⁹ Kamus Dewan Edisi Keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007),948 entri “lirik”

atau pemikiran dalam sesebuah lagu serta mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat.⁸⁰

Menurut Menurut Zulkifli Abdul Ghani⁸¹ dalam artikelnya yang bertajuk *Islamic Popular Culture: Emerging of Nasyid Group In Malaysia*, menyatakan lirik nasyid “in short the lyric of nasyid songs represent a reflection it eduintainment, ie, education and entertainment in conveying Islamic message.

Menurut garis panduan hiburan dalam Islam, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa MKI kali ke-68⁸² mengariskan panduan penghasilan lirik lagu yang bertepatan dengan Islam. Antara ciri-ciri lirik yang telah disepakati oleh fatwa ialah lirik yang mengandungi kalimah syahadah di dalam bahasa arab hendaklah disempurnakan bacaannya. Kedua, lirik tidak mengandungi sebutan yang boleh membangkitkan hawa nafsu syahwat, perkataan lucah, menggambarkan arak dan memberi perangsang melakukan dosa. Ketiga, tidak mengandungi unsur-unsur pemujaan kepada makhluk dan peribadi. Keempat, Tidak mengandungi ungkapan-ungkapan yang melanggar adab kesopanan dalam Islam. Kelima, tidak mengandungi ungkapan yang melanggar akidah dan syariat Islam. Keenam, tidak mengandungi unsur-unsur mengutuk nasib dan lucah. Ketujuh, tidak mengandungi unsur menghina, mengaib, mencaci, memfitnah dan seumpamanya. Kelapan, tidak boleh menjadikan teks al-Quran sebagai lirik.

Berdasarkan garis panduan lirik di atas, dapat disimpulkan bahawa lirik lagu nasyid hendaklah mengandungi mesej akidah, syariah, akhlak dan mesej kemanusiaan yang jauh dari melanggar akidah dan ketarusilaan agama dan bangsa.

⁸⁰ Zurinah hasan, Lirik Lagu dan Jati Diri Bangsa, Dewan Budaya (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005) ,23

⁸¹Zulkifli Abdul Ghani,Islam, *Komunikasi dan Teknologi Maklumat*, (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, 2001), 7

⁸² Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Garis Panduan Hiburan Dalam Islam. Putrajaya: JAKIM. 2005,156

iii. Penggubah lagu

Komposer atau penggubah lagu juga berperanan penting dalam pembikinan sesebuah lagu. Ia harus memastikan keselarasan melodi dan lirik yang boleh membawa ketenangan jiwa. Komposer yang baik adalah mampu menyampaikan nasihat seperti kasih sayang, perasaan sedih dan gembira.

2.5.2 Mesej Dakwah Melalui Lagu

Mesej yang terdapat dalam lirik merupakan tunjang utama dalam sesebuah penghasilan lagu. Dalam konteks lagu nasyid khususnya, menjadi keutamaan komposer lagu menghasilkan lirik yang mempunyai mesej dakwah iaitu merangkumi mesej akidah, syariah dan akhlak.

Tujuan utama penghasilan lagu nasyid adalah untuk berdakwah. Di samping menyampaikan mesej-mesej positif dan penerapan unsur-unsur nilai yang baik seperti mengingati Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW, meningkatkan kesedaran kepada masyarakat terhadap ajaran Islam, menghormati ibu bapa dan individu yang lebih tua, kegigihan dalam menuntut ilmu, mensyukuri nikmat Allah SWT dan lain-lain yang bersifat positif dan bermanfaat kepada khalayak pendengar.⁸³

Di samping itu juga, lagu nasyid bukan sahaja memberi pengajaran dalam masa yang sama sebagai hiburan mendidik jiwa supaya kembali kepada kebenaran Islam dan menambahkan lagi pengetahuan tentang Islam.

Justeru itu, terdapat tiga aspek mesej dakwah yang wajar menjadi idea dalam penulisan lirik lagu dengan merangkumi aspek mesej dari sudut akidah, mesej dari sudut syariah dan mesej dari sudut akhlak.

⁸³ Muhammed Bin Yusuf (2012) "Nasyid di Radio Dakwah: Kajian terhadap nasyid di radio IKIM."Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya h.208-210



Rajah 2.5.2:Mesej dakwah dalam lagu nasyid

i. Akidah

Akidah Islam merupakan tunjang utama dalam ajaran Islam. Tanpa akidah yang kukuh dan mantap, manusia akan mudah terpesong dan terjerumus ke dalam kesesatan dan kesyirikan. Hal yang demikian, permulaan isi penyampaian dakwah di Makkah bermula dengan pemantapan akidah kepada masyarakat ketika itu. Di samping itu, penurunan ayat-ayat *Makiyyah* berkait rapat dengan akidah⁸⁴. Tujuan utama penurunan ayat *Makiyyah* adalah mengajak seluruh manusia menyembah Allah S.W.T dan mentauhidkannya.

Secara umumnya, mesej akidah merangkumi ilmu tauhid dan rukun iman iaitu kepercayaan kepada Allah, malaikat, para rasul, kitab-kitab, hari akhirat dan qada' dan qadar. Justeru itu, perkara yang berkaitan dengan keimanan dan keesaan kepada Allah (*Ilahiyyat*), kerasulan Nabi Muhammad SAW (*al-Nubuwwah*) dan perkara-perkara ghaib (*al-Sam'iyyat*) terangkum di dalam mesej akidah⁸⁵.

i. Syariah

Mesej syariah amat berkaitan dengan perkara ibadat iaitu ibadat khusus dan umum. Ibadat dari segi bahasa bermaksud merendah diri, tunduk, taat dan patuh. Manakala dari segi istilah syarak pula, ibadat bermaksud pengabdian kepada Allah s.w.t. melalui perbuatan,

⁸⁴Norhayati Hamzah *Pembangunan modal insan: Analisa dari sirah Nabi* (Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam : Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya) h.111

⁸⁵ *Isu-isu akidah dalam khutbah jumaat dan peranannya dalam pembangunan modal insan* Che Zarina Sa'ari jurnal usuluddin bil 31,5

perkataan dan pengakuan hati yang berlandaskan syariat Allah s.w.t serta mengakui dan menyakini bahawa Allah s.w.t sahajalah yang layak menjadi tumpuan segala ketaatan.

Pengertian di atas menjelaskan bahawa ibadat adalah pekerjaan atau pengabdian khusus kepada Allah melalui perbuatan, perkataan mahupun hati bagi mencapai keredhaan Allah semata-mata.

Firman Allah:

وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا ﴿٣٦﴾

Surah an-Nisa:36

Terjemahan: Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu sekutukan Dia dengan sesuatu apa jua.

Menurut Ibn Kathir⁸⁶ melakukan ibadat atau pengabdian semata-mata kerana Allah. Perlaksanaan ibadat amat berkait rapat dengan tujuan penciptaan manusia. Allah tidak pernah menciptakan sesuatu dengan sia-sia. Setiap ciptaan Allah s.w.t mempunyai tugas dan tanggungjawab masing-masing untuk kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Firman Allah:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ٥٦

Surah az-Dzaariyat:56

Terjemahan: Dan ingatlah Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu.

Melalui ayat di atas, Ibn Kathir⁸⁷ menjelaskan bahawa tujuan utama penciptaan manusia adalah untuk beribadat kepada Allah s.w.t. Justeru itu, manusia mestilah mengatur hidupnya agar tidak terpesong daripada menjalankan tanggungjawab utama iaitu beribadat kepada Allah s.w.t.

⁸⁶ Ibnu Kathir, Abi Fida' Ismail *Ibn Kathir*, Juz 5 . (Al-Azhar: Maktabah Zahran) , 649

⁸⁷ Ibnu Kathir, Abi Fida' Ismail *Ibn Kathir*, Juz 26. (Al-Azhar: Maktabah Zahran),45

Ibadat dalam Islam mempunyai bidang yang sangat luas sebagaimana luasnya Islam itu sendiri. Oleh itu, segala perbuatan manusia yang mengikut syariat Islam dikira sebagai ibadat. Justeru itu, para ulama telah membahagikan ibadat kepada dua jenis iaitu: ibadat khusus dan ibadat umum.

Ibadat khusus ialah semua amalan khusus yang disyariatkan oleh Allah s.w.t, sama ada fardu atau sunat. Ibadat khusus ini lebih merujuk kepada amal kebaikan yang melibatkan individu dan Allah s.w.t serta kepatuhan dan tunduknya manusia kepada hukum-hukum yang ditentukan. Di dalamnya terkandung fardu ain secara ilmu dan amal yang disyariatan dalam rukun islam iaitu syahadat, solat lima waktu, berpuasa di bulan Ramadhan, mengeluarkan zakat dan menunaikan haji. Selain itu, termasuklah amalan sunat seperti solat sunat rawatib, tahajudd, tasbih, dhuha, puasa sunat mingguan, bulanan serta tahunan. Di samping itu juga, termasuk unsur zikir, wirid dan bacaan al-Quran. Manakala ibadah umum ialah kegiatan muslim dalam bidang yang lain daripada bidang ibadat khusus, sama ada kegiatan itu berkaitan dengan urusan keluarga, masyarakat atau negara⁸⁸.

ii. Akhlak

Menurut Ibn Maskawaih “*akhlak itu adalah keadaan jiwa seseorang yang mendorongnya untuk melakukan sesuatu perbuatan tanpa melalui pertimbangan fikiran dan teragak-agak*”⁸⁹. Menurut al-Ghazali akhlak ialah sifat jiwa yang mendorong atau melahirkan perbuatan tanpa disengaja⁹⁰. Berdasarkan pengertian tersebut, dapat disimpulkan bahawa akhlak ialah sifat terpendam dalam jiwa berdasarkan dorongan baik dan buruk menurut pandangan manusia dan ditamsilkan melalui perbuatan ke arah kebaikan atau keburukan.

⁸⁸ Ahmad Mohd Salleh, *Pendidikan Islam Dinamika Guru* (Karisma Publication: Selangor, 2002).h119

⁸⁹ Ibn maskawaih, Abu Ali ibn Muhammad ibn Ya'qub, *Tahzib al -akhlaq*,25

⁹⁰ Al-Ghazali, *Ihya Ulumuddin*, Juz 3: 56, Lihat juga Al-Ghazali, *Bimbingan Mukmin*, (Singapura: Pustaka Nasional, 1995), 433-438

Selain itu, perbicaraan mengenai akhlak tidak dapat dipisahkan daripada mengulas sifat-sifat mahmudah dan sifat-sifat mazmumah. Menurut imam al-Ghazali di dalam *hidayatus salikin* memperincikan sifat mahmudah ialah taubat, takut akan Allah, kasih akan Allah, zuhud, sabar, syukur, ikhlas dan benar, tawakkal, redha dengan qada' dan qadar dan mengingati mati. Manakala sifat mazmumah ialah gemar makan dan minum, banyak berkata yang sia-sia, marah, hasad, kasih akan harta, takbur, riyak, ujub dan kasih akan dunia.

Peranan akhlak dalam pembinaan sahsiah seseorang tidak boleh dinafikan lagi kepentingannya. Proses pembentukannya adalah selaras dengan perkembangan jiwa seseorang itu sendiri. Untuk membentuk akhlak yang baik memang sukar, tetapi apa yang harus dilakukan oleh seorang muslim ialah dengan cara mempraktikan usaha ke arah kesempurnaan akhlak.

Justeru itu, akhlak bersifat menyeluruh yang melibatkan dengan hubungan dengan Allah, hubungan dengan manusia dan hubungan sesama makhluk. Akhlak lahir dari jiwa, bukan sekadar luaran tetapi dalaman yang dinilai oleh Allah.

2.5.3 Uslub dakwah (gaya penyampaian)⁹¹

Islam amat menitikberatkan penggunaan perkataan atau bahasa yang baik ketika berkomunikasi terutama kepada sasaran. Hal ini jelas dinyatakan di dalam Surah al-Isra'

Firman Allah:

وَقُلْ لِعِبَادِي يَقُولُوا الَّتِي هِيَ أَحْسَنُ ٥٣

Surah al-Isra': 53

Terjemahan: "dan berkatalah kepada hamba-hambaKu, hendaklah mereka mengucapkan perkataan yang baik"

⁹¹ Nor Raudah Siren, *Retorik penulisan dakwah* (Kuala Lumpur : Penerbit UM, 2015), 60

Gaya persembahan yang baik dan menarik dalam penyampaian lagu nasyid akan membantu keberkesanan penyampaian mesej. Keberkesanan proses komunikasi tersebut dilihat melalui asas uslub dakwah yang disebut dalam Surah an-Nahl ayat 125.

Firman Allah:


ادْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْخَيْرَةِ وَجَادِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ١٢٥

Surah an-Nahl:125

Terjemahan: “Serulah manusia ke jalan agama Tuhan kamu dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat yang baik serta berbahaslah dengan mereka dengan cara yang terbaik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui siapa yang sesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih Mengetahui siapa yang mendapat petunjuk”

Oleh yang demikian, berdasarkan model pembujukan dakwah Surah an-Nahl ayat 125 hanya mengkhususkan kepada pembujukan sahaja. Maka, kajian ini hanya memfokuskan kepada uslub dakwah pembujukan *maw'izah al-hasannah* yang terdapat dalam lagu nasyid.

i. Pembujukan *Maw'izah al-Hasanah* dalam lagu



Rajah 2.5.3 : Pembujukan secara *maw'izah al-hasannah*

Perkataan *mauzah hasanah* berasal daripada kata dasar *wa'az* (وعظ). *Waa i'zun* (واعظ) yang bermaksud yang memberi pengajaran atau nasihat. Menurut al-Alusi⁹², *mauzah hasanah* adalah nasihat yang baik untuk memberi manfaat kepada sasaran dakwah. Selain

⁹² Al-Alusi Abu Fadi Shihab al-Din al-Sayid al-Baghdadi, *Ruh al – Ma'ani fi al-Tafsir al-Quran al-Karim wa al-Sab'a al-Mathari al-Risalah* (Beirut: Idarat al-Tiba'ah al-Muniriyyah, 1995), 2:254

itu, ucapan dan peringatan yang diberikan bertujuan untuk memberi kesedaran dan mengelakkan manusia terjerumus ke lembah kejahanan.

Tujuan utama penyampaian nasihat adalah untuk memperbaiki kekhilafan di kalangan manusia dan menaruh belas kasihan untuk kesejahteraan manusia di dunia dan akhirat. Di samping untuk mengembalikan tujuan asal kejadian manusia iaitu menjadi khalifah di muka bumi.

Firman Allah:

وَالْعَصْرِ ۝ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي حُسْنٍ ۝ إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ
وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ ۝ وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ۝

Surah al-A'sr: 1-3

Terjemahan:Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.

Menurut Ibnu Kathir⁹³dalam tafsirnya, Allah mengecualikan orang-orang yang beriman dan beramal dengan sepenuh hati dan beramal soleh dengan seluruh anggota tubuhnya serta dua golongan yang dikecualikan dari jenis manusia yang berada dalam kerugian iaitu golongan yang saling menasihati untuk melaksanakan ketaatan dan meninggalkan perkara yang diharamkan serta golongan yang menasihati dalam kesabaran iaitu kesabaran atas musibah atau takdir, serta gangguan orang yang menyakiti.

Tujuan utama kewujudan irama nasyid adalah untuk menjadi medium penyampaian dakwah iaitu memberi nasihat yang baik kepada sasaran khalayak. Menurut Mohammad Shahir Abdullah (mantan Ketua Pengarah JAKIM) pihak JAKIM mengambil inisiatif supaya mengangkat nasyid sebagai medium penyampaian dakwah melalui lirik-lirik lagu dapat menyampaikan mesej-mesej positif. Katanya lagi, nasyid dapat bertahan kerana mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Tambahnya lagi, tidak keterlaluan untuk

⁹³ Ibnu Kathir, Abi Fida' Ismail *Ibn Kathir*, Juz 30. (Al-Azhar: Maktabah Zahran),147

mengatakan nasyid boleh mengambil alih tempat ceramah agama kerana lirik lagu sudah mencakupi apa yang hendak disampaikan kepada masyarakat.⁹⁴

Selain itu juga, menurut Muhammed Yusuf dalam kajiannya nasyid mempunyai hubungan langsung dengan pendengar termasuk memberi ketenangan dan mendidik akhlak. Lagu nasyid sebagai medium hiburan di Malaysia, sentiasa menyasarkan matlamat untuk menjadi platform yang mendidik, menghibur dan menyatupadukan ummah melalui mesej-mesej yang berkualiti dan universal yang berlandaskan Islam, sesuai dan relevan untuk masyarakat tempatan dan antarabangsa. Setiap lagu yang dihasilkan bermatlamat untuk menyampaikan mesej yang boleh mendidik masyarakat.⁹⁵

Secara umumnya, lagu nasyid mengandungi lirik yang memberi pedoman dan nasihat yang baik. Maka, penyanyi yang bijak dan berjaya mampu menyesuaikan penyampaian mesej dalam lagu selari dengan gaya yang bersesuaian mengikut tahap sasaran pendengar. Oleh itu, penyanyi perlulah menguasai kaedah membujuk sasaran dalam usaha menyampaikan dakwah melalui lagu agar dapat memanipulasi emosi dan menarik perhatian sasaran. Apabila jiwa pendengar mula berinteraksi dengan penyampai dan akalnya mula terbuka, maka segala mesej yang disampaikan dapat memberi kesan yang mendalam dalam jiwa pendengar. Justeru itu, dapat disimpulkan daripada pengertian *mauizah hasanah* merangkumi kaedah menasihati secara halus dan terang.

Intipati penyampaian lagu adalah bertujuan untuk menyampaikan nasihat yang baik kepada sasaran pendengar. Oleh itu, elemen-elemen nasihat boleh dilakukan secara halus dan terus-terang dalam proses penyampaian nasihat.

⁹⁴ Arkib, “Nasyid sebagai medium dakwah” laman sesawang Utusan Malaysia, dicapai pada Jun 2014 <http://ww1.utusan.com.my/utusan/info>.

⁹⁵ Muhammed Bin Yusof, *Dakwah Melalui Muzik Edutainment: Tumpuan Terhadap Nasyid Di Malaysia*. In: Isu-Isu Semasa Dakwah. Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan Apium , (2013)

Antara pembujukan *mauizah hasanah* yang boleh diaplikasikan dalam lagu adalah seperti berikut:

Jadual 2.5.3 : Pembujukan secara *maw'izah al-Hasanah*

Mauizah hasanah (Nasihat yang baik)	Kaedah pembujukan
Halus	Kiasan
Terus-Terang	a)Keterangan b)Penegasan

a) Halus

Penyampaian dakwah secara halus dalam ilmu balaghah dibahaskan dalam topik ilmu *al-maani* sebagai mengungkapkan lafaz-lafaz yang mempunyai makna tersirat. Ia digunakan untuk melahirkan pengesanan yang kuat dan mendalam kepada pendengar.

Penggunaan uslub *maw'izah al-Hasanah* secara halus yang berbentuk nasihat, teguran dan peringatan akan meresap ke jiwa sasaran. Tambahan pula, nasihat yang dilakukan secara tidak langsung terutama apabila ingin menegur kesalahan seseorang. Teguran yang dilakukan secara terus terang akan dianggap memalukan. Apatah lagi membuat teguran di khalayak ramai. Ia akan menjatuhkan aib dan reputasi individu yang ditegur. Oleh itu, teguran dan nasihat secara halus dan tidak langsung boleh menangani ego manusia yang tinggi serta mendapat kepuasan perasaan kepada sasaran.⁹⁶

Penggunaan uslub retorik pembujukan dakwah secara halus boleh diaplikasikan menggunakan kiasan yang terdapat dalam lirik lagu kedua-dua buah album. Melalui kaedah kiasan, memberi kefahaman yang jelas terhadap sesuatu mesej atau ajaran yang disampaikan. Kaedah ini juga mampu menarik pengaruh khalayak kepada sesuatu isu

⁹⁶ Nor Raudah Siren, *Retorik penulisan dakwah* (Kuala Lumpur : Penerbit UM, 2015), h.67

yang dikemukakan serta sesuai dengan jiwa manusia. Kaedah kiasan digunakan sebagai cara menjelaskan perkara yang abstrak agar manusia berfikir. Bahasa kiasan tergolong dalam bahasa figuratif dalam Bahasa Melayu. Ia menunjukkan bahawa makna sesuatu kata atau ekspresi kata itu dikembangkan untuk mengisi ruang yang lebih luas atau ruang yang berbeza daripada yang biasa tetapi mampu menjadikan sesuatu yang diperkatakan menjadi nyata.

Antara teknik bahasa kiasan yang boleh diaplikasikan dalam retorik pembujukan dakwah secara *mauzihah hasanah* ialah metafora⁹⁷, simili⁹⁸, personifikasi⁹⁹, hiperbola¹⁰⁰, imej alam, perlambangan, bahasa asing dan sinkope.¹⁰¹

b) Terus -Terang

Uslub memberi nasihat yang baik memerlukan kata-kata yang berterus- terang tetapi lembut, sesuai dengan kedudukan sasarannya. Gaya penyampaianya boleh dipelbagaikan mengikut kesesuaian sasaran untuk memberi kesan yang mantap di jiwa manusia.¹⁰²

Menurut Ab Aziz, dakwah mengikut sasaran dan perkembangan sasaran dapat dikelaskan kepada tiga bahagian iaitu latihan untuk kanak-kanak, berperingkat dan beransur serta bersesuaian dengan keadaan.

i. Penegasan¹⁰³

⁹⁷ Metafora bermaksud pemakaian kata-kata yang menyatakan sesuatu makna atau maksud yang lain daripada makna biasa atau makna sebenar perkataan yang berkeraaan sebagai perbandingan atau kiasan. lihat juga ⁹⁷ Kamus Dewan Edisi Keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1194 entri “metafora”

⁹⁸ Simili bermaksud perumpamaan yang jelas mengungkapkan perbandingan atau persamaan antara sesuatu iaitu orang, benda dan sebagainya. lihat juga Kamus Dewan Edisi Keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 1194 entri “simili”

⁹⁹ Personifikasi bermaksud pemberian sifat-sifat manusia kepada benda tidak bernyawa atau sesuatu yang abstrak dan lain-lain untuk mendapatkan kesan sastera dan seni. lihat juga Kamus Dewan Edisi Keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), entri “personifikasi”

¹⁰⁰ hiperbola bermaksud ungkapan pernyataan, kiasan yang berlebih-lebihan atau dibesar-besarkan untuk memperoleh kesan tertentu dan tidak bertujuan ditafsirkan secara harfiah lihat juga Kamus Dewan Edisi Keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), entri “hiperbola”

¹⁰¹ Md Sidin Ahmad Ishak dan Mus Chairil Samani, Strategi Penulisan: Panduan Khusus Kepada Penulis (UKM: Jabatan Komunikasi, 1996) 23

¹⁰² Nor Raudhah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah* , 69

¹⁰³ Nor Raudhah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah* h.71

Tegas bermaksud kukuh, kuat dan bersungguh-sungguh. Dalam ilmu retorik, penegasan boleh dilakukan menggunakan ayat penegasan. Ayat penegasan tersebut hendaklah menonjol dan lebih menarik, muncul sesekali dan tidak melibatkan keseluruhan ayat. Ayat penegasan yang boleh dilihat melalui teks lirik iaitu soalan retorik, Taukid dan kata tugas. Penegasan dilakukan untuk menunjukkan bahawa perkara yang disebutkan oleh pendakwah merupakan perkara penting dan perlu diambil perhatian oleh khalayaknya.

Selain itu, penegasan juga boleh dilihat melalui konteks pengulangan. Penggunaan pengulangan juga mampu mempertegas maksud. Pengulangan ialah perbuatan mengulangi sama ada secara pengulangan di awal baris (anafora), di akhir baris (epifora), pengulangan di awal dan di akhir baris (simplok).¹⁰⁴

ii. Keterangan¹⁰⁵

Keterangan dan pendedahan juga merupakan kaedah terus-terang yang mewarnai uslub *maw'izah al-Hasanah*. Keterangan bermaksud huraian untuk menerangkan sesuatu, menjelaskan hal yang menjadikan sesuatu perkara itu menjadi jelas atau terang, beralasan, ada bukti dan tanda. Selain itu, keterangan dalam dakwah akan memantapkan lagi nasihat dan teguran yang disampaikan oleh pendakwah. Al-Quran sendiri banyak mengemukakan keterangan-keterangan yang jelas mengenai kekuasaan Allah SWT agar manusia dapat berfikir tentang keterangan yang diberikan. Di samping itu, kaedah pendedahan juga digunakan untuk menerangkan sesuatu. Pendedahan ini memperihalkan, memaparkan, menampakkan dan memperlihatkan agar seseorang akan mengetahui atau memahami sesuatu yang dulunya asing baginya.

Kaedah pendedahan yang boleh digunakan adalah kaedah qudwah hasanah iaitu contoh teladan yang baik. Kaedah ini juga digunakan oleh Rasulullah SAW dengan memperlihatkan akhlak yang mulia kerana kaedah ini mampu mengeratkan hubungan

¹⁰⁴ Jordon, John E, *Using Rhetoric*, (New York: Harper & Row Publiser) h 3

¹⁰⁵ Nor Raudhah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, 70

silaturrahim. Selain itu, kaedah percontohan boleh digunakan untuk menarik perhatian dan mengingatkan sasaran dakwah dengan ajaran Islam dan menyanggah perkara mungkar yang mereka lakukan.

2.6 KESIMPULAN

Oleh itu, penyanyi perlulah menguasai kaedah membujuk sasaran dalam usaha menyampaikan dakwah melalui lagu agar dapat memanipulasi emosi dan menarik perhatian sasaran. Apabila jiwa pendengar mula berinteraksi dengan penyampai dan akalnya mula terbuka, maka segala mesej yang disampaikan dapat memberi kesan yang mendalam dalam jiwa pendengar.

BAB TIGA

RETORIK PEMBUJUKAN DAKWAH MELALUI MESEJ DAKWAH DALAM ALBUM OPICK DAN HAFIZ HAMIDUN

3.1 PENDAHULUAN

Album The Best Of Opick (2011) dan I Love Rasulullah Hafiz Hamidun merupakan dua buah album nasyid yang mengandungi mesej dakwah. Maka, bab ini akan meneliti segala mesej dakwah yang meliputi mesej akidah, syariah dan akhlak menerusi kedua-dua album tersebut.

3.2 LATAR BELAKANG OPICK

Opick atau nama sebenarnya Aunur Rofick Lil Firdaus merupakan penyanyi dan pencipta lagu ketuhanan terkenal daripada Indonesia. Beliau dilahirkan di Jember, Jawa Timur pada 16 Mac 1974. Ironinya, kini figura berserban dan menyanyikan lagu ketuhanan pernah mempunyai sisi gelap dalam hidupnya. Pada tahun 1997, beliau memulakan karier seni sebagai penyanyi beraliran rock yang dinamakan Timur Band. Kumpulan Timur Band ini juga dianggotai oleh geng anak Jember. Pada ketika itu, beliau menggunakan kumpulan Timur Band untuk melawan pemerintah dengan menggunakan nada protes dalam setiap lagu-lagunya. Disamping dikelilingi oleh rakan-rakan yang hidup dalam gejala negatif dan pengaruh dadah.¹⁰⁶ Beliau bangkit untuk berubah mencari halatuju kehidupan yang sebenar selepas bertemu dengan seorang ustaz yang menyuruhnya untuk beristighfar.

Penjualan album pertama Opick berjudul Istighfar menjangkau 300000 unit sehingga mendapat augerah platinum. Kemudian, album tersebut meningkat jualanya sebanyak 800 ribu unit dan mendapat lima anugerah platinum. Selepas kejayaan album

¹⁰⁶ Akmaliah Razak, “Dakwah Cara Opick”, laman sesawang Sinar Harian dicapai Jun 2014 <http://www.sinarharian.com.my/hiburan/dakwah-cara-opick-1.227780>

Istighfar, Opick meneruskan berkarya dengan menerbitkan album Semesta Bertasbih (2006), Ya Rahman (2007), Cahaya Hati (2008), Di bawah LangitMu (2009), Shollu Ala Muhammad (2010),The Best Of Opick (2011) Salam Ya Rasulallah (2012)Ya Maulana(2013)sahabat sejati (2014), Salam Rindu Ya Musthofa (2015). Hal yang demikian, Opick sangat konsisten mengeluarkan album setiap tahun.Di samping penjualan album yang laris, Opick juga dilantik menjadi duta persatuan nasyid Nusantara kerana keterlibatan aktiviti-aktiviti dengan lagu Islami.

3.2.1 LATAR BELAKANG ALBUM THE BEST OF OPICK

Album the best Of Opick (2011) merupakan album lagu-lagu hits terbaik yang dinyanyikan sepenuhnya oleh Opick. Di samping itu, lirik lagu album ini juga ditulis baik oleh Opick. Album ini diterbitkan oleh Tombo Ati Production. Album ini diedarkan pada 6 julai 2011. Genre album ini adalah pop ketuhanan. Di dalam album ini terdapat juga, featuring Opick bersama Amanda dalam lagu Maha Melihat dan Alhamdulillah. Selain itu juga terdapat featuring Opick bersama Melly Goeslow dalam lagu Takdir.

Album The Best Of Opick (2011) ini mengandungi 14 buah lagu hits yang dinyanyikan sepenuhnya oleh Opick. Senarai lirik lagu adalah seperti berikut:

1. Rapuh
2. Cahaya hati
3. Bila waktu telah berakhir
4. Takdir
5. Rumput bertasbih
6. Tombo ati
7. Assalamualaikum
8. Alhamdulillah
9. Haji
10. Maha penyayang
11. Maha melihat
12. Shollu ala Muhammad
13. Astaghfirullah
14. keagunganMu

3.3 LATAR BELAKANG HAFIZ HAMIDUN

Hafiz Hamidun atau nama sebenarnya Mohammad Hafiz Bin Hamidun dilahirkan pada 21 September 1984 merupakan seorang penyanyi nasyid yang terkenal di Malaysia. Beliau juga merupakan bekas anggota kumpulan nasyid UNIC. Pada tahun 2007, beliau berundur dari UNIC dan bergerak secara solo sehingga kini. Setelah itu, beliau telah menubuhkan syarikat produksinya iaitu Arteffect Production. Tahun 2011, beliau telah menghasilkan albumnya sendiri iaitu Zikir Terapi Diri. Figura Hafiz Hamidun menjadi fenomena apabila kejayaan album Zikir Terapi Diri menjadi fenomena dan berjaya dijual melebihi 400000 unit. Menurut Encik Moktaza, (wakil Warner Music Malaysia) Zikir Terapi Diri Hafiz Hamidun mencatatkan jualan tertinggi untuk pasaran Malaysia bagi kategori tempatan. Disamping itu, album tersebut dicalonkan sebagai anugerah nasyid paling popular ABPBH.

Hafiz Hamidun merupakan seorang penyanyi, komposer, pengarah dan penerbit muzik yang kini menjadi fenomena. Fenomena Zikir Terapi Diri Hafiz Hamidun masih lagi berterusan dan trend album zikir masih menguasai industri hiburan tanah air.

Di samping kejayaan albumnya, pada tahun 2016 Hafiz Hamidun dinobatkan sebagai muslim paling berpengaruh di dunia oleh The Royal Islamic Strategic Studies yang berpangkalan di Amman Jordon. Hafiz Hamidun telah diberi pengiktirafan menerusi kategori Kesenian dan Kebudayaan di dalam keluaran terbaru *The Muslim 500: The World 500 Most Influential Muslim* edisi 2016.

Beliau telah menghasilkan lima buah album solo. Antaranya: Album studio Hafiz Hamidun (2007), syukran (2009), Zikir Terapi Diri (2011), Sirah Teragung Muhammad SAW(2012), Zikir Terapi 2(2013), Zikir Terapi 3(2014), I Love Rasulullah (2015). Album Single: Kasih Padamu (2012), jodoh berdua (2013), Mikraj Cinta (2014).

3.3.1 LATAR BELAKANG ALBUM I LOVE RASULLAH

Pada 28 Mac 2015, album I Love Rasulullah telah mencatat 10,000 unit jualan sehingga meraih anugerah platinum. Album yang berkonsepkan kecintaan kepada Rasulullah SAW menghimpunkan 9 buah lagu iaitu:

1. Penyelamat
2. Habeeb
3. Bukti cintaku
4. *Law kana bainana*
5. Kasih padamu
6. *Shollu ala' khoiril anam*
7. Pemergian rasul
8. Ya rasul
9. *Tholaal badru a'laina*

3.4 ANALISIS MESEJ DAKWAH MELALUI LAGU

3.4.1 MESEJ DAKWAH

Lagu daripada album The Best Of Opick (2011) dan album I Love Rasulullah Hafiz Hamidun merupakan album nasyid ketuhanan. Album Opick membicarakan mengenai tema-tema lagu ketuhanan. Manakala album *I Love Rasullah* bertemakan kecintaan dan kerinduan terhadap Rasulullah.

Analisis pada bahagian ini akan dilakukan dalam konteks analisis terhadap mesej dakwah iaitu mesej akidah, syariah dan akhlak yang terdapat dalam lirik kedua-dua buah album ini

a) Mesej Akidah

Mesej akidah merupakan mesej dakwah yang menyumbang kepada usaha menimbulkan pengetahuan manusia terhadap Allah, malaikat, rasul, kitab Allah, qada' dan qadar serta hari kiamat.¹⁰⁷

Jadual 3.4.1.a : Analisis Kandungan Mesej Akidah

¹⁰⁷ Nur Syazrin Nazeemuddin, *Mesej dakwah dan metode Mau'izah Hasanah dalam Filem* (Disertasi, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012), 173

Album Mesej akidah	THE BEST OF OPICK	I LOVE RASULULLAH
Keimanan kepada Allah	Pergantungan hidup hanya kepada Allah semata-mata.	Sentiasa merendah diri kepada Allah. Walaupun berpangkat tinggi dan berjawatan.
Keimanan kepada Malaikat	Ketaatan malaikat kepada Allah.	Malaikat merindui kehadiran Nabi Muhammad SAW.
Keimanan kepada Kitab	Ubat hati ada 5 perkara: Pertama, membaca Al-Quran dan maknanya.	Al-Quran dan Hadith sebagai panduan hidup
Keimanan kepada nabi	Perbanyakkan selawat kepada Nabi Muhammad SAW.	Nabi Muhammad SAW adalah khatimul anbiyak
Keimanan kepada Hari Kiamat	Kehidupan ini hanya sementara dan akan berakhir dengan hari kiamat.	Nabi Muhamamad SAW akan memberi syafaat ketika hari perhitungan iaitu selepas berlakunya hari kiamat.
Keimanan kepada Qada' dan qadar	Segala yang berlaku dalam hidup insan telah ditakdirkan oleh Allah dan tertulis di Luh Mahfuz.	Ketetapan ajal iaitu kewafatan Nabi Muhammad SAW. Walaupun baginda seorang nabi, baginda juga tidak terlepas dengan ajal.

Menerusi jadual di atas, album *The Best Of Opick* dan *I Love Rasulullah* mempunyai mesej akidah yang bertunjangan enam rukun iman yang wajib diyakini oleh setiap muslim. Mesej akidah yang diaplikasikan dalam lirik adalah seperti berikut:

i. Keimanan kepada Allah

Keimanan kepada Allah ialah mempercayai dengan penuh keyakinan bahawa Allah SWT yang mencipta alam ini dan Dialah Tuhan yang berhak disembah dan ditujukan segala pergantungan hidup¹⁰⁸.

Jadual 3.4.1. a.i : Mesej Keimanan kepada Allah

OPICK	HAFIZ HAMIDUN
<i>Pada Mulah digantungkan segala harap keselamatan Lindungilah kami semua wahai Sang Penguasa Alam</i>	<i>Walau diri bisa menakluki takhta Tetap rendah hati penuh sederhana Segalanya demi Lillahi Ta'ala Allah itulah matlamatnya Islam itulah jalannya</i>

¹⁰⁸ Sulaiman Endut, *Asas-Asas Fardu Ain* (Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid, 2011), 12

Dalam lagu Maha Penyayang oleh Opick, jelas memperlihatkan ajakan untuk menjadikan kebergantungan hidup kepada yang Maha Pencipta, “*PadaMulah digantungkan segala harap keselamatan*”. Hal ini menunjukkan bahawa hanya Allah yang mampu menyelamatkan hidup manusia di dunia. “*Lindungilah kami semua wahai Sang Penguasa Alam*”

Menerusi lagu Kasih PadaMu, Hafiz Hamidun menyeru manusia agar merendahkan diri di hadapan penciptaNya. Walaupun memiliki jawatan yang tinggi di dunia ini. “*Walau diri bisa menakluki takhta tetap rendah hati penuh sederhana, Segalanya demi Lillahi Ta'ala*”. Hal ini menunjukkan bahawa kehidupan manusia untuk mencapai matlamat yang satu iaitu Allah dan Islam. “*Allah itulah matlamatnya, Islam itulah jalannya*”.

ii. Keimanan kepada malaikat

Keimanan kepada malaikat merupakan rukun iman yang kedua. Sebanyak 10 Malaikat yang wajib dipercayai oleh setiap muslim. Malaikat adalah makhluk Allah yang diciptakan daripada nur. Di samping itu, Malaikat telah dilengkapkan oleh Allah swt dengan persediaan-persedian untuk mematuhi perintah Allah semata-mata, iaitu malaikat tidak pernah menderhaka kepada Allah SWT, sentiasa bertasbih kepada Allah dan mereka sentiasa melaksanakan apa yang diperintahkan oleh Allah.¹⁰⁹

Jadual 3.4.1 a ii : Mesej Keimanan kepada Malaikat

OPICK	HAFIZ HAMIDUN
<i>Sayap-sayap malaikatMu berkembang di atas titahMu Memuji dan memuja slalu hanya untukMu (KeagunganMu)</i>	<i>Pemergian mu ya rasul dinanti para malaikat dilangit, menyambut kekasih Allah</i>

¹⁰⁹Ahmad Mohd Salleh, *Pendidikan Islam Dinamika Guru* (Selangor : Karisma Publication, 2002),75

Jadual di atas, menunjukkan kewujudan mesej keimanan kepada malaikat dalam lirik lagu Opick dan Hafiz Hamidun. Lagu tersebut menggambarkan ketaatan malaikat dalam mematuhi perintah Allah. Setiap makhluk yang diciptakanNya memiliki tugas dan tanggungjawab masing-masing. Penciptaan malaikat yang sentiasa patuh menunggu arahan Allah memperlihatkan kekuasaan Allah menciptakan malaikat yang wajib diimani oleh orang Islam. “*Sayap-sayap malaikatMu berkembang di atas titahMu, Memuji dan memuja slalu hanya untukMu*”.

Bagi lagu yang dinyanyikan oleh Hafiz Hamidun pula, malaikat sentiasa menunggu kehadiran Nabi Muhammad SAW dengan penuh kerinduan. Hal ini memperlihatkan bagaimana malaikat juga merupakan makhluk yang mengagungkan kekasih Allah itu. “*pemergian mu ya rasul, dinanti para malaikat, dilangit, menyambut kekasih Allah*”.

Firman Allah:

إِنَّ الَّذِينَ عِنْدَ رَبِّكَ لَا يَسْتَكِرُونَ عَنْ عِبَادَتِهِ وَيُسْبِحُونَهُ وَلَهُ يَسْجُدُونَ ﴿٢٠٦﴾

Surah al-A'raf:206

Terjemahan: Sesungguhnya mereka malaikat yang ada di sisi Tuhanmu tidak bersikap angkuh ingkar daripada beribadat kepadaNya dan mereka pula bertasbih bagiNya dan kepadaNyalah jua mereka sujud.

Ayat diatas menjelaskan bahawa malaikat tidak pernah sompong dan takbur terhadap Allah SWT. Malaikat sentiasa bertasbih dan sujud mengabdikan diri kepada Allah dengan penuh ketaatan. Malaikat juga tidak pernah melakukan maksiat dan sentiasa menjunjung perintah Allah sebagaimana firmannya:

وَلَهُ يَسْجُدُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مِنْ دَابَّةٍ وَالْمَلِكَةُ وَهُنَّ لَا يَسْتَكِرُونَ ۙ ۹ ۴ يَخَافُونَ رَبَّهُمْ مِنْ قَوْقَمٍ وَيَقْعُلُونَ مَا يُؤْمِرُونَ ﴿٥٠﴾

Surah an-Nahl: 49-50

Terjemahan: Dan bagi Allah jualah tunduk sujud apa yang ada di langit dan yang ada di bumi, dari makhluk-makhluk yang bergerak serta malaikat; sedang malaikat-malaikat itu tidak berlaku sompong takbur daripada beribadat dan sujud kepadaNya. Mereka takut kepada Tuhan mereka yang mengatasi mereka dengan kekuasaanNya, serta mereka mengerjakan apa yang diperintahkan.

iii. Keimanan kepada kitab

Keimanan kepada kitab merupakan rukun iman yang ketiga. Terdapat empat kitab yang diturunkan oleh Allah kepada nabi iaitu kitab Zabur, Injil, Taurat dan al-Quran. Kitab yang diturunkan kepada Nabi Muhammad saw adalah al-Quran. Al-quran bermaksud kalam Allah yang diturunkan oleh Nabi Muhammad SAW dengan perantaraan bahasa arab dipindahkan secara mutawatir dimula dengan surah al-Fatiyah dan diakhiri dengan surah an-Nas, yang menjadi ibadah setiap pembacaanya.¹¹⁰

Jadual 4.3.1 a iii: Mesej keimanan kepada kitab

OPICK	HAFIZ HAMIDUN
<i>Pabila jiwa jauh dari al-Quran Langkahnya hidup bagai tanpa pedoman (Lagu Shoolo Ala Muhammad)</i>	<i>Sahih hadith dan Al-Quran Menjadi sumber cahaya pedoman Hanya itu yang kau wariskan Akan selamat di dunia akhirat</i>

Penyampaian mesej keimanan kepada kitab jelas ditonjolkan dalam lirik lagu shollu ala Muhammad nyanyian Opick¹¹¹. Individu muslim yang beriman kepada kitab-kitab Allah mestilah mengamalkan segala ajaran kitab yang bertujuan menunjukkan manusia kepada jalan yang benar iaitu jalan yang direhdai Allah. Jelas bahawa al-Quran merupakan kitab yang memberi panduan dan kesejahteraan kepada umat manusia di dunia dan akhirat. Justeru itu, hidup individu muslim akan terumbang ambing tanpa panduan jika mengabaikan al-Quran dalam kehidupannya. “*Pabila jiwa jauh dari al-Quran, Langkahnya hidup bagai tanpa pedoman*”

¹¹⁰ Ismail Kamus, *Indahnya hidup bersyariat* (Kuala Lumpur: Telaga Biru, 2000),56

¹¹¹ Tombo hati bermaksud ubat hati. Lirik tombo hati digubah oleh sunan bonang iaitu salah satu daripada wali songo. Kemudian, Opick telah menggubah dan memberi susunan muzik segar. Bermula dengan album ini, menaikkan nama Opick sebagai penyanyi lagu ketuhanan di Indonesia.

Menerusi kasih padamu nyanyian Hafiz Hamidun, al-quran dan hadith merupakan sumber Islam iaitu risalah agung peninggalan Rasulullah SAW yang boleh memberi panduan hidup dan menyelamatkan umatnya di dunia dan akhirat. Kedua-dua sumber itu adalah al-Quran dan Hadith yang ditekankan dalam lirik Hafiz Hamidun. “*Sahih hadith dan Al-Quran, Menjadi sumber cahaya pedoman, Hanya itu yang kau wariskan, Akan selamat di dunia akhirat*”.

iv. Keimanan kepada nabi dan rasul

Kepercayaan kepada Nabi dan rasul termasuk di dalam rukun iman yang keenam. Nabi ialah seorang lelaki yang diberi wahyu oleh Allah untuk dirinya dan tidak diperintah menyampaikan wahyu tersebut kepada orang lain. Rasul ialah seorang lelaki yang diberi wahyu oleh Allah untuk dirinya dan diperintah menyampaikan wahyu tersebut kepada orang lain. Nabi Muhammad SAW merupakan rasul terakhir daripada 25 Nabi yang diutuskan Allah.

Jadual 4.3.1 a iv: Mesej keimanan kepada Nabi dan Rasul

Opick	Hafiz hamidun
<p><i>Shollu Ala Muhammad (4x)</i> <i>Shollah Ala Muhammad Shollah alaihi wassalam</i> <i>Shollah Ala Muhammad Shollah alaihi wassalam</i> <i>Ya Nabi salam alaika Ya rasul salam alaika</i> <i>Ya Nabi salam alaika Ya rasul salam alaika</i></p>	<p><i>Selawat dan salam ke atas junjungan</i> <i>Kau kekasih Allah</i> <i>Ya Rasulullah</i> <i>Khatimul anbiyak</i> <i>Penghulu segala umat manusia</i> <i>Hingga selamanya</i> <i>Dikau Muhammad</i> <i>Dikau Nabi taubat nabi rahmat (habeeb)</i></p>

Jadual di atas menunjukkan bahawa mesej akidah iaitu keimanan kepada Nabi dan rasul terdapat dalam lirik lagu *Shollu Ala Muhammad* nyanyian Opick, Opick mengajak

pendengar supaya berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Rangkap pertama lagu dimulakan dengan selawat sebanyak empat kali. Selain itu juga, rangkap terakhir juga diakhiri dengan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW. “*Shollu Ala Muhammad (4x), Shollah Ala Muhammad Shollah alaihi wassalam, Shollah Ala Muhammad Shollah alaihi wassalam, Ya Nabi salam alaika Ya rasul salam alaika, Ya Nabi salam alaika Ya rasul salam alaika*”. Justeru itu, sebagai umat Muhammad yang cintakan baginda haruslah memperbanyakkan selawat sebagai bukti kecintaan kita kepada baginda.

Firman Allah :

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيَهَا الَّذِينَ ءاْمَنُوا صَلُوْا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
٥٦ تَسْلِيمًا

Surah al-Ahzab : 56

Terjemahan: Sesungguhnya Allah dan malaikatNya berselawat memberi segala penghormatan dan kebaikan kepada Nabi Muhammad s.a.w, wahai orang-orang yang beriman berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.

Manakala melalui lirik Habeeb nyanyian Hafiz Hamidun, juga menggalakkan berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW. Selain itu, Nabi Muhammad SAW merupakan manusia pilihan dan paling mulia di sisi Allah merangkap kekasih Allah. Selain itu juga, melalui lirik ini menjelaskan Nabi Muhammad SAW merupakan penutup segala Nabi yang diutuskan oleh Allah. “*Selawat dan salam ke atas junjungan, Kau kekasih Allah, Ya Rasulullah, Khatimul anbiyak, Penghulu segala umat manusia, Hingga selamanya.*”

Firman Allah:

مَا كَانَ مُحَمَّدُ أَبَا أَحَدٍ مِّن رِّجَالِكُمْ وَلِكُنْ رَسُولَ اللَّهِ وَخَاتَمَ النَّبِيِّنَ وَكَانَ
اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ٤٠

Surah al-Ahzab : 40

Terjemahan: Bukanlah Nabi Muhammad itu dengan sebab ada anak angkatnya menjadi bapa yang sebenar bagi seseorang dari orang lelaki kamu, tetapi dia adalah Rasul Allah dan kesudahan segala Nabi-nabi dan ingatlah Allah adalah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu.

Lirik di atas bertepatan dengan surah al-Ahzab ayat 40, menjelaskan kepada manusia bahawa penutup zaman kenabian dan menghukum bahawa tidak ada lagi nabi lain selepas Nabi Muhammad SAW. Sejak kewafatan Nabi Muhammad SAW 1400 tahun yang lalu, tidak ada lagi nabi sesudahnya. Justeru, sebagai umat Islam wajib percaya bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan penutup kepada keseluruhan nabi dan nabi akhir zaman.

v. Keimanan Kepada Hari Kiamat

Hari kiamat merupakan rukun iman yang kelima. Setiap muslim wajib beriman dengan adanya hari kiamat. Hari kiamat atau hari akhirat ialah hari akhir dunia di mana akan berlakunya kehancuran seluruh alam, serta mati segala yang hidup. Selepas itu Allah SWT menggantikan alam yang baru dengan menghidupkan semula seluruh manusia yang telah mati untuk dihisab segala amalan yang dilakukan di dunia. Tujuan hisab adalah untuk menentukan ditempatkan di syurga atau neraka.¹¹²

Jadual 3.4.1 a v : Mesej Keimanan Kepada Hari Kiamat

Opick	Hafiz hamidun
<i>Bagaimana kau merasa bangga Akan dunia yang sementara Dihempas gelombang, Dilemparkan angin Terkisah kubersedih, kubahagia Di indah dunia berakhir sunyi Langkah kaki di dalam rencanaNya (Takdir)</i>	<i>Engkaulah iman buat kami semua Hanya syafaatmu yang harapkan Semoga bertemu di hari perhitungan</i>

Penekanan mesej berkaitan dengan keimanan kepada hari kiamat di dalam lirik Bila Waktu telah berakhir nyanyian Opick dan Hafiz Hamidun. Lirik Bila Waktu telah berakhir nyanyian Opick memberi peringatan kepada pendengar agar tidak berbangga

¹¹² Ismail Kamus, *Indahnya hidup bersyariat*, 57

dengan kehidupan duniawi kerana semuanya bersifat tidak kekal selamanya. Secara lumrahnya, antara perkara yang menjadi kebanggaan manusia adalah berbentuk kemewahan harta benda, keturunan, pangkat, ilmu dan sebagainya. Justeru itu, dunia yang sementara akan berakhir dengan hari akhir iaitu kiamat. Pada saat itu, hanya amal yang mampu manusia untuk menolong manusia menyelamatkan daripada azab neraka.

“Bagaimana kau merasa bangga, Akan dunia yang sementara”.

Selain itu, melalui lirik takdir juga menyebut mengenai hari kiamat. Kehidupan manusia di dunia penuh ujian. Namun ujian yang diberi adalah bertepatan dengan kemampuan setiap hamba-hambanya. Tujuan ujian itu hanyalah semata-mata manusia kembali mendekati Allah. Nikmat atau ujian hidup akan berakhir dengan sebuah kematian. Manakala dunia ini juga akan berakhir dengan hari kiamat. “*Dihempas gelombang, Dilemparkan angin, Terkisah kubersedih, kubahagia, Di indah dunia berakhir sunyi, Langkah kaki di dalam rencanaNya*”.

Manakala dalam lirik hafiz Hamidun, tujuan diutuskan Nabi Muhammad SAW adalah memberi .Rasulullah akan memberi syafaat kepada umatnya pada hari perhitungan iaitu manusia akan dihisab amalan baik dan buruk selepas terjadinya hari kiamat. Syafaat ialah keistimewaan yang dikurniakan oleh Allah kepada Nabi Muhammad SAW dan sesiapa sahaja yang dikehendaki Allah untuk memohon pertolongan daripada Allah untuk manusia di akhirat kelak. “ *Engkaulah iman buat kami semua, Hanya syafaatmu yang harapkan,Semoga bertemu di hari perhitungan* ”

Selain itu, banyak dalil naqli yang menceritakan kewujudan hari kiamat. Antara dalil yang menjelaskan kewujudan hari kiamat ialah Firman Allah SWT:

فَهُلْ يَنْظُرُونَ إِلَّا السَّاعَةَ أَن تَنْتَيْهُمْ بَعْثَةً فَقَدْ جَاءَ أَشْرَاطُهَا فَأَنَّى لَهُمْ إِذَا
جَاءَتْهُمْ ذِكْرُنَا ۖ ۗ

Surah az-Zukhruf:66

Terjemahan: Kiranya golongan yang ingkar masih tidak mahu menerima peringatan yang diberi kepadanya maka tidak ada lagi yang mereka tunggu melainkan saat kiamat yang akan datang kepada mereka secara mengejut, kerana sesungguhnya telah lahirlah tanda-tanda kedatangannya. Kalauolah demikian, maka bagaimanakah mereka dapat menerima peringatan yang diberi kepada mereka apabila saat kiamat itu datang kepada mereka.

Ayat di atas menjelaskan bahawa kiamat pasti berlaku sekalipun diingkari oleh manusia. Hal ini kerana hari kiamat termasuk dalam perkara *sami'yat* yang tidak dapat ditanggapi oleh pancaindera manusia. Tujuan tidak ditonjolkan perkara tersebut lebih awal adalah untuk menguji tahap keimanan dan keyakinan terhadap Allah SWT.¹¹³

vi. Keimanan kepada *Qada'* dan *Qadar*

Beriman kepada *qada'* dan *qadar* merupakan rukun iman yang keenam. Setiap individu muslim wajib beriman dengan *qada'* dan *qadar* sama ada yang baik maupun yang buruk. Menurut kamus dewan *Qada'* bermaksud hukum atau takdir Allah SWT. Manakala *Qadar* pula bermaksud keputusan ketentuan Tuhan, takdir, untung. Secara ringkasnya, *qada* adalah ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah sejak azali dan *qadar* pula boleh berubah dengan *qadar* yang lain.¹¹⁴

Jadual 3.4.1 a vi : Mesej keimanan kepada *Qada* dan *Qadar*

Opick	Hafiz hamidun
<i>Semua berjalan dalam kehendakNya Nafas hidup cinta dan segalanya Dan tertakdir menjalani segala Kehendak-Mu yaa Robbi Kuberserah..ku berpasrah..hanya PadaMu yaa Robbi</i>	<i>Telah pergi selamanya Namun kasih tak terpadam Ya Rasul, Kau insan mulia, kau insan berjasa pada dunia, kau Rasul pembela agama tercinta</i>

Berdasarkan dapatan dalam lirik takdir (opick), setiap individu hendaklah yakin bahawa semua yang terjadi pada diri kita dan seluruh alam tertakluk kepada takdir atau kehendak Allah dan segalanya telah tertulis di Luh Mahfuz. Sebagai individu muslim, kita digalakkan berusaha untuk mencapai keredhaan Allah. Setelah berusaha kita juga

¹¹³ Ibnu Kathir, Abi Fida' Ismail *Ibn Kathir*, Juz 23. (Al-Azhar: Maktabah Zahran), 299

¹¹⁴ Kamus Dewan, Edisi Keempat. (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka 2007)1261entri “*qada qadar*”

dianjurkan supaya bertawakkal kepada Allah. “Semua berjalan dalam kehendakNya, Nafas hidup cinta dan segalanya, Dan tertakdir menjalani segala,Kehendak-Mu yaa Robbi, Kuberserah..ku berpasrah..hanya PadaMu yaa Robbi”

Firman Allah:

مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَمَنْ يُؤْمِنْ بِاللَّهِ يَهْدِ قَلْبَهُ وَاللَّهُ يُعْلَمُ
شَيْءٌ عَلَيْهِ ۖ ۱۱
Surah at-Thaghabun :11

Terjemahan: Tidak ada kesusahan atau bala bencana yang menimpa seseorang melainkan dengan izin Allah dan sesiapa yang beriman kepada Allah, Allah akan memimpin hatinya untuk menerima apa yang telah berlaku itu dengan tenang dan sabar dan ingatlah, Allah Maha Mengetahui akan tiap-tiap sesuatu

Menerusi lirik habeeb lagu Hafiz Hamidun menceritakan, pemergian insan agung iaitu Rasulullah SAW buat selama-lamanya. Sebuah pemergian yang tiada galang gantinya. Namun, kehadiranNya telah memberi sinar cahaya kepada umat sekalian alam. Hal ini, berkait rapat dengan mesej keimanan kepada qada' dan qadar iaitu berkait dengan ajal maut setiap manusia. Ajal ialah masa berakhirnya tempoh hidup sesuatu makhluk sebagaimana yang ditetapkan oleh Allah sejak azali lagi.¹¹⁵ “Telah pergi selamanya, Namun kasih tak terpadam, Ya Rasul, Kau insan mulia.”.

Hal ini telah ditegaskan dalam al-Quran, Firman Allah:

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ ۚ ثُمَّ إِلَيْنَا تُرْجَعُونَ ۝ ۵۷
Surah al-Ankabut:57

Terjemahan: Tiap-tiap diri sudah tetap akan merasai mati, kemudian kamu akan dikembalikan kepada Kami untuk menerima balasan.

Menurut Ibn Kathir¹¹⁶, ayat diatas menjelas mengenai ajal yang menjadi ketetapan Allah. Tidak diketahui oleh manusia dan tidak dapat diubah. Manusia boleh meneruskan

¹¹⁵ Kamus Dewan, Edisi Keempat. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 2007) 32 entri “ajal”

¹¹⁶ Ibnu Kathir, Abi Fida' Ismail *Ibn Kathir*, Juz 8. (Al-Azhar: Maktabah Zahran),176

kehidupan dengan menjaga kesihatan, keselamatan dan berdoa agar dipanjangkan umur.

Namun, apabila sampai ketetapan ajal manusia akan mati.

Kesimpulannya, lirik yang terdapat di dalam album The Best Of Opick dan I love Rasulullah Hafiz Hamidun mempunyai mesej akidah. Mesej akidah tersebut bertunangkan rukun iman iaitu beriman kepada Allah, beriman kepada malaikat, beriman kepada kitab, beriman kepada rasul, beriman kepada hari kiamat dan beriman kepada Qada' dan Qadar.

b) Mesej Syariah

Mesej syariah dapat difahami melalui dua aspek iaitu fardu ain dan fardu kifayah yang dituntut ke atas setiap muslim yang mukallaf. Berikut merupakan mesej syariah yang terdapat di dalam lirik Opick dan Hafiz Hamidun:

Jadual 3.4.1 b : Analisis Kandungan Mesej Syariah

Mesej Syariah	Album	THE BEST OF OPICK	I LOVE RASULULLAH
Menunaikan solat		Bersujud kepada Allah. Bersujud merupakan salah satu rukun dalam solat.	Mengingati rasulullah dengan berselawat iaitu tahiyyat awal dan akhir dalam solat.
Membaca Al-Quran		Jika jiwa jauh dari al-Quran, hidup akan terumbang-ambing tanpa pedoman.	Al-quran merupakan sumber pedoman yang diwariskan oleh Nabi Muhammad SAW.
Zikir		Berzikir dapat menenangkan jiwa. Selain itu, alam raya juga bertasbih dan berzikir mengingati Allah.	Tiada
Haji		Bacaan talbiah	Tiada
Puasa		Puasa merupakan penawar bagi hati. Yang ketiga, berpuasa.	Tiada
Sedekah		Sedekah adalah dituntut untuk melapangkan rezeki	Tiada
Qiamullail		Ubat hati:	Tiada

	Yang keempat melakukan qiamullail	
Istighfar	Bertaubat kepada Allah apabila melakukan dosa. <i>Laa ilaha antaya Subhanaka inni kuntu Minallahdholimin (istighfar)</i>	Tiada
Galakan Berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW	Lafaz selawat dimulakan pada permulaan lagu Shollu Ala Muhammad	Berselawat ke atas junjungan Nabi Muhammad sebagai kekasih Allah dan khatimul Anbiyak

i. Menunaikan solat

Solat merupakan rukun Islam yang kedua menjadi kefarduan ke atas setiap muslim. Solat merupakan sendi atau tiang agama. Solat bermaksud perbuatan yang dimulakan dengan niat dan diakhiri dengan salam. Menurut Haron Din, manusia dituntut bukan hanya beriman kepada Allah, malah agama Islam menuntut umatnya untuk membuktikan keimanan mereka dengan perbuatan-perbuatan lahiriah seperti solat.¹¹⁷

Jadual: 3.4.1 b i: Mesej syariah menunaikan solat

OPICK	HAFIZ HAMIDUN
<i>bersujud kepada Allah bersyukur sepanjang waktu setiap nafasmu seluruh hidupmu semoga diberkahi Allah</i>	<i>Dalam solatku, tidurku, nafasku, mengingatimu Hati berbisik berdetik merindukan dirimu</i>

Menerusi lirik lagu Opick yang bertajuk Alhamdulillah terdapat mesej syariah tentang menunaikan solat. Solat merupakan perkara pertama yang akan dipersoalkan di hadapan Allah. Perlakuan sujud kepada Allah merupakan salah satu rukun solat. Selain

¹¹⁷ Haron Din (1988) Manusia dan Islam

itu juga, solat adalah tanda syukur manusia kepada Allah setiap hari. Sehubungan itu, Allah swt telah memberikan kepada hambanya pelbagai nikmat, maka tanda kita melahirkan rasa syukur adalah dengan ucapan rasa syukur dengan hati dan lisan serta memenuhi segala kewajipan sebagai hamba Allah iaitu beribadah kepada Allah swt.

“bersujud kepada Allah, bersyukur sepanjang waktu, setiap nafasmu, seluruh hidupmu, semoga diberkahi Allah”

Manakala dalam lirik bukti cintaku nyanyian Hafiz Hamidun, juga terdapat mesej menunaikan solat. Pensyariatan supaya berselawat ke atas Nabi Muhammad dalam bacaan tasyahud awal dan akhir ketika menunaikan solat. *“Dalam solatku, tidurku, nafasku, mengingatimu, Hati berbisik berdetik merindukan dirimu”*

Jelasnya, dapatan analisis kandungan daripada kedua-dua lirik menunjukkan mesej menunaikan solat dalam kehidupan.

ii.Membaca Al-Quran

Membaca al-Quran mempunyai banyak kelebihan dan keistimewaan yang besar. Membaca al-Quran amat dituntut tanpa mengira masa dan tempat selama mana pembaca dalam keadaan suci. Wahyu pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW adalah perintah membaca.

Jadual: 3.4.1 b ii: Mesej syariah membaca al-Quran

OPICK	HAFIZ HAMIDUN
<i>Yang pertama baca Quran dan maknanya</i>	<i>Sahih hadis dan al-quran, Menjadi sumber cahaya pedoman,,Hanya itu yang kau wariskan akan selamat di dunia dan akhirat</i>
<i>Pabila jauh daripada al-Quran, Langkahnya hidup bagai tanpa pedoman</i>	

Mesej syariah yang diaplikasi di dalam lirik lagu Opick yang bertajuk tombo hati atau ubat hati ada lima perkara. Pertama, galakan membaca al-Quran berserta maknanya.

Kita bukan sahaja digalakkan membaca al-Quran. Malahan pula sangat digalakkan untuk mengetahui makna bacaan al-Quran untuk mengetahui sejarah umat-umat lampau. “*Yang pertama baca Quran dan maknanya*”.

Disamping itu juga, melalui lirik *Shollu Ala Muhammad nyanyian Opick* menerangkan tentang keburukan jika tidak mengamalkan al-Quran dalam kehidupan. Hidup kita akan terumbang ambing jika al-Quran tidak dibaca dan diamalkan dalam kehidupan. “*Pabila jauh daripada al-Quran, Langkahnya hidup bagai tanpa pedoman*”.

Manakala mesej syariah membaca al-Quran juga dapat dikesan melalui lirik kasih padamu Hafiz Hamidun, terdapat dua perkara yang Nabi Muhammad SAW tinggalkan untuk ummatnya iaitu al-Quran dan Hadith. Oleh itu, untuk mendapat keselamatan di dunia dan di akhirat adalah dengan membaca, mentadabbur al-Quran serta menghayati pedoman yang ada di dalam al-Quran sepanjang menjalani kehidupan. “*Sahih hadis dan al-quran, Menjadi sumber cahaya pedoman, Hanya itu yang kau wariskan akan selamat di dunia dan akhirat*”.

Justeru itu, bagi menghayati keperihan Nabi Muhammad SAW menerima wahyu pertama di Gua Hira’ dan selama 23 tahun menyampaikan dakwah. Jadikanlah al-Quran dan as-Sunnah sebagai pedoman hidup. Disamping itu, sebagai umat Islam amat dituntut membudayakan al-Quran dalam kehidupan harian. Hal ini kerana al-Quran akan menjadi peneman apabila kita berada di alam barzakh.

iii.Zikir

Zikir yang khusus ialah bacaan yang melibatkan tasbih *Subhanallah*, *tahmid Alhamdulillah*, *tahlil Laila haa Illallah* dan takbir *Allahu Akbar*.

Jadual: 3.4.1 b iii: Mesej syariah : mesej zikir

Opick	Hafiz Hamidun
<p><i>Bila hati terasa sedih</i> <i>Bila jiwa terasa hampa</i> <i>Mungkin kita sudahlah lupa</i> <i>Berdzikir tenangkan jiwa</i></p>	Tiada
<p><i>Yang kelima dzikir malam perbanyaklah</i> <i>(tombo ati)</i></p>	
<p><i>Alam raya bertasbih memuji keagungan</i> <i>rumput-rumput ilalang daun pohon dan ikan</i> <i>bersujudlah segala di hadapan Sang Raja</i> <i>berharap memohon karunianya</i> <i>Allah Allah Allah Allah bertasbihlah alam</i> <i>raya</i> <i>Allah Allah Allah Allah memuji dan</i> <i>memujanya</i> <i>matahari rembulan bintang langit lautan</i> <i>berserah berpasrah kepada-Nya</i> <i>Dia-lah Sang Pencipta di tangan-Nya</i></p>	

Berdasarkan jadual di atas, tiada dapatan mesej zikir dalam analisis kandungan yang dilakukan di dalam lagu Hafiz Hamidun.

Manakala melalui lirik Opick, mesej syariah yang dikesan dalam lirik adalah tuntutan berzikir. Dalam menjalani kehidupan, manusia tidak terlepas dengan ujian daripada Allah. Ujian akan menyebabkan manusia berasa sedih, duka, kecewa dan hampa. Solusi yang diberikan Opick untuk menenteramkan hati yang berduka adalah dengan mengajak berzikir iaitu mengingati Allah sebanyak-banyaknya. *“Bila hati terasa sedih, Bila jiwa terasa hampa, Mungkin kita sudahlah lupa, Berdzikir tenangkan jiwa”*. Justeru itu, melalui lirik ini terdapat mesej menggalakkan berzikir bagi menenangkan jiwa. Apabila jiwa dirundung duka dan sedih, perbanyakkan berzikir untuk mendapatkan ketenangan. Hanyasanya dengan mengingati Allah hati akan menjadi tenang.

Firman Allah:

٢٨ الَّذِينَ ءامُوا وَتَطْمَئِنُ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُ الْقُلُوبُ

Terjemahan: Iaitu orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan "zikrullah". Ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia.

Selain itu, melalui lirik tombo ati, penawar bagi hati yang kelima adalah galakan untuk memperbanyakkan zikir malam. "*Yang kelima dzikir malam perbanyaklah*"

Selain itu juga, lirik Opick juga ada menyebut bahawa tumbuhan dan haiwan sentiasa berzikir dan bertasbih kepada Allah SWT. Sudah menjadi sunnatullah, bahawa tumbuhan, haiwan malah atom turut berzikir dan bertasbih kepada Allah. "*Alam raya bertasbih memuji keagungan,rumput-rumput ilalang daun pohon dan ikan,bersujudlah segala di hadapan Sang Raja,berharap memohon karunianya,Allah Allah Allah Allah bertasbihlah alam raya*". Jadi bagaimana dengan kita sebagai manusia yang dikurnia akal sebagai keistimewaan haruslah memperbanyakkan zikir lebih daripada itu.

Firman Allah:

شَيْخُ لِهِ السَّمَوَاتُ السَّبَعُ وَالْأَرْضُ وَمَنْ فِيهِنَّ وَإِنْ مَنْ شَيْءٌ إِلَّا يُسْتَبِّحُ
بِحَمْدِهِ وَلَكِنْ لَا تَقْفَهُونَ شَيْخَهُمْ إِنَّهُ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا ٤٤

Surah al-Isra: 44

Terjemahan: Langit yang tujuh dan bumi serta sekalian makhluk yang ada padanya, sentiasa mengucap tasbih bagi Allah dan tiada sesuatupun melainkan bertasbih dengan memujiNya; akan tetapi kamu tidak faham akan tasbih mereka. Sesungguhnya Ia adalah Maha Penyabar, lagi Maha Pengampun.

Justeru itu, dapat disimpulkan melalui mesej galakan untuk memperbanyakkan zikir dalam kehidupan agar dapat menenangkan jiwa daripada ujian hidup, menambahkan amalan dengan banyak mengingati Allah.

iv.Haji

Satu fasa dalam kehidupan insan yang beragama Islam adalah menunaikan fardu haji. Ibadat haji merupakan ibadat wajib yang dijadikan teras utama bagi mereka yang mempercayai kewujudan dan keesaan Allah. Haji dari segi bahasa bererti ziarah.

Manakala dari segi syarak bermaksud mengunjungi Baitullah di Mekkah untuk melakukan beberapa amal ibadah pada bulan haji dengan rukun dan syarat tertentu sebagai pelaksanaan Rukun Islam yang kelima.¹¹⁸ Oleh itu, Perlaksanaan ibadah Haji merupakan kemuncak pengabdian hamba kepada sang pencipta yang telah termaktub di dalam rukun Islam yang kelima. Ibadah ini wajib dilaksanakan oleh setiap individu muslim yang berkuasa¹¹⁹.

Jadual: 3.4.1 b iv: Mesej syariah menunaikan haji

OPICK	HAFIZ HAMIDUN
<i>Labbaik Allahumma labbaik Labbaikala syarikalaka labbaik Innal hamda wanni 'matalak Walmulkala syarikalak Wahai Allah kami datang memenuhi panggilanMu Tiadalah sekutu untukMu, segala puji dan kuasa untukMu Kami meraba tanpa cahaya, kami yang lupa hina dan papa Di hadapanMu yang Maha Indah, di hadapanMu yang Maha Mulia</i>	Tiada

Berdasarkan jadual di atas, melalui lirik lagu Haji nyanyian Opick, membawakan mesej syariah bertepatan dengan rukun Islam Kelima iaitu menunaikan haji bagi yang berkemampuan. Selain itu, dapat dilihat pada permulaan lirik dimulakan dengan lafaz talbiah. Bacaan talbiah termasuk di dalam berniat ihram haji yang akan dibaca selepas memakai pakaian ihram.“*Labbaik Allahumma labbaik, Labbaikala syarikalaka*

¹¹⁸ Ismail Kamus, *Indahnya Hidup Bersyariat*,78

¹¹⁹ Berkusa bermaksud:

Mampu menyediakan perbelanjaan menunaikan ibadah tersebut untuk diri sendiri dan ahli keluarga yang ditinggalkan.

Mempunyai kenderaan untuk perjalanan pergi balik

Aman perjalanan bagi diri dan harta dengan gejala penyakit, perperangan, bencana alam dan sebagainya.

Memiliki tubuh badan yang sihat

Mempunyai kelapangan masa

Jika perempuan, hendaklah pergi bersama mahram atau suaminya atau bersama perempuan yang dipercayainya.

labbaik,Innal hamda wanni'matalak,Walmulkala syarikalak". Manakala tiada dapatkan mesej haji dalam analisis kandungan yang dilakukan di dalam lagu Hafiz Hamidun.

Selain itu, melalui rangkap kedua Opick melantunkan bahawa kami “*Kami meraba tanpa cahaya, kami yang lupa hina dan papa,Di hadapanMu yang Maha Indah, di hadapanMu yang Maha Mulia*”. Melalui lagu ini Opick memujuk pendengar agar merendahkan diri kepada Allah SWT.

v.Puasa

Puasa merupakan rukun Islam yang kedua. Puasa bermaksud menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa bermula dari apda terbit fajar hingga terbenam matahari disertai dengan niat.¹²⁰ Puasa telah disyariatkan pada bulan syaaban tahun kedua hijrah.¹²¹ Secara umumnya, puasa yang diwajibkan ke atas setiap muslim adalah berpuasa 30 hari di bulan Ramadhan. Selain itu, terdapat puasa wajib yang lain iaitu puasa nazar¹²² dan puasa kifarat¹²³. Di samping itu, terdapat puasa sunat juga digalakkan untuk diamalkan bagi individu muslim.

Jadual: 3.4.1 b v: Mesej syariah berpuasa

OPICK	HAFIZ HAMIDUN
<i>Obat hati ada lima perkaranya Yang pertama baca Quran dan maknanya Yang kedua sholat malam dirikanlah Yang ketiga berkumpullah dengan orang sholeh Yang keempat perbanyaklah berpuasa Yang kelima dzikir malam perbanyaklah (tombo ati)</i>	Tiada

¹²⁰ Kitab Fikah Imam Syafie, jilid 2 h.421

¹²¹ Ibid , Kitab Fikah Imam Syafie, jilid 2 h.421

¹²² Puasa nazar: puasa yang diniatkan untuk dilakukan kerana terkabulnya hajat seperti menang dalam perbicaraan atau Berjaya dalam peperiksaan.

¹²³ Puasa kifarat: membayar denda kerana melanggar syarat-syarat berpuasa seperti bersetubuh dengan isteri pada waktu siang dengan isteri. Jumlahnya sebanyak 60 hari berturut-turut.

Berdasarkan jadual di atas, tiada dapatan mesej berpuasa dalam analisis kandungan yang dilakukan di dalam lagu Hafiz Hamidun. Manakala, melalui lirik lagu Tombo Ati, terdapat mesej syariah iaitu berpuasa *yang keempat perbanyakkan berpuasa*. Lirik tersebut menggalakkan supaya memperbanyakkan berpuasa sebagai penawar bagi hati.

vi.Sedekah

Sedekah berasal daripada bahasa Arab iaitu *shodaqa* yang bererti mengukuhkan sesuatu dengan sesuatu dan menyokongnya.¹²⁴ Dari sudut istilahnya, sedekah adalah mengeluarkan harta di jalan Allah sebagai bukti kejujuran dan keimanan kepada Allah.¹²⁵

Jadual: 3.4.1 b vi: Mesej syariah sedekah

OPICK	HAFIZ HAMIDUN
<i>Bila langkah sempit di dunia Rezeki dicari alangkah susah Mungkin kita sudahlah lupa Sedekah lapangkan harta</i>	Tiada

Berdasarkan jadual di atas, tiada dapatan mesej berpuasa dalam analisis kandungan yang dilakukan di dalam lagu Hafiz Hamidun. Lagu yang diteliti bertajuk Assalammualaikum nyanyian Opick. Lagu ini mempunyai mesej syariah dalam bentuk ibadat umum iaitu sedekah. Lirik ini menggalakkan kita supaya bersedekah dengan rezeki yang dimiliki. Manfaat bersedekah mampu untuk menyucikan diri dan harta. Tujuan utama bersedekah adalah untuk membersihkan jiwa dan harta yang dimiliki. “*Bila*

¹²⁴ Zaharuddin Abdul Rahman, *Sedekah luar biasa* (Kuala Lumpur: Telaga Biru, 2014) ,1

¹²⁵ Zaharuddin Abdul Rahman, *Sedekah luar biasa*, 2

*langkah sempit di dunia, Rezeki dicari alangkah susah, Mungkin kita sudahlah lupa,
Mungkin kita sudahlah lupa”*

Islam sangat menggalakkan umatnya menjadi tangan yang di atas daripada tangan yang di bawah menerusi hadis diriwayatkan oleh Hakim bin Hizam.

الْيَدُ الْعُلِيَا خَيْرٌ مِنَ الْيَدِ السُّفْلَى وَالْيَدُ الْعُلِيَا أَمْنَقَةٌ وَالسُّفْلَى سَائِلَةٌ

Terjemahan: Dari Hakim bin Hizam r.a katanya:Tangan yang di atas tangan yang memberi lebih baik dari tangan yang di bawah tangan yang menerima atau meminta¹²⁶

Hadis di atas jelas menyatakan tentang kelebihan memberi atau bersedekah. Sedekah tidak terbatas dengan hanya wang ringgit. Jelas daripada hadis dan dalil mengenai sedekah, dengan bersedekah dapat menjamin kebahagiaan di dunia dan akhirat.

vii.Qiamullail

Amalan Qiamullail atau solat malam amat dituntut dalam Islam. Qiamullail bukanlah sesuatu yang asing bagi umat Islam. Hal yang demikian, qiamullail merupakan amalan wajib ke atas para rasul terdahulu. Qiamullail merujuk kepada amalan beribadat pada malam hari iaitu pada 1/3 malam iaitu kira-kira jam 1 hingga 3 pagi. Antara solat sunat yang boleh dilakukan ialah solat tahajud, solat taubat, solat hajat, solat tasbih dan solat witir.

Jadual: 3.4.1 b vii: Mesej syariah Qiamullail

Opick	Hafiz Hamidun
Obat hati ada lima perkaranya Yang pertama baca Quran dan maknanya Yang kedua sholat malam dirikanlah Yang ketiga berkumpullah dengan orang sholeh Yang keempat perbanyaklah berpuasa Yang kelima dzikir malam perbanyaklah	Tiada

¹²⁶ Sahih Muslim, Jil.1,717, no hadith 1033

Menerusi jadual di atas, lagu Opick mempunyai mesej syariah mengerjakan qiamullail atau solat malam. Melalui lirik tombo ati “*Yang kedua sholat malam dirikanlah*” Opick memberi galakan supaya menunaikan solat malam. Lirik tersebut menekankan tentang penawar bagi hati. Terdapat lima perkara yang digariskan iaitu: membaca al-Quran dan mentadabbur maknanya, mendirikan solat malam atau qiamullail, berkumpul dengan orang soleh, berpuasa dan memperbanyakkan zikir malam. Manakala, tiada dapatan analisis kandungan mesej *qiamullail* dalam album Hafiz Hamidun.

viii.Istighfar

Istighfar bermaksud menundukkan hati, jiwa dan fikiran terhadap Allah dalam memohon keampunan atas segala dosa serta kesilapan yang dilakukan. Amalan beristighfar adalah lebih baik seiring dengan amalan taubat bagi membuka keampunan Allah SWT.

Jadual: 3.4.1 b viii: Mesej syariah istighfar

Opick	Hafiz Hamidun
<i>Laa ilaha illa antaya Ya hayyu ya qooyum Subhanallah wabinhamdihi Subhanallah hiladzim Ku buka jendela pagi di udara yang letih Deru geram nyanyian jaman Bersama berjuta wajah kuarungi mimpi hari Halalkan segala cara untuk hidup ini</i>	Tiada

Lirik Hafiz Hamidun, tiada mesej berkenaan galakan istighfar. Melalui lirik Istighfar nyanyian Opick, terdapat mesej galakan beristighfar. Setiap manusia tidak terlepas daripada melakukan dosa. Hal ini kerana, iman manusia adakalanya menurun dan menaik. Hal ini kerana, dalam jiwa manusia terdapat seketul daging yang bernama hati. Maka, hati itu bersifat sentiasa berbolak-balik. Walaubagaimanapun, Allah Maha Pengampun dan memberi peluang untuk hambanya bertaubat. Galakan untuk beristighfar

dalam lirik jelas ditekankan dalam lirik Opick iaitu “*Laa ilaha antaya, Subhanaka inni kuntu, Minallahdholimin*”.

Lirik di atas merupakan doa nabi Yunus saat di dalam perut ikan yu. Nabi yunus A.S berdoa seperti:

Firman Allah:

وَذَا الْنُّونِ إِذْ ذَهَبَ مُغْبِيًّا فَطَرَّ أَنْ لَنْ تَقْدِرَ عَلَيْهِ فَنَادَىٰ فِي الظُّلْمَتِ أَنْ
لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ٨٧
Surah al-Anbiyak :87

Terjemahan: Dan sebutkanlah peristiwa Zunnun, ketika dia pergi meninggalkan kaumnya dalam keadaan marah, yang menyebabkan dia menyangka bahawa Kami tidak akan mengenakkannya kesusahan atau cubaan, setelah berlaku kepadanya apa yang berlaku maka dia pun menyeru dalam keadaan yang gelap-gelita dengan berkata: Sesungguhnya tiada Tuhan yang dapat menolong melainkan Engkau ya Allah! Maha Suci Engkau daripada melakukan anjaya, tolangkanlah daku! Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri.

Justeru itu, hikmah beristighfar ialah dapat menghidupkan hati yang resah, mendekatkan diri kepada Allah, meningkatkan ketaqwaan diri, membanteras tipu daya syaitan dan memperolehi kemuliaan dan anugerah Allah dalam hidup di dunia dan akhirat.

x. Berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW

Selawat bermaksud mengakui kerasulan Baginda lalu berdoa agar Allah mengurniakan keutamaan dan kemuliaan ke atas Baginda SAW. Berselawat sangat berkait rapat dengan konsep iman dan Islam

Jadual: 3.4.1 b x: Mesej syariah berselawat

OPICK	HAFIZ HAMIDUN
--------------	----------------------

<u>Shollu ala Muhammad 4x</u>	<u>Selawat dan salam ke atas junjungan</u> Kau kekasih Allah Ya Rasulullah Khatimul anbiya Penghulu segala umat manusia
Pabila hati hilang cahaya iman Langkahnya hidup hilang tanpa penerang Pabila jiwa jauh dari al-Quran Langkahnya hidup bagai tanpa pedoman Pabila mulut jauh dari athmaNya Langkahnya hidup bagai hilang berkahNya	

Melalui lirik Shollu Ala Muhammad oleh Opick, dimulakan dengan memberi selawat sebanyak empat kali. “*Shollu ala Muhammad*”. Jelas menggalakkan pendengar berselawat kepada kepada Nabi Muhammad sambil berhibur. Manakala melalui lagu habeeb oleh Hafiz Hamidun, galakan supaya berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW sebagai bukti mengagungkan Nabi sebagai kekasih Allah dan khatimul anbiyak.

Kesimpulannya, mesej syariah yang terkandung di dalam album Opick lebih banyak berbanding album Hafiz Hamidun. Penyampaian mesej di dalam lirik juga jelas difahami oleh pendengar.

c) Mesej Akhlak

Menurut Abdul Karim Zaydan bahawa akhlak memberi pengaruh yang besar dalam membentuk peribadi insan. Ia bertepatan dengan pembawaan dan sifat yang ada dalam jiwa dan hati mereka.¹²⁷ Antara mesej akhlak yang boleh dikemukakan melalui lirik Opick dan Hafiz Hamidun.

Jadual 4.3.2 c: Analisis Kandungan Mesej Akhlak

Album Mesej Akhlak	THE BEST OF OPICK	I LOVE RASULULLAH
Sabar	Sabar mentaati perintah Allah	Nabi Muhammad SAW sangat penyabar dalam menghadapi ujian semasa berdakwah.

¹²⁷ Zaydan, Abdul Karim (1980), *Dasar-dasar ilmu dakwah (terj Asywady Syukur)*, Jakarta: Media Dakwah, h.82-83

Bersyukur	Bersyukur kepada Allah menjadikan umat Islam bersaudara.	Tiada
Taubat	Kembali bertaubat kepada Allah apabila melakukan kesilapan.	Nabi Muhammad sentiasa memohon keampunan kepada Allah setiap hari
Memberi salam	Memberi salam sesama muslim	Tiada
Mengingati mati	Dunia ini sifatnya sementara, harta-benda hanyalah perhiasan. Hanya amalan yang mampu menolong manusia ketika di alam barzarkh.	Rasulullah yang mulia juga wafat. Apatah lagi kita manusia biasa.

i. Sabar

Setiap manusia di muka bumi ini tidak terlepas dari mendapat ujian dan cabaran daripada Allah SWT. Ujian dan cabaran hidup bukanlah untuk melemahkan hambanya. Bahkan merupakan tanda cinta Allah kepada hambanya yang terpilih. Bahkan, sesiapa yang berjaya menangani ujian tersebut dengan sabar dan redha akan menambahkan lagi keimanan dan ketaqwaan sebagai hamba Allah dalam mendepani hidup. Justeru, kita dituntut supaya bersabar dalam mendepani segala ujian kehidupan.

Jadual 4.3.2 c i: Analisis Mesej Akhlak sabar

OPICK	HAFIZ HAMIDUN
<u>Bersabar taat pada Allah</u> <u>Menjaga keikhlasannya</u> <u>Semoga dirimu semoga langkahmu</u> <u>Diiringi rahmat-Nya</u> <u>Setiap nafasmu</u> <u>Seluruh hidupmu</u> <u>Semoga diberkahi Allah</u>	<i>Kau diutus atas nama kebenaran</i> <i>Dengan fasih lidah beri penjelasan</i> <u><u>Sabar</u> dalam apa jua keadaan</u> <i>Tak goyah dengan ranjau tekanan</i>

Sabar merupakan akhlak mahmudah yang dituntut dalam Islam. Sifat sabar ini bukan hanya dituntut oleh Islam. Malah, amat wajar dipraktikkan dalam kehidupan seharian.¹²⁸ Sifat sabar ini berjaya dikesan melalui lirik Opick yang bertajuk

¹²⁸ Yusuf al-Qardhawi , *Halal wal Haram*, 166

Alhamdulillah. Sebagai orang Islam, kita sangat dituntut bersabar dalam menjalani kehidupan. Bait-bait lirik Opick mengajak supaya bersabar dalam mentaati perintah Allah. “Bersabar taat pada Allah, Menjaga keikhlasannya, Semoga dirimu semoga langkahmu, Diiringi rahmat-Nya, Setiap nafasmu, Seluruh hidupmu, Semoga diberkahi Allah”.

Manakala melalui lirik Hafiz Hafidun yang bertajuk *Kasih Padamu* menceritakan sifat sabar yang terdapat dalam diri Rasulullah SAW. Allah SWT mengutus rasul-rasul kepada manusia daripada kalangan hamba-hambanya yang terpilih. Mereka memiliki sifat-sifat terpuji. Ini disebabkan seorang rasul juga berperanan sebagai pemimpin, pendakwah dan pendidik. Mereka menjadi contoh tauladan kepada orang lain dalam seluruh aspek kehidupan. Sifat-sifat wajib bagi setiap rasul ialah *siddiq* (benar), *amanah* (jujur), *tabligh* (menyampaikan) dan *fatonah* (bijaksana).

Menerusi sirah Nabi, Rasulullah SAW merupakan seorang pemimpin yang amat sabar dan cekal, perkara tersebut tidak dapat dinafikan oleh pihak Muslim dan Musyrikin Mekah. Pelbagai penderitaan fizikal dan emosi yang dilemparkan oleh pihak Quraisy Mekah untuk mematahkan semangat Nabi dalam menyebarluaskan dakwah. Namun, Nabi menangani dengan penuh sabar dan penuh bersemangat menyampaikan perintah Allah kepada umatnya.¹²⁹ Sehinggakan, ketika Nabi berdakwah ke Thaif. Walaupun dakwah Nabi tidak diterima di Thaif. Malahan, Nabi turut disakiti dengan di baling batu oleh anak-anak Thaif. Nabi tetap bersabar dalam mendepani *mad'u* dakwahnya. Dalam pada itu, Nabi mendoakan untuk generasi di Thaif akan menerima hidayah Allah.¹³⁰ *Kau diutus atas nama kebenaran, Dengan fasih lidah beri penjelasan ,Sabar dalam apa juga keadaan, Tak goyah dengan ranjau tekanan”.*

ii.Bersyukur

¹²⁹ Zulkifli Mohd Yusoff & Noor Naemah Abd. Rahman (2006), 87

¹³⁰ Afzalur Rahma, *Ensklopedia Sirah*, Muhammad SA, Badrul Hisham Hassan(terj), Jilid III, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,1993), 45

Syukur ialah berterima kasih atau menghargai. Bersyukur kepada Allah merupakan tanda kecintaan kepada pemberi nikmat.¹³¹ Tanda kesyukuran boleh digambarkan samada melalui perasaan, ucapan, atau perlakuan yang dilahirkan atas dasar berterima kasih terhadap nikmat dan kurniaan Allah s.w.t. Ia bergantung kepada manusia untuk memanfaatkan nikmat ke jalan yang benar atau sebaliknya.

Jadual 4.3.2 c ii: Analisis Mesej Akhlak bersyukur

OPICK	HAFIZ HAMIDUN
Alhamdulillah wa syukurillah Bersyukur kepada Allah Bersujud kepada Allah Bersyukur sepanjang waktu	Tiada

Mesej bersyukur dapat dilihat melalui lagu Alhamdulillah nyanyian Opick, tanda dan cara seorang hamba bersyukur kepada Allah dapat dilihat dengan sentiasa memuji dan bertasbih kepada Allah SWT. Kita digalakkan bersyukur ketika dalam apa jua keadaan. Apabila kita dipuji kita bersyukur, manakala ketika kita diuji “*Alhamdulillah wa syukurilah, Bersyukur kepada-Mu Allah, Bersujud kepada Allah, Bersyukur sepanjang waktu*”. Oleh itu, kita hendaklah banyak menyebut-yebut nikmat kepada Allah sebagai tanda bersyukur dan pembuktian syukur itu dengan melakukan segala perintah Allah dan menjauhi segala laranganNya.

iii.Taubat

Taubat bermaksud sesal akan perbuatan jahat dan berazam tidak melakukan dosa lagi, perbuatan tidak senang iaitu rasa kesal kerana telah melakukan dosa dan tidak akan mengulanginya lagi.¹³²

¹³¹ Nabilah Binti Mohd Razif (2012), “Unsur-unsur Islam Dalam Drama Tv Bersiri: Kajian Terhadap Drama Nur Kasih” (Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya) 156

¹³² Ismail Kamus, *Indahnya Hidup Bersyariat* H. 79

Jadual 4.3.2 c iii: Analisis Mesej Akhlak Taubat

OPICK	HAFIZ HAMIDUN
<i>Meski ku rapuh Dalam langkah kadang tak setia kepadaMu Namun setia dalam jiwa Hanyalah padamu Maafkanlah bila hati Tak sempurna mencintaimu Dalam dada ku harap hanya Dirimu yang bertakhta</i>	<i>Dikau Muhammad Dikau Nabi <u>taubat</u> nabi rahmat</i>

Mesej taubat dapat dikesan dalam lirik lagu Rapuh oleh Opick, mesej ini mengingatkan manusia supaya apabila melakukan kesilapan kembali bertaubat kepada Allah. Realiti perjalanan hidup manusia di dunia mudah terjebak dengan dosa dan noda. Begitu juga dengan keadaan iman manusia, sentiasa menaik dan menurun. “*Meski ku rapuh, Dalam langkah kadang tak setia kepadaMu, Namun setia dalam jiwa, Hanyalah padamu, Maafkanlah bila hati, Tak sempurna mencintaimu, Dalam dada ku harap hanya, Dirimu yang bertakhta*”. Namun Allah sangat mencintai setiap hambanya, dengan menghapuskan dosa dan noda itu dengan memberi peluang untuk bertaubat. Oleh itu, ambillah peluang bertaubat kepada Allah apabila melakukan kesilapan.

Manakala melalui lirik habeeb oleh Hafiz Hamidun, Nabi Muhammad SAW diutus sebagai rahmat sekalian alam dan bersifat maksum. Namun, baginda sentiasa beristighfar dan memohon keampunan kepada Allah setiap hati. “*Dikau Muhammad, Dikau Nabi taubat nabi rahmat*”

iv.Memberi Salam

Memberi salam antara rahsia yang boleh mengeratkan hubungan silaturrahim, ikatan persefahaman dan kasih mengasihi sesama masyarakat. Tentang keutamaan memberi salam ini.

Jadual 4.3.2 c iv: Analisis Mesej Akhlak memberi salam

OPICK	HAFIZ HAMIDUN
<i>Assalammualaikum ya akhi..ya ukhti 4x Salam-salam hai saudaraku Semoga Allah merahmatimu Salam-salam wahai semua Semoga hidup jadi bahagia</i>	Tiada

Mesej memberi salam tidak ditekan di dalam album Hafiz Hamidun. Hasil analisa kandungan yang dilakukan mendapati mesej tentang pengucapan salam ini terdapat di dalam lagu *Assalammualaikum* oleh Opick. Rangkap awal lagu ini, dimulakan dengan ucapan salam yang diulang sebanyak empat kali. Pengulangan sebanyak empat kali menandakan penegasan bahawa ucapan salam itu mencerminkan watak muslim yang hidup dalam suasana berkasih sayang dan membahagiakan sesama mereka. “*Assalammualaikum ya akhi..ya ukhti 4x, Salam-salam hai saudaraku, Semoga Allah merahmatimu, Salam-salam wahai semua, Semoga hidup jadi bahagia*”. Oleh itu, penggunaan metode pengulangan dalam penyampaian lagu digunakan oleh Opick untuk menarik perhatian pendengar agar membudayakan ucapan salam kehidupan.

v.Mengingati mati

Sifat mahmudah yang digariskan oleh Imam Ghazali ialah sentiasa mengingat kematian. Mati ialah perpisahan roh daripada jasad. Semua anggota tubuh berhenti daripada berfungsi. Manusia menjadi kaku, tidak bernafas, tidak boleh berfikir dan tidak boleh berbuat apa-apa lagi. Roh kembali kepada Allah, manakala jasad yang hakikatnya berasal daripada tanah. Umat Islam hendaklah sedar bahawa kematian akan datang pada bila-bila masa. Kita hendaklah sentiasa mengingati mati supaya mati dalam keadaan khusnul khatimah.¹³³

¹³³ Haron Din , *Manusia dan Islam* , 13

Jadual 4.3.2 c v: Analisis Mesej Akhlak mengingati mati

Opick	Hafiz Hamidun
<i>Bila waktu telah memanggil teman sejati Hanyalah amal</i>	<i>Telah pergi Selamanya</i>
<i>Bila waktu telah terhenti teman sejati Tinggallah sepi</i>	<i>Namun kasih Tak terpadam Ya Rasul...</i>

Melalui lirik *Bila waktu telah terhenti* oleh Opick, lagu ini mengingatkan kita mengenai kematian sehingga merangsang emosi bimbang dan takut. Sebagai muslim, kita mengetahui bahawa kita semua akan mati dan akan dibangkitkan semula di hadapan Allah. Pada saat itu, segala harta dan pangkat yang kita miliki semasa di dunia sudah tiada erti lagi. Ketika itu, hanya amalan soleh yang dilakukan di dunia menjadi nilaiannya.¹³⁴ " *Bila waktu telah memanggil teman sejati, hanyalah amal, Bila waktu telah terhenti teman sejati,tinggallah sepi*" . Justeru itu, hakikat kehidupan di dunia adalah semata-mata untuk mengumpul amal kebaikan untuk kesenangan di akhirat.

Selain itu, melalui lirik Ya Rasul oleh Hafiz Hamidun, lirik ini juga membangkitkan emosi dukacita atas kewafatan insan agung iaitu Nabi Muhammad SAW." *Telah pergi, Selamanya,Namun kasih, Tak terpadam, Ya Rasul...*" Kewafatan insan agung ini memberi peringatan kepada kita bahawa seorang nabi yang mulia dan maksum juga mati. Apatah lagi kita, selaku manusia biasa sememangnya akan menghadapi kepastian sebuah kematian.

Firman Allah:

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُؤْفَقُونَ أَجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ فَمَنْ رُحِّزَ حَرْخَ عَنِ النَّارِ وَأَدْخَلَ الْجَنَّةَ فَقَدْ فَازَ وَمَا الْحَيَاةُ الدُّنْيَا إِلَّا مَتْعٌ الْغُرُورُ ۖ ۱۸۵

Surah ali-Imran: 185

Terjemahan: Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati dan bahwasanya pada hari kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu. Ketika itu sesiapa yang dijauhkan dari Neraka dan dimasukkan

¹³⁴ Ahmad Dusuki Abd Rani, *Mauizah Hasanah: Malam Pertama di alam Barzakh*, Selangor: Galeri Ilmu, 2016), 1

ke Syurga maka sesungguhnya dia telah berjaya dan (ingatlah bahawa) kehidupan di dunia ini (meliputi segala kemewahannya dan pangkat kebesarannya) tidak lain hanyalah kesenangan bagi orang-orang yang terpedaya.

3.5 KESIMPULAN

Kesimpulannya, mesej dakwah amat penting dalam mengisi sesebuah lagu supaya pendengar dapat mengingati Allah dan menuju jalan kebaikan dalam berhibur. Hasil daptatan kajian analisis mesej dakwah, kedua-dua buah album tersebut mempunyai mesej dakwah iaitu mesej akidah, syariah dan akhlak. Album Opick didapati lebih banyak mesej syariah dan akhlak berbanding album Hafiz Hamidun.

BAB 4

ANALISIS RETORIK PEMBUJUKAN DAKWAH SECARA *MAW'IZAH AL- HASANAH DALAM LAGU NASYID*

4.1 PENDAHULUAN

Bahagian ini akan menganalisa retorik pembujukan dakwah secara *maw'izah al-hasnah* yang disertakan di dalam Album The Best Of Opick (2011) dan album I love Rasulullah Hafiz Hamidun. Maka ia akan dianalisis mengikut kategori secara halus dan secara terus terang yang kesemuanya terkandung dalam retorik pembujukan dakwah secara *maw'izah hasanah*.

4.2 ANALISIS RETORIK PEMBUJUKAN DAKWAH DALAM LAGU

Jadual 4 .2 Analisis retorik pembujukan dakwah dalam lagu

Retorik Pembujukan Dakwah Secara Al- <i>Maw'izah Hasanah</i>	Perkara
Halus	Kiasan
Terus Terang	a)Penegasan b)Keterangan

Pembujukan berdasarkan kaedah al- *Maw'izah hasanah* atau nasihat yang baik banyak dilakukan di dalam Opick dan Hafiz Hamidun dalam lagu-lagunya. Mereka menggunakan kaedah ini sama ada secara langsung (halus) dan tidak langsung (terus-terang).

4.2.1 Analisis secara Halus

Halus: Pembujukan secara halus dilakukan secara tidak langsung. Ia mengandungi kata-kata tersirat sama ada secara kiasan, analogi, perbandingan, ironis atau secara penceritaan.

Penggunaan pembujukan secara halus ini mampu menyentuh hati dan membuka hati-hati yang mendengarnya dan mampu menerima nasihat dengan lebih terbuka.

Jadual 4.2.1 a : Analisis Secara Halus

JENIS PEMBUJUKAN SECARA <i>MAW'IZAH AL-HASANAH</i>	PERKARA		OPICK	HAFIZ HAMIDUN
Halus	Kiasan	Sinkopé	Ada	Ada
		Simpulan Bahasa	Ada	Ada
		Perlambangan	Ada	Ada
		Personifikasi	Ada	Ada
		Imej alam	Ada	Tiada
		Bahasa Asing	Ada	Ada
		Hiperbola	Ada	Tiada

a) Kiasan:

Kaedah Kiasan atau perbandingan ini boleh memberi kefahaman yang jelas terhadap sesuatu mesej atau ajaran yang disampaikan. Kaedah ini juga mampu menarik pengaruh khalayak kepada sesuatu isu yang dikemukakan serta sesuai dengan jiwa manusia. Kaedah kiasan digunakan sebagai cara menjelaskan perkara yang abstrak agar manusia berfikir. Kaedah kiasan yang diaplikasikan di dalam lirik-lirik album Opick ialah sinkopé, simpulan bahasa, perlambangan, personifikasi, imej alam, bahasa asing dan hiperbola. Manakala melalui album Hafiz Hamidun menggunakan sinkopé, simpulan bahasa, perlambangan, personifikasi dan bahasa asing.

i. Sinkopé¹³⁵

Jadual 4.2.1 a i: Analisis secara halus (Kiasan: Sinkopé)

Opick	Hafiz Hamidun
<u>Kupersembahkan kepadaMu</u> yang terindah dalam hidupku Meskiku rapuh dalam langkah Kadang tak setia kepada <u>mu</u> Namun cinta dalam jiwa Hanyalah pada <u>mu</u>	Rindu padamu di kalbu di jiwa setiap waktu Hati terkenang dan mulutku sebutkan namamu Dalam solat <u>ku</u> , tidur <u>ku</u> , nafasku, mengingatimu Hati berbisik berdetik merindukanmu Tiap bicara amanah fatonah imanmu <u>Kuhayati</u> Ya Nabi ya rasul habibi ya kasih Engkau mulia engkau sempurna Getar selawat membara bergema setiap masa Seluruh alam semesta terbentang memujimu Suci sunnah <u>mu</u> , pesan <u>mu</u> , sabdamu, <u>kuperteguh</u> Bukti cintaku padamu yang ingin syafaatmu Rasulullah ya habiballah Rasulullah ya sofiyallah Rasulullah tetap di hati Bahagia mengingatimu Rasulullah yang aku cinta Rasulullah yang aku kasih Rasulullah salam terindah Hanya untukmu
Lirik: Rapuh	Lirik : Bukti Cintaku
Bagaimakah bila saatnya Waktu terhenti <u>tak</u> kau sedari Masihkah ada jalan bagimu untuk kembali Mengulang masa lalu Lirik: Bila waktu telah berakhir	Duhai Rasulullah Engkaulah iman buat kami semua Hanya syafaatmu yang kami harapkan Semoga bertemu di hari perhitungan Lirik: Penyelamat
Dihempas gelombang Dilemparkan angin Terkisah <u>ku</u> bersedih, <u>kubahagia</u> Di indah dunia yang berakhir sunyi Langkah kaki di dalam rencananya	Rasulullah dalam sirah <u>mu</u> <u>Ku</u> temu tulusnya cinta Demi umat <u>mu</u> Berkorban jiwa sehingga hujung nyawa

¹³⁵ Sinkopé bermaksud pemendekan sesuatu kata dengan menggugurkan satu huruf atau lebih huruf atau suku kata dari tengah-tengah kata itu __ Lihat juga Kamus Dewan Edisi Keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka) 1502 entri “sinkopé”)

<p>Semua berjalan Dalam kehendakNyA Nafas hidup cinta dan segalanya Dan tertakdir menjalani Segala kehendakmu Ya Rabbi <u>Kuberserah.. ku berpasrah..hanya</u> <u>padaMu Ya Rabbi</u></p> <p style="text-align: center;">Lirik: Takdir</p>	<p>Rasulullah terlalu rindu <u>Padamu</u> junjungan jiwa Di dalam Sunnah yang utama Menyambung kasih denganmu Rasulullah Pabila terkenangmu Mengalir air mataku</p> <p style="text-align: right;">Lirik: Kasih PadaMu</p>
<p>Assalammualaikum ya akhi..ya ukhti 4x Salam-salam hai saudaraku Semoga Allah merahmatimu Salam-salam wahai semua Semoga hidup jadi bahagia</p> <p style="text-align: center;">Lirik: Assalammualaikum</p>	<p>PemergianMu Ya Rasul Dinanti para malaikat Di langit menyambut kekasih Allah Dunia gusar bertambah bimbang Sedih dan pilu mula menyelubungi Pemergiamu ya rasul Sebagai tetamu syurga</p> <p style="text-align: right;">Lirik: Pemergian Rasul</p>
<p>Bersabar taat pada Allah Menjaga keikhlasannya Semoga dirimu semoga langkahmu Diiring oleh rahmatnya Setiap nafasmu seluruh hidupmu Semoga diberkahi Allah</p> <p style="text-align: center;">Lirik: Alhamdulillah</p>	<p>Telah pergi selamanya Namun kasih <u>tak</u> terpadam Ya Rasul Kau insan mulia Kau insan berjasa pada dunia Kau rasul pembela agama tercinta Telah kau lakar Sebuah dunia Penuh indah dan terserlah agungmu Berikan padaku syafaat Di hari pertemuan yang abadi Ya Rasulallah</p> <p style="text-align: right;">Lirik: Ya Rasul</p>
<p>Wahai Allah Kami datang memenuhi panggilanMu Tiadalah sekutu untukMu Segala puji dan kuasa untukMu</p> <p>Kami meraba dalam cahaya Kami yang lupa hina dan papa Dihadapanmu yang maha indah Dihadapanmu yang maha mulia</p> <p style="text-align: center;">Lirik: Haji</p>	
<p>Seiring waktu berlalu tangis tawa di nafasku</p>	

<p>Hitam putih di hidupku jalan di takdirku Tiada satu tersembunyi., tiada satu yang terlupa Segala apa yang terjadi engkaulah saksinya</p> <p>Kau yang Maha Mendengar Kau yang maha melihat Kau yang maha pemaaf pada<u>Mu</u> hati bertaubat</p> <p>kau yang maha pengasih kau yang maha penyayang kau yang maha pelindung padamu semua bergantung</p> <p>yang dicinta kan pergi yang didamba kan hilang hidup <u>kan</u> terus berjalan meski penuh dengan tangisan</p> <p>andai bias <u>ku</u> mengulang waktu hilang dan terbuang andai bisa <u>ku</u> kembali hapus semua pedih andai mungkin aku bisa kembali ulang segalanya tapi hidup takkan bisa meski dengan air mata</p> <p style="text-align: right;">Lirik: Maha Melihat</p>	
<p><u>Pabila</u> hati hilang cahaya iman Langkahnya hidup hilang tanpa penerang <u>Pabila</u> jiwa jauh dari al-Quran Langkahnya hidup bagai tanpa pedoman <u>Pabila</u> mulut jauh dari athmaNya Langkahnya hidup bagai hilang berkahNya</p> <p style="text-align: right;">Lirik: Shollu Ala Muhammad</p>	
<p><u>Ku</u> buka jendela pagi dan dosa pun menghampiri Suara jerit hati <u>ku</u> ingkari Nafsu jiwa yang membuncah Menutupi mata hati Seperti terlupa bahwa nafaskan terhenti</p> <p style="text-align: right;">Lirik: Astaghfirullah</p>	

<p>Dia yang Maha sempurna menciptakan alam raya ditanganNyalah kuasa akan segala makhlukNya sayap-sayap malaikat<u>Mu</u> berkembang atas titahmu memuji dan memuja selalu hanya untuk<u>Mu</u></p> <p> </p> <p>bumi langit bintang-bintang bersujud pada<u>Mu</u> alam raya dan semesta memuja hanya untuk<u>Mu</u></p> <p style="text-align: right;">Lirik: KeagunganMu</p>	
---	--

Menerusi jadual di atas, bagi dapatan analisis kandungan kiasan menggunakan teknik sinkopé lebih banyak digunakan oleh Opick berbanding Hafiz Hamidun di dalam album mereka. Di dalam album Opick, perkataan *kamu* dipendekkan kepada “mu” adalah merujuk kepada Allah SWT seperti yang ditunjukkan dalam lirik Rapuh, Takdir, *Assalammualaikum*, *Alhamdulillah*, Haji, Maha Melihat, *Shollu Ala Muhammad* dan KeagunganMu. Seterusnya, dalam album Opick juga perkataan “tak” dan “mu” dalam lirik *Bila Waktu Telah Berakhir*, “*waktu terhenti tak kau sedari, Masihkah ada jalan bagimu untuk kembali mengulang masa lalu*”. Perkataan tidak dipendekkan kepada “tak” untuk mengkiaskan ajal datang tanpa disedari dan Opick menimbulkan persoalan kepada pendengar untuk mempersiapkan bekalan amal yang mencukupi untuk menempuh alam akhirat. Seterusnya, perkataan “mu” merujuk kepada hamba Allah. Di samping itu, melalui lirik *Astagfirullah* nyanyian Opick “Ku buka jendela pagi dan dosa pun menghampiri, Suara jerit hati ku ingkari” pemendekan “ku” daripada perkataan aku merujuk kepada hamba yang melakukan dosa.

Manakala melalui album Hafiz Hamidun, penggunaan teknik sinkopé juga memendekkan perkataan *kamu* kepada “mu” Namun, perkataan “mu” ini merujuk

kepada Nabi Muhammad SAW seperti dalam lirik *Bukti Cintamu*, *Penyelamat*, *Kasih PadaMu*, *Pemergian Rasul* dan *Ya Rasul*. Tambahan pula, melalui album Hafiz Hamidun juga mengandungi pemendekan “ku” seperti dalam lirik “*Dalam solatku, tidurku, nafasku, mengingatimu* “*Hati berbisik berdetik merindukanmu,Tiap bicara amanah fatonah imanmu Kuhayati*”. Pemendekan “ku” merujuk kepada umat Islam yang menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai idola dalam kehidupannya. Selain itu juga, terdapat juga pemendekan tidak kepada “tak” dalam lirik *Pemergian Rasul*. “*Telah pergi selamanya, Namun kasih tak terpadam*”. Perkataan “tak” dipendekkan bagi mengkiaskan bahawa walau Nabi Muhammad SAW telah tiada namun cinta umat kepada baginda tidak terpadam.

ii. Simpulan Bahasa

Jadual 4.2.1 a ii: Analisis secara halus (Kiasan: Simpulan Bahasa)

Opick	Hafiz Hamidun
<p>Ku buka jendela pagi dan dosa pun menghampiri Suara jerit hati ku ingkari Nafsu jiwa yang membuncah Menutupi mata hati Seperti terlupa bahwa nafaskan terhenti</p> <p>Lirik : Astaghfirullah</p>	<p>Walau diri bisa menakluki takhta tetap rendah hati penuh sederhana Segalanya demi lillahi taala' Azimat yang berharga</p> <p>Lirik : Kasih Padamu</p>

Menerusi album Opick, terdapat penggunaan kiasan teknik simpulan bahasa iaitu “**mata hati**”. Perkataan “**mata hati**” dianalogikan sebagai perasaan hati yang telah tertutup dengan pelbagai dosa yang dilakukan dalam kehidupan. Opick mengingatkan bahawa apabila dosa dan noda telah mewarnai hati, mata hati tidak mampu membezakan dosa dan pahala serta dilalaikan dengan kehidupan sehingga melupakan kematian.

Manakala, melalui album Hafiz Hamidun terdapat penggunaan kiasan teknik simpulan bahasa iaitu perkataan “**rendah hati**”. Hafiz Hamidun menganalogikan

perkataan “rendah hati” bahawa sifat Nabi Muhammad SAW penuh dengan tawaduk, zuhud dan sangat taat kepada Allah SWT. Walaupun Nabi Muhammad SAW maksum dan dijanjikan syurga tetapi baginda tetap menjalankan perintah Allah SWT.

iii. Perlambangan¹³⁶

Jadual 4.2.1 a iii: Analisis secara halus (Kiasan: Perlambangan)

Opick	Hafiz Hamidun
<p>Pabila <u>dunia</u> bagi telah merantai sang jiwa Siap-siap akhirat meninggalkannya</p> <p>Dibayang-bayang <u>fatamorgana</u> Berharap hidup khusnul khatimah Dibayang-bayang <u>fatamorgana</u> Diri memohon selamatkan hamba</p> <p>Lirik : Shollu Ala' Muhammad</p>	<p style="text-align: center;">Ya Sirajul Munir</p> <p>Ya Nadzir Ya Basyir Habibullah Rasulullah Ya Nabiyullah</p> <p style="text-align: right;">Lirik: Habeeb</p>

Menerusi lirik *shollu ala' Muhammad*, Opick menggunakan fatamorgana sebagai teknik perlambangan. “*Pabila dunia bagi telah merantai sang jiwa, Siap-siap akhirat meninggalkannya, Dibayang-bayang fatamorgana, Berharap hidup khusnul khatimah, Dibayang-bayang fatamorgana, Diri memohon selamatkan hamba.*” Fatamorgana bermaksud sesuatu yang bersifat khayalan.¹³⁷ Opick melambangkan dunia sebagai fatamorgana kerana dunia itu hanyalah perhiasan dan sementara. Selain itu, Opick mengajak pendengar agar mengharapkan mati dalam keadaan *khusnul khatimah*, dengan bersungguh-sungguh melakukan amalan kebaikan dan memohon kepada Allah agar diselamatkan daripada hanyut arus duniawi.

Manakala, melalui album Hafiz Hamidun menggunakan perlambangan dalam Bahasa Arab iaitu “Ya Sirajul Munir, Ya Nadzir, Ya Basyir, Habibullah, Rasulullah, Ya

¹³⁶ Perlambangan bermaksud perihal, perbuatan dan sebagainya menggunakan sesuatu sebagai lambang __Lihat juga Kamus Dewan Edisi Keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka) 876 entri “perlambangan”

¹³⁷Kamus dewan Edisi Keempat (Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka)408entri “fatamorgana”

Nabiyullah" bermaksud perutusan baginda diibaratkan lampu yang menerangi manusia yang selama ini kegelapan. Lampu sebagai simbol cahaya iaitu al-Quran dalam kehidupan manusia.

iv. Personifikasi¹³⁸

Jadual 4.2.1 a iv: Analisis secara halus (Kiasan: Personifikasi)

Opick	Hafiz Hamidun
<p>Bila <u>Waktu Telah Memanggil</u> Teman Sejati Hanyalah Amal Bila Waktu Telah Terhenti Teman Sejati Tinggallah Sepi</p> <p>Lirik : Bila Waktu Telah Memanggil</p>	Getar selawat membara bergema setiap masa Seluruh <u>alam semesta terbentang memujimu</u> Suci sunnahmu, pesanmu, sabdamu, kuperteguh Bukti cintaku padamu yang ingin syafaatmu Lirik: Bukti Cintaku
<p>Ku buka jendela pagi di <u>udara yang letih</u> <u>Deru geram nyanyian jaman</u></p> <p>Lirik: Astaghfirullah</p>	Para sahabat Berlinangan air mata <u>Dunia hiba</u> atas baginda Wafatnya insan paling mulia Lirik: Pemergian Rasul

Personifikasi juga digunakan oleh Opick untuk mengingatkan tentang ajal dan kematian "bila **waktu telah memanggil**". Apabila matinya anak adam, yang tinggal hanyalah tiga perkara iaitu anak yang soleh, ilmu yang bermanfaat dan amal jariah yang dilakukan ketika hidupnya. Selain itu, dapat dilihat melalui lirik Istighfar "ku buka jendela pagi **di udara yang letih, deru geram nyanyian jaman**" Lirik ini mengungkapkan betapa banyaknya dosa-dosa yang dilakukan setiap hari bermula daripada bangun tidur untuk memulakan hari. Di samping, membujuk pendengar supaya beristighfar walaupun khilaf melakukan dosa-dosa.

¹³⁸ Personifikasi bermaksud pemberian, penyerapan sifat-sifat manusia kepada benda tidak bernyawa atau sesuatu yang abstrak dan lain-lain untuk mendapatkan kesan sastera atau seni __Lihat juga Kamus Dewan Edisi Keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)1194entri "personifikasi")

Manakala, personifikasi juga digunakan oleh Hafiz Hamidun ketika menyatakan agar sentiasa berselawat untuk memohon syafaat kepada Nabi Muhammad SAW di akhirat kelak. Selain menjadikan Nabi Muhammad sebagai *qudwah hasanah* dalam kehidupan. Melalui lirik Bukti Cintaku, “*Getar selawat membara bergema setiap masa, Seluruh alam semesta terbentang memujimu, Suci sunnahmu, pesanmu, sabdamu, kuperteguh, Bukti cintaku padamu yang ingin syafaatmu*” Allah dan malaikat berselawat kepada Nabi Muhammad SAW. Bukan sahaja manusia dituntut untuk berselawat kepada Nabi Muhammad SAW. Malah Allah dan seluruh alam senantiasa berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW sebagai tanda megagungkan baginda.

v. Imej Alam

Jadual 4.2.1 a v: Analisis secara halus (Kiasan: Imej Alam)

Opick	Hafiz Hamidun
<u>Alam raya</u> bertasbih memuji keagungan <u>Rumput-rumput ilalang daun pohon</u> dan <u>ikan</u> Bersujudlah segala dihadapan sang Raja Berharap memohon karuniaNya Lirik: Semesta Bertasbih	Tiada
<u>bumi langit bintang-bintang</u> bersujud padaMu <u>alam raya</u> dan <u>semesta</u> memuja hanya padaMu rindunya jiwa-jiwa akan cinta kasih sayangMu berharap akan karunia rahmat pertolonganMu Lirik: KeagunganMu	

Opick menggunakan kiasan berbentuk imej alam yang bertemakan tumbuhan dan haiwan untuk memberi galakan supaya berzikir kepada Allah. Umumnya, sudah menjadi sunnatullah semua makhluk di muka bumi dan seluruh alam semesta berzikir dan bertasbih kepada Allah. Melalui lirik tersebut “Rumput-rumput ilalang daun pohon dan

ikan” memujuk untuk pendengar supaya memperbanyakkan zikir kepada Allah dengan meletakkan simbol-simbol tumbuhan dan haiwan yang sentiasa berzikir kepada Allah.

Selain itu juga, penggunaan imej alam juga digunakan oleh Opick melalui lagu keagunganMu “bumi langit bintang-bintang bersujud padaMu, alam raya dan semesta memuja hanya padaMu”. Manakala tiada dapat analisis kandungan ekiasan imej alam melalui album Hafiz Hamidun.

vi. Bahasa Asing

Jadual 4.2.1 a vi: Analisis secara halus (Kiasan: Bahasa Asing)

Opick	Hafiz Hamidun
<u>Laa ilaha illa antaya</u> <u>Ya hayyu ya qooyum</u> <u>Subhanallah wabinhamdihi</u> <u>Subhanallah hiladzim</u> Ku buka jendela pagi di udara yang letih Deru geram nyanyian jaman Bersama berjuta wajah kuarungi mimpi hari Halalkan segala cara untuk hidup ini Nafsu jiwa yang membuncah Menutupi mata hati Seperti terlupa bahwa nafas kan terhenti Lirik : Istighfar	<u>Ya Sirajul Munir</u> Ya Nadzir Ya Basyir Habibullah Rasulullah Ya Nabiyullah Lirik : Habeeb
<u>Allah Rahman Allah Rahim</u> <u>Allahu ya Ghofar ya Nurul Qalbi</u> <u>Allah Rahman Allah Rahim</u> <u>Allahu ya Ghofar ya Nurul Qalbi</u> Di setiap nafas di segala waktu Semua bersujud memuja memuja <u>asthmaMu</u> kau yang selalu terjaga Yang memberi segala Lirik : Cahaya Hati	<u>Rasulullah ya habiballah</u> <u>Rasulullah ya sofiyallah</u> Rasulullah tetap di hati Bahagia mengingatimu Rasulullah yang aku cinta Rasulullah yang aku kasih Rasulullah salam terindah Hanya untukmu Lirik: Bukti CintaMu
<u>Alhamdulillah wa syukurillah</u> Bersyukur kepada Allah Kau jadikan kami saudara Indah dalam kebersamaan	

Lirik: Alhamdulillah	
<u>Labbaik Allahumma labbaik</u> <u>Labbaikala syarikalala labbaik</u> <u>Innal hamda wanni'matalak</u> <u>Walmulkala syarikalak</u> Wahai Allah Kami datang memenuhi panggilanMu Tiadalah sekutu untukMu Segala puji dan kuasa untukMu	
Lirik: Hajji	

Tombo ati iku limo perkarane
Kaping pisan moco quran lah maknane
Kaping pindo sholat wengi lakonono
Kaping telu wong kang sholeh
kumpulono
Kaping papat kudu weteng ingkang
luwe
Kaping limo dzikir wengi ingkang
suwe

Salah sawijine sopo biso ngelakoni
Mugi-mugi gusti Allah nyembadani
 Lirik: Tombo Ati

Kiasan menggunakan teknik bahasa asing iaitu bahasa arab sebagai kiasan untuk menyerikan lagi lirik. “ Laa ilaha'illa antaya, Ya hayyu ya goyyum, Subhanallah wabinhamdihi, Subhanallah hiladzim ”. Lirik ini memujuk supaya memperbanyakkan istighfar untuk menghilangkan dosa-dosa yang telah dilakukan. Selain itu, ‘semua bersujud memuji memuja asthmaMu’ perkataan asthma adalah nama-nama Allah iaitu 99 nama Allah yang wajib kita ketahui selaku muslim.

Opick juga menggunakan bahasa asing dalam lirik Tombo Ati. Bahasa yang digunakan oleh Opick oleh Bahasa Jawa. Lagu ini juga merupakan tembang jawa yang dicipta oleh Sunan Bonang dan dipopularkan semula oleh Opick dengan gubahan muzik yang segar. “ Tombo ati iku limo perkarane, Kaping pisan moco quran lah maknane, Kaping pindo sholat wengi lakonono, Kaping telu wong kang sholeh kumpulono,

Kaping papat kudu weteng ingkang luwe, Kaping limo dzikir wengi ingkang suwe,
Salah sawijine sopo biso ngelakoni, Mugi-mugi gusti Allah nyembadani” Lirik ini memberi panduan kepada pendengar sebagai penawar bagi hati. Hati sifatnya sentiasa berbolak balik dengan dinilai dengan naik dan turunnya iman manusia. Justeru itu, lirik ini sebagai solusi bagi penawar bagi hati terdapat lima perkara iaitu membaca al-Quran dan mentadabur maknanya, melakukan solat malam, berkumpul dengan orang soleh, sentiasa berpuasa dan berzikir. Selain itu, terdapat juga dalam lirik haji “Labbaik Allahumma labbaik, Labbaikala syarikalala labbaik, Innal hamda wanni'matalak, Walmulkala syarikalak” merupakan lafaz talbiah bagi mereka yang menunaikan Haji sebagai tanda mengagungkan Allah dan merendahkan diri kepada Allah. Juga dapat dilihat melalui lirik Alhamdulillah “Alhamdulillah wa syukurillah, Bersyukur kepada Allah”. Opick mengajak pendengar supaya sentiasa bersyukur terhadap nikmat yang Allah berikan kepada hambanya.

Manakala melalui album Hafiz Hamidun, terdapat dua lirik lagu yang menggunakan bahasa asing dalam albumnya iaitu lirik Habeeb dan Bukti CintaMu. “Ya Sirajul Munir, Ya Nadzir, Ya Basyir, Habibullah, Rasulullah, Ya Nabiyullah”. Melalui lirik Habeeb ini kiasan memgunakan bahasa Arab Ya Sirajul Munir iaitu Rasulullah sebagai lampu yang menerangi iaitu menghapus amalan jahiliyyah yang berlaku pada zaman Mekah. Nadzir bermaksud Rasullullah memberi peringatan kepada umatnya. Basyir iaitu Rasulullah SAW pembawa berita gembira kepada umatnya. Rasulullah adalah kekasih dan Nabi Allah. Selain itu, dalam lirik “Rasulullah ya habiballah, Rasulullah ya sofiyallah, Rasulullah tetap di hati, Bahagia mengingatimu, Rasulullah yang aku cinta, Rasulullah yang aku kasih, Rasulullah salam terindah”. Melalui lirik ini, bukti kecintaan umat terhadap Rasulullah SAW yang sentiasa mengingati Rasulullah dengan sentiasa berselawat ke atas baginda.

vii. Hiperbola¹³⁹

Jadual 4.2.1 a vii: Analisis secara halus (Kiasan: Hiperbola)

Opick	Hafiz Hamidun
<u>Seribu mimpi berjuta sepi</u> Hadir bagai teman sejati Diantara lelahnya jiwa dalam resah dan air mata Kupersembahkan kepadaMu yang terindah dalam hidupku Lirik: Rapuh	Tiada
<u>Ku buka jendela pagi di udara yang letih</u> <u>Deru geram nyanyian jaman</u> <u>Bersama berjuta wajah kuarungi mimpi</u> <u>hari</u> <u>Halalkan segala cara untuk hidup ini</u> Lirik : Istighfar	

Opick menggunakan unsur analogi bahawa hati manusia bersifat rapuh iaitu sentiasa berbolak-balik. Di samping menggunakan pujukan bagi mempengaruhi sasaran untuk bertaubat akan segala dosa-dosa yang dilakukan kepada Allah SWT. Teknik hiperbola “seribu mimpi berjuta sepi mengkiaskan bahawa banyaknya dosa-dosa yang telah dilakukan. Manakala album Hafiz Hamidun tiada penggunaan kiasan teknik hiperbola.

Selain itu, menurut Nor Raudah Siren, penggunaan kaedah secara halus boleh dilakukan secara kiasan dapat membujuk khalayak sesuai dengan jiwa manusia:

Penggunaan uslub retorik pembujukan dakwah secara halus boleh diaplikasikan menggunakan kiasan yang terdapat dalam lirik lagu kedua-dua buah album. Melalui kaedah kiasan, memberi kefahaman yang jelas terhadap sesuatu mesej atau ajaran yang disampaikan. Kaedah ini juga mampu menarik pengaruh khalayak kepada sesuatu isu yang dikemukakan serta sesuai dengan jiwa manusia. Kaedah kiasan digunakan sebagai cara menjelaskan perkara yang abstrak agar manusia berfikir. Bahasa kiasan tergolong dalam bahasa figuratif dalam Bahasa Melayu. Ia

¹³⁹ Hiperbola bermaksud ungkapan atau pernyataan kiasan yang berlebih-lebihan atau dibesar-besarkan untuk memperoleh kesan tertentu dan tidak bertujuan ditafsirkan secara harfiah. —Lihat juga Kamus Dewan Edisi Keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka) 1539 entri “hiperbola”)

menunjukkan bahawa makna sesuatu kata atau ekspresi kata itu dikembangkan untuk mengisi ruang yang lebih luas atau ruang yang berbeza daripada yang biasa tetapi mampu menjadikan sesuatu yang diperkatakan menjadi nyata.¹⁴⁰

Kesimpulannya, melalui analisis kandungan pembujukan secara halus hanya menggunakan kiasan. Album Opick lebih banyak menggunakan teknik kiasan unsur imej alam bagi membuktikan kecintaan kepada Allah SWT. Manakala album Hafiz Hamidun banyak menggunakan kiasan menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai idola umat.

4.2.2 Analisis Secara Terus terang

Terus terang : Berterus terang merupakan langkah yang paling baik dalam usaha menegur kesalahan seseorang atau meminta seseorang melakukan sesuatu. Berterus terang mampu difahami oleh semua khalayak berbanding secara halus. Walaupun lirik lagu kedua-dua album sifatnya puitis dan halus, dalam sesuatu perkara yang lain Opick dan Hafiz Hamidun tetap melakukan sikap berterus-terang dalam penyampaian dakwah mereka melalui lagu. Opick dan Hafiz Hamidun membujuk khalayak bagi menjalankan perintah Allah SWT dengan menggunakan elemen keterangan dan penegasan.

Jadual 4.2.2 a : Analisis secara Terus Terang

JENIS PEMBUJUKAN SECARA MAW'IZAH HASANAH	PERKARA		OPICK	HAFIZ HAMIDUN
Terus-Terang	a)Keterangan		Ada	Ada
	b)Penegasan	Soalan retorik	Ada	Tiada
		Kata tunjuk	Ada	Ada
		Kata Tugas	Ada	Ada

¹⁴⁰ Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah* (Kuala Lumpur : Penerbit UM, 2015),67

		Pengulangan	Anafora	Ada	Ada
			Repitisi	Ada	Ada
			Epifora	Ada	Ada
			Asonansi	Ada	Ada

a) Keterangan

Keterangan ialah huraian untuk menerangkan sesuatu, penjelasan, hal yang menjadikan sesuatu perkara itu terang, jelas, alasan, bukti, tanda atau kelompok kata yang menerangkan kata yang lain.

Jadual 4.2.2 a.i: Analisis Terus Terang (Keterangan)

Opick	Hafiz Hamidun
<u>Obat hati ada lima perkaranya</u> <u>Yang pertama baca Quran dan maknanya</u> <u>Yang kedua sholat malam dirikanlah</u> <u>Yang ketiga berkumpullah dengan orang soleh</u> <u>Yang keempat perbanyakkanlah berpuasa</u> <u>Yang kelima dzikir malam perbanyaklah</u> Salah satunya siapa bisa menjalani Moga-moga gusti Allah mencukupi Lirik: Tombo Ati	Rasulullah Engkau tinggalkan semangat juang tertinggi Membina satu akidah Membangun iman bertahun di lapangan mujahadah Ya rasulullah <u>Sahih hadith dan al-Quran</u> <u>Menjadi sumber pedoman</u> <u>Hanya itu yang engkau wariskan</u> <u>Akan selamat di dunia dan akhirat</u> Lirik: Bukti Cintamu
	Rasulullah dalam sirahmu Ku temu tulusnya cinta Demi umatmu Berkorban jiwa sehingga hujung nyawa Kau diutus atas nama kebenaran Dengan fasih lidah beri penjelasan <u>Sabar dalam apa jua keadaan</u> <u>Tak goyah dengan ranjau tekanan</u> <u>Walau diri bisa menakluki takhta tetap rendah hati penuh sederhana</u> Segalanya demi lillahi taala' Lirik: Bukti CintaMu

	<p>Baginda menyampaikan sepenuh amanah Biar penat lelah segala hinaan Bukan hentian segala pujiyan Bukan juga bermakna alpa</p> <p>Lirik: Penyelamat</p>
--	---

Kaedah pembujukan jenis keterangan ini digunakan oleh Opick bagi menjelaskan penawar bagi penyakit hati dalam lirik tombo ati “Obat hati ada lima perkara, Yang pertama baca Quran dan maknanya, Yang kedua sholat malam dirikanlah, Yang ketiga berkumpullah dengan orang soleh, Yang keempat perbanyakkanlah berpuasa, Yang kelima dzikir malam perbanyaklah”. Penjelasan ini memaparkan lima perkara yang dapat mengubati hati, membaca al-Quran dan mempelajari maknanya, mengosongkan perut iaitu banyak berpuasaa, solat malam, berzikir dengan khusuk di seprtiga terakhir malam dan bersahabat dengan orang-orang soleh. Melalui Lirik ini juga, Opick memujuk supaya melakukan salah satu amalan sunat tersebut, Allah akan mencukupi setiap keperluannya di dunia.

Manakala penggunaan kaedah keterangan juga digunakan oleh Hafiz Hamidun dalam lirik Bukti CintMu “Sahih hadith dan al-Quran, Menjadi sumber pedoman, Hanya itu yang engkau wariskan selamat di dunia dan akhirat”. Menerusi lirik tersebut, Hafiz Hamidun banyak menonjolkan keterangan tentang perjuangan dakwah Nabi Muhammad SAW. Di samping, memberi keterangan bahawa hanya al-Quran dan Hadith menjadi sumber pedoman untuk mendapat keselamatan di dunia juga di akhirat

Di samping itu, hasil dapatan analisis kandungan keterangan Hafiz Hamidun banyak menonjolkan elemen *qudwah hasanah* atau contoh teladan yang baik. Menerusi lirik Bukti Cintamu dan penyelamat, “Sabar dalam apa jua keadaan, tak goyah dengan ranjau tekanan, Walau diri bisa menakluki takhta” “Baginda menyampaikan sepenuh amanah, tetap rendah hati penuh sederhana”. Hafiz Hamidun menerangkan

bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan nabi terakhir. Baginda seorang yang sangat berakhlak mulia. Bahkan al-Quran menekankan agar baginda diikuti dan menjadi *qudwah hasanah*. Oleh itu, lirik Hafiz Hamidun banyak memujuk sasaran pendengar agar menjadikan Rasulullah sebagai contoh teladan yang baik.

Menurut Ab. Aziz Md Zin, pembujukan melalui kaedah keterangan akan memantapkan lagi isi nasihat yang disampaikan kepada khalayak:

Keterangan dalam dakwah akan memantapkan lagi nasihat dan teguran yang disampaikan oleh pendakwah. Al-Quran sendiri banyak mengemukakan keterangan-keterangan yang jelas mengenai kekuasaan Allah SWT agar manusia dapat berfikir tentang keterangan yang diberikan. Di samping itu, kaedah pendedahan juga digunakan untuk menerangkan sesuatu. Pendedahan ini memperihalkan, memaparkan, menampakkan dan memperlihatkan agar seseorang akan mengetahui atau memahami sesuatu yang dulunya asing baginya.¹⁴¹

b) Penegasan

Penegasan atau dari perkataan tegas bermaksud jelas serta terang nyata, tidak ragu-ragu atau samar-samar, tentu, tepat, kata atau ujaran yang tepat. Penegasan ialah penjelasan yang tidak perlu diragui, penentuan, penerangan yang nyata.¹⁴²

i. Soalan retorik

Jadual 4.2.2 b.i: Analisis Terus Terang (Soalan retorik)

Opick	Hafiz Hamidun
<u>Bagaimana</u> kau merasa bangga Akan dunia yang sementara <u>Bagaimakah</u> bila semua hilang dan pergi Meninggalkan dirimu	Tiada
<u>Bagaimakah</u> bila saatnya Waktu terhenti tak kau sedari Masihkah ada jalan bagimu untuk kembali Mengulang masa lalu	

¹⁴¹ Ab Aziz Md Zin, *Psikologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya 1999 ,129

¹⁴² Kamus Dewan Edisi Keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,2007) 1767 entri “tegas”

Opick menggunakan bentuk penegasan dalam menyampaikan maksud dengan soalan retorik. Penegasan yang dilakukan oleh Opick di dalam lagu menggunakan soalan retorik yang pastinya akan difikirkan oleh khalayak atau jawapan tersebut sudah ada dalam soalan tersebut. Opick menggunakan soalan retorik dalam lirik Bila waktu berakhir “*bagaimana kau merasa bangga, akan dunia yang sementara, bagaimanakah bila semua hilang dan pergi, meninggalkan dirimu*”. Melalui lirik ini Opick menegaskan tentang dunia hanya bersifat sementara dan bekalan amal yang mampu membantu manusia di akhirat kelak. Manakala, melalui analisis kandungan kaedah solan retorik, Hafiz Hamidun tiada menggunakan kaedah ini dalam lirik lagunya.

ii. Kata Tunjuk

Jadual 4.2.2 b ii: Analisis Terus Terang (Kata Tunjuk)

Opick	Hafiz Hamidun
Ku buka jendela pagi di udara yang letih Deru geram nyanyian jaman Bersama berjuta wajah kuarungi mimpi hari Halalkan segala cara untuk hidup <u>ini</u> Lirik: Astaghfirullah	Tabahnya Nabi Muhammad Menyeru semua ummat Menjadi setia taat Di dunia dan akhirat Allah <u>itu</u> matlamatnya Islam <u>itulah</u> jalannya Nabi Muhammad Bagindalah penyelamat Penyelamat Lirik: Penyelamat
Tiada	Sahih hadith dan al-Quran Menjadi sumber pedoman Hanya <u>itu</u> yang engkau wariskan Akan selamat di dunia dan akhirat

Melalui penegasan teknik kata tunjuk, album Opick menggunakan teknik kata tunjuk “ini”. “*Halalkan segala cara untuk hidup ini*” tersebut di dalam liriknya.

Manakala, Hafiz Hamidun menggunakan kata tunjuk sebagai menegaskan mesej kebenaran yang dibawa oleh Rasulullah. “*Allah itu matlamatnya, Islam itulah jalannya*”. Segala yang dilakukan oleh Rasulullah hanyalah semata-mata kerana Allah dan

menyampaikan Islam sebagai menjalankan amanah yang telah dipertanggungjawabkan kepada baginda. Selain itu juga, melalui lirik Kasih padamu menegaskan bahawa al-Quran dan hadith menjadi sumber pedoman yang Rasulullah SAW tinggalkan kepada seluruh umatnya. “ *Sahih hadith dan al-Quran, Menjadi sumber pedoman, Hanya itu yang engkau wariskan, Akan selamat di dunia dan akhirat*”

iii. Kata tugas

Jadual 4.2.2 b iii: Analisis Terus Terang (Kata Tugas)

Opick	Hafiz Hamidun
<p>Dalam hidup tiada sempurna Kadang khilaf kadang terlupa Jangan-janganlah putus asa Ampunan Allah selalu terbuka</p> <p style="text-align: center;">Lirik: Shollu Ala Muhammad</p> <p>Ampunilah ampunilah segala dosa kesalahan Terangilah terangilah bimbing ke jalan yang benar Engkau Allah yang pemurah Engkau Allah yang dermawan Engkau Allah ditanganMu Segala rahmat pertolongan Padamulah digantungkan segala harap keselamatan Lindungilah kami semua wahai sang penguasa alam</p> <p style="text-align: center;">Lirik: Maha Penyayang</p>	<p>Tabahnya Nabi Muhammad Menyeru semua ummat Menjadi setia taat Di dunia dan akhirat Allah itu matlamatnya Islam itulah jalannya Nabi Muhammad Bagindalah penyelamat Penyelamat</p> <p style="text-align: center;">Lirik: Penyelamat</p> <p>Andai Rasulullah masih ada Semerbaklah haruman baginda Setiap jiwa ingin bersamanya Nur Muhammad terus bercahaya Lirik: Law Kana Bainana</p>
<p>Obat hati ada lima perkaranya Yang pertama baca Quran dan maknanya Yang kedua sholat malam dirikanlah Yang ketiga berkumpullah dengan orang soleh Yang keempat perbanyakkanlah berpuasa Yang kelima dzikir malam perbanyaklah Salah satunya siapa bisa menjalani</p>	

Opick menggunakan kata tegas partikel “lah” untuk menegaskan bahawa jangan berputus asa daripada rahmat Allah dan memujuk bahawa keampunan Allah sentiasa terbuka dan luas bagi orang yang berdosa iaitu dengan jalan taubat. “*Jangan-janganlah putus asa, Ampunan Allah selalu terbuka*”

Hafiz Hamidun juga menggunakan partikel “lah” dalam menegaskan kemuliaan Rasulullah SAW sebagai rasul membawa rahmat sekalian alam. Walaupun baginda telah wafat, namun mukjizatnya masih menyinari di hati-hati setiap manusia yang patuh dengan ajarannya. Inikan pula, jika Rasullah masih ada, sudah pasti setiap manusia ingin berada di sampingnya. “*Andai Rasulullah masih ada, Semerbaklah haruman baginda*”

iv. Pengulangan

Hasil dapatan analisis kandungan kedua-dua album ini, banyak penggunaan penegasan melalui teknik pengulangan. Penggunaan teknik pengulangan juga mampu untuk mempertegaskan maksud. Teknik pengulangan yang digunakan oleh Opick dan Hafiz Hamidun, berlaku pada pengulangan kata di awal baris (anafora), di akhir baris (epifora) dan pengulangan dalam baris yang sama (repitisi) dan asonansi.

a) Anafora¹⁴³

Jadual 4.2.2 b iv a: Analisis Terus Terang (Pengulangan Anafora)

Opick	Hafiz Hamidun
<u>bila mungkin</u> ada luka kau coba tersenyumlah <u>bila mungkin</u> tawa kau coba bersabarlah Lirik: Takdir	Ya Rasul <u>Kau</u> insan mulia <u>Kau</u> insan berjasa pada dunia Kau rasul pembela agama tercinta Lirik: Penyelamat
<u>Pabila</u> hati hilang cahaya iman	Ya Rasulullah

¹⁴³ Anafora bermaksud pengulangan sesuatu kata atau frasa pada permulaan beberapa kalimat atau klausa yang berturut-turut agar memperoleh kesan tertentu. —Lihat juga Kamus Dewan Edisi Keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka) 49 entri “anafora”)

<p>Langkahnya hidup hilang tanpa penerang <u>Pabila</u> jiwa jauh dari al-Quran Langkahnya hidup bagai tanpa pedoman</p> <p>Lirik: Shollu Ala Muhammad</p>	<p>Khatimul anbiya Penghulu segala umat manusia Hingga selamanya <u>Dikau</u> Muhammad <u>Dikau</u> Nabi taubat nabi rahmat</p> <p>Lirik: Habeeb</p>
--	--

Teknik pengulangan yang digunakan Opick melalui lirik takdir untuk memperlihatkan keadaan manusia apabila menghadapi ujian Allah. Penegasan jenis ini menggunakan kaedah pengulangan anafora iaitu pengulangan di awal baris. “Bila mungkin ada luka, kau coba tersenyumlah,bila mungkin tawa, kau coba bersabarlah”. Pengulangan “bila mungkin” di awal baris mempertegaskan maksud bahawa apabila diberi ujian tetaplah tersenyum bukan merintih dengan ujian tersebut dan apabila diberi kebahagiaan maka sentiasa bersabar dengan melakukan setiap perintah Allah sebagai tanda kesyukuran. Selain itu juga, terdapat pada pengulangan “pabila hati hilang cahaya iman, Langkahnya hidup hilang tanpa penerang” menegaskan bahawa apabila hati telah tiada iman hidup. Seterusnya, melalui baris “pabila” menegaskan apabila jiwa manusia jauh daripada al-Quran hidup akan terumbang ambing tanpa panduan dan pedoman.

Walaupun liriknya bersifat halus dalam bait-bait lirik. Opick tetap berterus terang dalam penyampaian dakwah melalui lagu. Lirik *Shollu Ala Muhammad* nyanyian Opick tersebut mengandungi dua penegasan iaitu meningkatkan keimanan agar hidup tidak terumbang ambing dan jangan mengabaikan al-Quran sebagai panduan hidup. Misalnya, melalui lirik “Pabila hati hilang cahaya iman, Langkahnya hidup hilang tanpa penerang, Pabila jiwa jauh dari al-Quran Langkahnya hidup bagai tanpa pedoman”. Hal ini, jelas menunjukkan al-Quran merupakan petunjuk kehidupan. Justeru itu, apabila seseorang mula mengabaikan al-Quran pasti kehidupannya akan terpesong daripada matlamat sebenar penciptaannya. Pengulangan “pabila” dan “langkahnya hidup” dilihat untuk menegaskan bahawa kepentingan iman dan al-Quran dalam kehidupan manusia.

Hafiz Hamidun juga dilihat mengaplikasikan pengulangan teknik anafora. “Dikau Muhammad, Dikau Nabi taubat nabi rahmat” Pengulangan “dikau” menegaskan bahawa Nabi Muhammad SAW adalah nabi terakhir dan penghulu umat manusia. Selain itu juga, Hafiz Hamidun menggunakan pengulangan anafora “kau insan mulia, kau insan berjasa pada dunia” Perkataan “kau insan” diulang dua kali bagi menegaskan bahwa Nabi Muhammad SAW merupakan rasul yang sangat mulia dalam memertahankan umatnya dan sangat tabah dalam menyampaikan dakwahnya.

b) Répetisi¹⁴⁴

Jadual 4.2.2 b iv b: Analisis Terus Terang (Répetisi)

Opick	Hafiz Hamidun
<u>Ampunilah</u> Ampunilah segala dosa kesalahan <u>Terangilah</u> Terangilah bimbing ke jalan yang benar Lirik: Maha Melihat	<u>Ya Nabi ya</u> rasul habibi <u>ya</u> kasih <u>Engkau</u> mulia <u>engkau</u> sempurna Lirik : Bukti cintaMu
Dalam hidup semua bekerja Kadang salah kadang berdosa <u>Jangan-janganlah</u> putus asa Ampunan Allah selalu terbuka Dalam hidup tiada sempurna Kadang khilaf kadang terlupa <u>Jangan-janganlah</u> putus asa Ampunan Allah selalu terbuka Lirik : Shollu Ala Muhammad	

Opick dan Hafiz Hamidun juga menggunakan teknik répetisi iaitu pengulangan pada baris yang sama. Opick menggunakan pengulangan unsur répetisi sebagai cara

¹⁴⁴ Répetisi bermaksud ulangan kata pada baris yang sama .

menegaskan maksud yang ingin disampaikan agar mampu memberi keyakinan kepada khalayaknya, “ **Ampunilah Ampunilah** segala dosa kesalahan,**Terangilah Terangilah** bimbing ke jalan yang benar”.

Hafiz Hamidun menggunakan teknik reptisi dalam lirik lagu Habeeb. Pengulangan “ya” menegaskan betapa Nabi Muhammad SAW sangat dicintai dan dikasihi pada hati-hati umatnya. Selain itu, perkataan “engkau” juga diulang pada baris yang sama bagi menegaskan bahawa Nabi Muhammad SAW begitu mulia dan maksum. “ **Ya Nabi ya rasul habibi ya kasih, Engkau mulia engkau sempurna**”. Selain itu juga, penggunaan teknik reptisi sebagai pengulangan untuk menegaskan bukti kerinduan terhadap Rasulullah SAW. Tanda kecintaan kepada Rasulullah adalah dengan mengingati baginda dengan memperbanyak selawat ke atas baginda.

c) Epifora¹⁴⁵

Jadual 4.2.2 b iv c: Analisis Terus Terang (Epifora)

Opick	Hafiz Hamidun
<p>Setiap makhluk bergantung pada<u>Mu</u> Dan bersujud semesta untuk<u>Mu</u> Setiap wajah mendamba cinta<u>Mu</u> Cahaya<u>Mu</u></p> <p>Lirik : Cahaya Hati</p>	<p>Hati terkenang dan mulutku sebutkan namamu Dalam solatku, tidurku, nafasku, mengingatimu Hati berbisik berdetik merindukanmu Tiap bicara amanah fatonah imanmu Ku hayati</p> <p>Lirik : Bukti Cintamu</p>

Penggunaan teknik pengulangan epifora juga digunakan oleh Opick dan Hafiz Hamidun dalam album mereka. Melalui lirik cahaya hati oleh Opick, “*Setiap makhluk bergantung padaMu, Dan bersujud semesta untukMu, Setiap wajah mendamba cintaMu,*

¹⁴⁵ Epifora bermaksud pengulangan bunyi akhir kata atau struktur ayat dalam rangkap atau ayat yang berturutan untuk mencapai kesan stilistik tertentu. — Lihat juga Kamus Dewan Edisi Keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka) 397 entri “epifora”)

CahayaMu”. Analisis pengulangan teknik epifora dikesan melalui pengulangan perkataan “**mu**”. Pengulangan ini menegaskan bahawa setiap makhluk Allah hanyalah bergantung dan berharap kepada Allah sebagai penguasa alam.

Manakala Hafiz Hamidun juga menggunakan teknik yang sama iaitu epifora. Melalui lirik *Bukti CintaMu*, “Hati terkenang dan mulutku sebutkan nama**mu**, Dalam solatku, tidurku, nafasku, mengingat**mu**, Hati berbisik berdetik merindukan**mu**, Tiap bicara amanah fatonah iman**mu** Ku hayati”. Pengulangan perkataan “**mu**” di setiap akhir baris menunjukkan kerinduan umat kepada Nabi Muhammad SAW dengan mengucapkan sentiasa berselawat ke atas baginda dan mencontohi segala sunnah yang dilakukan baginda dalam kehidupan.

d) Asonansi¹⁴⁶

Jadual 4.2.2 b iv d: Analisis Terus Terang (Asonansi)

Opick	Hafiz Hamidun
Bersujud kepada Allah Bersyukur sepanjang waktu <i>Setiap</i> nafasmu seluruh hidupmu Semoga diberkahi Allah Lirik : Alhamdulillah	<i>Getar</i> selawat membara bergema <i>setiap</i> masa Lirik : Bukti Cintamu

Menurut jadual di atas, terdapat analisis kandungan penggunaan pengulangan teknik asonansi digunakan oleh Opick. Menerusi lirik *Alhamdulillah*, “*Bersujud kepada Allah, Bersyukur sepanjang waktu, Setiap nafasmu seluruh hidupmu, Semoga diberkahi Allah*”. Pengulangan ini mempertegasan bahawa bersyukur atas nikmat yang dikurniakan dalam kehidupan manusia. Justeru, mensyukuri nikmat Allah akan lagi menambahkan keberkatan dalam hidup.

¹⁴⁶ Asonansi bermaksud pengulangan bunyi vocal dalam deretan kata seperti *secupak* dan *sesukat*, atau *pokok* dan *tokoh* __ Lihat juga Kamus Dewan Edisi Keempat (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)85entri “asonansi”)

Manakala melalui album Hafiz Hamidun juga menggunakan teknik yang sama. Melalui lirik *Bukti Cintamu* “Getar selawat membara bergema setiap masa”. Pengulangan ini menegaskan bahawa pembuktian cinta kepada Nabi Muhammad SAW adalah dengan memperbanyakkan selawat kepada baginda. Selain itu, bertujuan untuk meraih syafaat baginda di akhirat kelak.

Menurut Nor Raudhah Siren, pembujukan melalui kaedah penegasan akan menjadikan lirik lebih menarik dan penegasan lebih berkesan:

Dalam ilmu retorik, penegasan boleh dilakukan menggunakan ayat penegasan. Ayat penegasan tersebut hendaklah menonjol dan lebih menarik, muncul sesekali dan tidak melibatkan keseluruhan ayat. Ayat penegasan yang boleh dilihat melalui teks lirik iaitu soalan retorik, Taukid dan kata tugas. Penegasan dilakukan untuk menunjukkan bahawa perkara yang disebutkan oleh pendakwah merupakan perkara penting dan perlu diambil perhatian oleh khalayaknya. Selain itu, penegasan juga boleh dilihat melalui konteks pengulangan. Penggunaan pengulangan juga mampu mempertegas maksud. Pengulangan ialah perbuatan mengulangi sama ada secara pengulangan di awal baris (anafora), di akhir baris (epifora), pengulangan di awal dan di akhir baris (simplok).¹⁴⁷

Kesimpulannya, melalui analisis kandungan secara terus-terang terdapat dua kaedah yang digunakan oleh Opick dan Hafiz Hamidun iaitu keterangan dan penegasan. Dapatkan kajian mendapati, Opick dan Hafiz Hamidun gemar menggunakan kaedah penegasan dalam menyampaikan retorik pembujukan secara *maw'izah al-hasnah* dalam album mereka. Penegasan yang dibuat oleh Opick banyak menyandarkan manusia sebagai hamba Allah yang wajib mengagungkan Allah. Manakala Hafiz Hamidun banyak menegaskan Nabi Muhammad SAW adalah mengagungkan Nabi Muhammad SAW sebagai idola umat Islam.

¹⁴⁷ Nor Raudhah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah* h.71

4.3 KESIMPULAN

Faktor utama kejayaan usaha dakwah terletak pada kesesuaian uslub dakwah yang digunakan dalam menyampaikan mesej dakwah. Hasil daripada penelitian terhadap kedua-dua buah album Opick dan Hafiz Hamidun terdapat uslub pembujukan secara *mauizah al-hasannah* dalam setiap lagu-lagu mereka. Garapan lirik yang puitis dan indah disertai dengan melodi yang segar mampu menarik perhatian dan memberi kesan kepada khalayak pendengar. Disamping, penggunaan retorik pembujukan dakwah secara *maw'izah al-hasannah* khususnya dalam menyampaikan nasihat melalui lagu merangkumi aspek halus dan terus terang.

BAB 5

RUMUSAN DAN SARANAN

5.1 PENDAHULUAN

Penggunaan lagu sebagai medium dakwah merupakan satu usaha yang wajar diberikan perhatian kerana mampu memberi kesan yang mendalam dalam kehidupan masyarakat kini. Pandangan masyarakat yang mendakwa nasyid hanya sekadar diputar sebelum dan selepas azan, hal ini kerana nasyid bukan daripada aliran *mainstream*. Justeru itu, untuk mengelakkan nasyid di pandang sepi oleh pendengar khususnya di kalangan remaja. Gabungan usaha oleh pendakwah dan penggiat seni muzik untuk menghasilkan gubahan muzik yang segar dan bersifat semasa kerana di dalam lagu nasyid terkandung mesej dakwah yang baik.

5.1 RUMUSAN

Secara konklusinya, kajian ini telah mencapai objektif yang digariskan iaitu:

1. Mengkaji konsep Retorik Pembujukan Dakwah dalam lagu nasyid

Penggunaan retorik pembujukan dakwah adalah sangat wajar dikuasai oleh penyanyi dan penulis sesebuah lirik lagu. Hal ini demikian kerana untuk mengekalkan sesebuah lagu di pasaran dan menjadikan lagu itu sentiasa diingati oleh sasaran pendengar bergantung kepada keindahan bahasa dan mesej yang digunakan dalam sesebuah lirik. Selain itu, penguasaan retorik pembujukan dakwah oleh penyanyi mampu membujuk sasaran dalam usaha menyampaikan dakwah melalui lagu agar dapat memanipulasi emosi dan menarik perhatian sasaran. Apabila jiwa pendengar mula berinteraksi dengan penyampai dan akalnya mula terbuka, maka segala mesej yang disampaikan dapat memberi kesan yang mendalam dalam jiwa pendengar. Selain itu, konsep retorik pembujukan dakwah melalui lagu nasyid dapat dikenal pasti merangkumi item mesej dakwah iaitu mesej akidah, mesej

syariah dan mesej akhlak. Selain itu juga, terdapat uslub dakwah yang untuk menasihati sasaran melalui lagu adalah menggunakan uslub *maw'izah al-hasannah* iaitu secara halus dan terus terang.

2. Mengenalpasti mesej dakwah dalam lagu-lagu nasyid terpilih.

Berdasarkan dapatan kajian secara analisis kandungan mesej dakwah, kedua-dua buah album iaitu Album *The Best Of Opick* dan *I Love Rasulullah* mengandungi mesej dakwah.

Berkaitan dengan mesej akidah, menunjukkan kedua-dua buah album menyentuh perkara yang terdapat di dalam rukun iman iaitu beriman kepada Allah, beriman kepada malaikat, beriman kepada kitab, beriman kepada nabi dan rasul, beriman kepada hari kiamat dan beriman kepada qada'dan qadar.

Pembicaraan mengenai mesej syariah pula, Opick menyentuh sembilan aspek syariah yang perlu dihayati dalam kehidupan sehari-hari muslim iaitu menuaikan solat, membaca al-Quran, membudayakan zikir, haji, puasa, sedekah, qiamullail, istighfar dan berselawat keatas Nabi Muhammad SAW. Manakala Hafiz Hamidun menyentuh tiga aspek syariah daripadanya iaitu menuaikan solat, membaca al-Quran dan galakan untuk berselawat keatas Nabi Muhammad SAW.

Pendekatan mesej akhlak pula berbeza berbeza daripada kedua-dua album. Walaupun masih menggunakan pendekatan yang sama. Misalnya, mesej berkaitan sabar. Melalui lagu Opick, Opick menggalakan supaya bersabar dalam mentaati perintah Allah. Manakala, melalui album Hafiz Hamidun sabar merupakan sifat dalam diri Nabi Muhammad SAW dalam menyampaikan dakwahnya. Oleh itu, pendekatan mesej akhlak juga lebih banyak terdapat dalam album Opick berbanding album Hafiz Hamidun.

3. Menganalisis retorik pembujukan dakwah melalui *maw'izah hasannah* lagu-lagu nasyid terpilih.

Faktor utama kejayaan usaha dakwah terletak pada kesesuaian uslab dakwah yang digunakan dalam menyampaikan mesej dakwah. Hasil daripada penelitian terhadap kedua-dua buah album Opick dan Hafiz Hamidun terdapat uslab pembujukan secara *mauziah hasanah* dalam setiap lagu-lagu mereka. Garapan lirik yang puitis dan indah disertai dengan melodi yang segar mampu menarik perhatian dan memberi kesan kepada khalayak pendengar. Di samping, penggunaan bahasa yang mudah difahami oleh khalayak pendengar. Penggunaan retorik pembujukan dakwah dengan pelbagai aspek halus dan terus- terang menjadikan lagu yang dinyanyikan indah didengar dan difahami untuk dihayati oleh pendengar. Opick gemar menggunakan unsur alam sebagai kiasan untuk menyatakan jiwa hamba. Manakala Hafiz Hamidun pula menjadikan Rasulullah sebagai subjek utama lagu-lagunya sebagai tanda kecintaan umat kepada RasulNya.

5.2 SARANAN

a) Saranan kepada pendakwah

- Pendakwah perlu bijak dan terkehadapan dalam mencari peluang untuk menyebarkan dakwah. Kemunculan pelbagai medium dan teknik yang memudahkan dan mempercepatkan proses dakwah kepada sasaran perlu diterima secara terbuka oleh pendakwah. Medium tersebut perlulah dikuasai oleh pendakwah dan dimanfaatkan sebaiknya dengan tujuan dakwah agar dapat mengatasi dakyah oleh musuh Islam.
- Selain itu, pendakwah perlu terlibat secara langsung dalam pembikinan dan penghasilan lagu. Tidak salah jika pendakwah berkecimpung sebagai penulis lirik, komposer, penerbit mahupun kru-kru sampingan memahami Islam.
- Lagu nasyid tidak dilabelkan sebagai dakwah. Benar, setiap ucapan mukmin hakikatnya dakwah. Namun, biarkan dakwah dalam diri penasyid, bukan mengistiharkan kepada pendengar.
- Lagu nasyid perlu diletakkan setaraf dengan lagu lain. Selagi nasyid berada pada label agama, maka selagi itulah lagu tersebut akan dimainkan sebelum atau selepas

azan berkumandang. Walaupun, bukan label nasyid namun mereka masih membawa imej dan akhlak Islam.

b) Saranan kepada kerajaan

- . Badan Kerajaan khususnya JAKIM, perlu memantau, mengawal dan menyekat penghasilan lagu-lagu yang melampau yang boleh menghina Islam dan merosakkan akidah umat Islam khususnya di kalangan remaja.

c) Saranan kepada penggiat seni

Penggiat seni sewajarnya memikirkan tanggungjawab sosial mereka kerana karya yang dihasilkan terutamanya lirik lagu mampu mempengaruhi peradaban masyarakat khususnya remaja.

5.3 KESIMPULAN

Lagu daripada Opick dan Hafiz Hamidun mempunyai peminat yang ramai dan mencetus fenomena kerana karya mereka mempunyai kekuatan tersendiri adalah penyanyi dan komposer serta pengubah lagu itu sendiri. Apabila mereka sendiri mencipta lagu itu sendiri dan turut menyanyikan, penghayatan lagu dan mesej yang mereka cuba sampaikan akan terkesan di jiwa khalayak pendengar.

BIBLIOGRAFI

RUJUKAN BAHASA MELAYU

- Ab Aziz Mohd Zin, *Pengantar Dakwah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1997)
- Ab Aziz Mohd Zin, *Metodologi Dakwah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2001)
- Ab Aziz Mohd Zin, *Strategi Dakwah Dalam Sirah Nabi Muhammad SAW* (Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan Universiti Malaya, 2012)
- Ab Aziz Mohd Zin, *Psikologi Dakwah* (Kuala Lumpur: JAKIM, 1999)
- Abdullah Hassan, Ainon Mohd, *Teori dan Teknik Ucapan Berpengaruh*, (Pahang:PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd, 2002)
- Abdullah Hasan, *Komunikasi untuk bakal Pendakwah*, Panduan Mengubah Sikap dan Tingkah Laku Orang Lain, (Kuala Lumpur:PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd, 2002)
- Abdul Karim Zaidan, *Dasar-dasar Ilmu Dakwah*, (Kuala Lumpur:Media Dakwah,1980)
- Abu Hamid Muhammad bin Muhammad al-Ghazali, *Ihya' Ulumuddin* (Kaherah: Dar al-Sha'b, t.t)
- Abu Hassan Abdul, *Ilmu Balaghah Melayu: Isu, Prospek dan Cabaran* Jil.9 (Disember 2012:pp 1-16 Ulum Islamiyyah jurnal, USIM
- Abdul Muati @ Zamri Ahmad, Pemikiran Tun Dr Mahathir Mohamad: Satu Kajian Terhadap Pengaruh Logik Dalam Ucapan di Perhimpunan Agong UMNO (1982-2003) Tesis Phd (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2004)
- Afzalur Rahma, Ensklopedia Sirah, Muhammad SA, Badrul Hisham Hassan(terj), Jilid III, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,1993)
- Ahmad Mohd Salleh, *Pendidikan Islam Dinamika Guru*, (Selangor: Karisma Production,2002)
- Ahmad Sharifuddin, *Dakwah Melalui Muzik Dan Nyanyian*, (Fakulti Dakwah dan: UKM, 2009)
- Al-Ghazali, *Ihya Ulumuddin*, Juz 3: 56, Lihat juga Al-Ghazali, Bimbingan Mukmin, (Singapura: Pustaka Nasional, 1995)
- Abdul Ghani Shamsudin, T.AL, *Seni Dalam Islam*. IMAP, 2001
- Asmah Haji Omar , Bahasa Iklan Perniagaan: satu kajian Bahasa Retorik (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 1992)
- Asmah Haji Omar, *Wacana Perbincangan, Perbahasan dan perundingan*,(Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1996)
- Awang Sariyan, *Retorik*, (Pelita Bahasa: Januari 2006)

- Che Zarina Sa'ari, *Isu-Isu Akidah Dalam Khutbah Jumaat Dan Peranannya Dalam Pembangunan Modal Insan*, (Jurnal Usuluddin bil 31.)
- Chua Yan Piaw, *Asas Statistik Penyelidikan*, (Shah Alam, Selangor : McGraw-Hill, 2012)
- Chua Yan Piaw, *Kaedah Penyelidikan*, (Selangor : McGraw-Hill, 2012)
- Farid Mat Zin, Dari Padang Pasir Kepada Pop Kontemporari: Akar Umbi Nasyid di Malaysia, Prosiding Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian, Selangor: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, UKM, 2006)
- Fathi Yakan, *Apa Ertinya Saya Menganut Islam*, (Kuala Lumpur: Pustaka Salam, 1983)
- Gorys Keraf, *Diksi dan Gaya Bahasa*, (Jakarta: Pustaka Utama, 1991)
- H. Toto Tasmara, *Komunikasi Dakwah*, (Jakarta: Gaya Media Pratama, 1997)
- Hajah Noresah Baharom, *Kamus Dewan*, Edisi Keempat. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 2007)
- Haron Din, *Manusia dan Islam*, (Pulau Pinang: Dorong-UBS Sdn Bhd,1985)
- Idris Awang, *Kaedah Penyelidikan: Suatu Sorotan*. (Selangor: Intel Multimedia and Publication, 2001)
- Ismail Kamus, *Indahnya Hidup Bersyariat*, (Kuala Lumpur: Telaga Biru,2009)
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Garis Panduan Hiburan Dalam Islam. Putrajaya: JAKIM. 2005
- Kitab Fikah Imam Syafie, jilid 2 (Kuala Lumpur: Pustaka Salam)
- Krippendorf,Klaus, *Content Analysis: An Introduction to its Methodology* (Beverly Hill: CA Sage,1980)
- Lim Kim Hui, Har Wai Mun, *Jaringan Bahasa Logik, Retorik dan Globalisasi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka)
- Luttrell Wendy, *Qualitative Educational Research: Readings In Reflexive Methodology and Transformative Practice*, (New York: NY Routledge, 2010)
- Mohamad Sulaiman Yasin, *Pengantar Aqidah*, (Selangor:Persatuan Mahasiswa Timur Tengah, 1981)
- Mokhtar Ismail, *Kaedah Penyelidikan Kuantitatif Dalam Pendidikan* (Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur ,2011)
- Muhammed Bin Yusof, *Dakwah Melalui Muzik Edutainment: Tumpuan Terhadap Nasyid Di Malaysia. In: Isu-Isu Semasa Dakwah.* Jabatan Dakwah Dan Pembangunan Insan Apium , (2013)
- Muhammed Bin Yusof Nasyid di Radio Dakwah: Kajian terhadap Nasyid di Radio IKIM.FM, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Tesis Ijazah Kedoktoran ,2012
- Mohamed Kamil Abdul Majid dan Muhammed Yusof. *Ke Arah Memperkasaan Islamisasi Seni Muzik sebagai satu alternatif: Satu Pengamatan Awal*, Kertas Kerja Persidangan Pendidikan Muzik Kebangsaan Mus Ed' 05 di UPSI 28,29,30 November 2005

Mohamed Kamil Abdul Majid dan Muhammed Yusof. *Islamisasi Seni Muzik Sebagai Hiburan Alternatif: Satu Analisis Dari Perspektif Pendekatan Dakwah*, Prosiding Seminar Serantau Dakwah dan Kesenian di UKM pada 7-8 Ogos 2006

Nabilah Binti Mohd Razif (2012), ‘Unsur-unsur Islam Dalam Drama Tv Bersiri: Kajian Terhadap Drama Nur Kasih” (Disertasi Sarjana, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya)

Nor Raudah Siren, *Retorik Penulisan Dakwah*, (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2013)

Nor Raudah Siren, *Retorik Pengucapan Dakwah Ismail Kamus, Jurnal Afkar I (2010)*

Norrodzah Haji Siren Penulisan Dakwah:Kajian retorik terhadap teks ucapan dasar ABIM dan PAS”. Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Tesis Ijazah Kedoktoran ,2010

Nur Amirah Che Soh dan Che Ibrahim *Keindahan Bahasa Dalam Lirik Lagu P.Ramlee International Journal Of the Malay World and Civilization (Iman) 2(1), 2014*

Nur Syazrin Nazeemuddin, *Mesej dakwah dan metode Mau’izah Hasanah dalam Filem* (Disertasi, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2012)

Peter Dixon, *Retorik.(terj. Ismail Hamzah Nasution)*,(Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,1991)

Razali Saaran, *Hebatnya Cara Rasulullah Mendidik*, (Kuala Lumpur: Mustread, 2010)

Roslan Mohamed, *Pendakwah Bermagnet*, (Selangor: Hijjaz Record, 2014)

Saodah Wok, *Teori-teori Komunikasi*, (Selangor: PTS,2005)

Sanad Md Nasir, *Mencari melayu dalam analisis wacana, kritis, retorik, semiotic dan kesantunan Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu 3 bertemakan “Memeluk akar menyuluh ke langit: Budaya”*, Singapura 14-16 Julai 2006

Siti Noor Riha Sulong dan Nor Maliza Abd Rahim " laras bahasa dalam lirik lagu "Hakim yang bijaksana" Journal of Business and sosial department volume 3(2) september 2015,

Sulaiman Endut, *Asas-Asas Fardu Ain* (Selangor: Pustaka Haji Abdul Majid, 2011)

Syed Mahadzir Syed Ibrahim, *Seni Dalam Islam*, (Selangor: Greendome, 2015)

The World 500: *The World’ Most Influential Muslim* (Amman: Jordan National University 2017)

Yusuf al-Qardhawi. *Nyanyian dan Muzik Menurut Perspektif Al-Quran dan As-Sunnah* (Kuala Lumpu: Pustaka Salam,2006)

Zaharuddin Abdul Rahman, Sedekah Luar Biasa, (Kuala Lumpur: Telaga Biru,2014)

Zulkifli Abdul Ghani, *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat*, (Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd, 2001)

Zulkiflie Abdul Ghani, "Penyebaran Dakwah melalui Media Massa", Jurnal Penyelidikan Islam, No 17 (2004)

Zulkiflie Abdul Ghani, Dakwah dalam Era Siber di Malaysia (Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, 2010)

Zurinah hasan, *Lirik Lagu dan Jati Diri Bangsa* (Dewan Budaya: Kuala Lumpur, 2005)
Zaki @ Ismail, Mohammad, *Muzik dan Nyanyian: Peranannya sebagai media dakwah.* Akademi Pengajian Islam: Universiti Malaya, 2008

RUJUKAN BAHASA INGGERIS

Burn R.B, *Introduction on Research Methods* (Longman: Australia ,1995)

Brown & Clark, V , *Using Thematic Analysis in Psychology*, (Auckland: University of Auckland 2006)

Edward P.J Corbett, *Classical Rhetoric For The Modern Student*, Second Edition, (Oxford University Press: New York,1971)

Jordon, John E. *Using rhetoric*, (New York : Harper & Row Publiher, 1965)

Mile, M.B& Huberman, A.M, *Qualitative Data Analysis*, Second Edition (Thousand Oaks,CA: Sage,1994)

Simon, Herbert W. *tt Persuasion: Understanding, Practice and analysis* (Usa: Addison Wesley Publishing Company)

Zulkiflie Abdul Ghani, *Islamic Popular Cultural. Emerging of Nasyid Groups in Malaysia*: Ulum Islamiyyah, 2006

RUJUKAN BAHASA ARAB

Al-Alusi Abu Fadi Shihab al-Din al-Sayid al-Baghdadi, *Ruh al – Ma'ani fi al-Tafsir al-Quran al-Karim wa al-Sab'a al-Mathari al-Risalah* (Beirut: Idarat al-Tiba'ah al-Muniriyah, 1995)

Abdul Wahid, *Ilmu Al-Maani, siri al- Balaghah al-Arabiyyah*, (Kuala Terengganu: Bayt Hikmah, 2006)

Ibnu Kathir, Abi Fida' Ismail *Ibn Kathir*, Juz 30. Al-Azhar: Maktabah Zahran

Ibn Khaldun (Mukaddimah bayrut :al-Matba'at al-adabiyah, 1879 1995)

Ibn Maskawaih, Abu Ali ibn Muhammad ibn Ya'qub, *Tahzib al –akhlak*

Muhammad al-Ghazali (Ma'a Allah, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-A'rabi, 1987)

Sayyid Qutb, *Fi Zilal al-Quran*, J.12, (Bairut: Dar al-Syuruq, 1985)

Yuhana Wartabat dan Harpi Burtar, *Kamus Arab-Inggeris*, cet 5, (Beirut: Lubnan, 1984)

LAMAN SESAWANG

Abu Bakar Bin Yang, “Islam dan Hiburan”, laman sesawang IKIM, dicapai pada Jun 2014 <http://www.ikim.gov.my/>

Arkib, “Nasyid Sebagai Medium Dakwah” laman sesawang Utusan Malaysia, dicapai pada Jun 2014 <http://ww1.utusan.com.my/utusan/info>.

Nik Hasnah Ismail, “opick kembali ke Malaysia dengan konsert Akustik” laman sesawang IKIM dicapai Mei 2015 <http://www.Ikimfm.my/> opick kembali ke Malaysia dengan konsert Akustik

Akmal, “Bekas Rocker Opick, Kini Pejuang Lagu Ketuhanan” laman sesawang Sinar harian, dicapai pada Jun 2014 <http://www.sinarharian.com.my/>

Akmaliah Razak, “Dakwah Cara Opick”, laman sesawang Sinar Harian dicapai Jun 2014 <http://www.sinarharian.com.my/hiburan/dakwah-cara-opick-1.227780>

Ridzuan Abdul Rahman, “Bahagia menyanyi sambil berdakwah”, laman sesawang hmetro dicapai Jun 2016 <http://www.hmetro.com.my.node/100963>

Abd Aziz Itar, “Siapa Hafiz Hamidun” laman sesawang Utusan, dicapai pada Jun 2014 http://ww1.utusan.com.my/utusan/Hiburan/20121120/hi_04/Siapa-Hafiz-Hamidun